

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**MEDIA DAN PILIHAN RAYA: SATU KAJIAN KE ATAS  
NEGERI SARAWAK**



**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**2024**

**MEDIA DAN PILIHAN RAYA: SATU KAJIAN KE ATAS  
NEGERI SARAWAK**



**WAN KHALIK BIN WAN MUHAMMAD (904129)**

**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

**Tesis ini dikemukakan kepada Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian  
Antarabangsa, sebagai memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Doktor Falsafah  
Universiti Utara Malaysia**



Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa  
(College of Law, Government and International Studies)  
**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI**  
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa  
(We, the undersigned, certify that)

**WAN KHALIK WAN MUHAMMAD (904129)**

calon untuk Ijazah **DOKTOR FALSAFAH (SAINS POLITIK)**  
(candidate for the degree of)




telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:  
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**MEDIA DAN PILIHAN RAYA: SATU KAJIAN KE ATAS NEGERI SARAWAK**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.  
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada **11 DISEMBER 2023**

*That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: **DECEMBER 11, 2023***

Pengerusi Viva (Chairman for Viva)	: <b>PROF. MADYA DR. MOHAMAD FAISOL KELING</b>	Tandatangan (Signature)	
Pemeriksa Luar (External Examiner)	: <b>PROF. DATO' DR. SIVAMURUGAN PANDIAN (USM)</b>	Tandatangan (Signature)	
Pemeriksa Dalam (Internal Examiner)	: <b>DR. KAMARUL ZAMAN HAJI YUSOFF</b>	Tandatangan (Signature)	

Tarikh : **11 DISEMBER 2023**  
Date

Nama Pelajar : WAN KHALIK WAN MUHAMMAD (904129)  
(Name of Student)


Tajuk Tesis : MEDIA DAN PILIHAN RAYA: SATU KAJIAN KE ATAS NEGERI  
(Title of the Thesis) SARAWAK

Program Pengajian : DOKTOR FALSAFAH (SAINS POLITIK)  
(Programme of Study)

Penyelia Pertama : PROF. MADYA DR. Tandatangan  
(First Supervisor) KAMARUL AZMAN (Signature)  
KHAMIS



Penyelia Kedua : PROF. DR. RUSDI Tandatangan  
(Second Supervisor) OMAR (Signature)



## **KEBENARAN MENGGUNA**

Dalam membentangkan tesis ini bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk Ijazah Sarjana Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa perpustakaan Universiti boleh secara bebas membenarkan kepada sesiapa saja untuk memeriksa tesis ini. Saya juga bersetuju bahawa penyelia saya atau jika ketiadaan beliau, Dekan Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, diberikan kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, bagi tujuan kesarjanaan. Dimaklumkan juga bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tesis ini sama ada secara sepenuhnya atau sebahagiannya bagi tujuan keuntungan kewangan tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis. Selain itu dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia atas kegunaan kesarjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis saya ini.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau mengguna mana-mana bahan dalam tesis ini, sama ada secara sepenuhnya atau sebahagiannya hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan (Ghazali Shafie Graduate School of Government) College of Law,

Government and International Studies

Universiti Malaysia Utara


06010 UUM Sintok

Kedah Darul Aman, Malaysia

## ABSTRAK

Media memainkan peranan penting bagi membentuk pemikiran pengundi. Ini kerana media merupakan sumber maklumat politik yang utama kepada rakyat dalam masyarakat di Malaysia yang mengamalkan pendekatan demokratik iaitu melalui pilihan raya. Pilihan raya ialah proses memilih wakil rakyat untuk memerintah sama ada pada peringkat negeri atau persekutuan. Pemilihan ini dilakukan secara sulit dengan menggunakan prosedur yang telus dan teratur. Objektif kajian ini adalah bagi melihat dengan lebih komprehensif peranan yang telah dimainkan oleh media iaitu melalui media cetak (majalah, akhbar), media penyiaran (TV, radio), internet dan *out of home* (iklan) semasa PRN 11 dan 12 serta PRU 14 dan 15 di Sarawak. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif, kajian ini mendapati media diterima oleh pengundi di Sarawak dalam mendapatkan maklumat sepanjang pilihan raya. Media internet terutamanya media sosial menjadi pilihan pengundi. Penerimaan media didapati memberi kesan kepada pengundi iaitu dari aspek corak pengundian dan pembangunan ekonomi. Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan kebebasan media berada pada tahap sederhana. Cadangan bagi kajian ini tertumpu kepada tiga perspektif iaitu masyarakat, pengamal media dan pihak berkepentingan yang terdiri daripada pihak kerajaan dan swasta. Oleh yang demikianlah, kajian ini mampu mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pengundi dalam penggunaan media dan sekaligus dapat menyediakan cadangan atau panduan bagi menambahbaik media di Malaysia terutama apabila menjelang pilihan raya.

**Kata kunci:** media, media cetak, media penyiaran, media internet, *out of home*, Sarawak, pilihan raya



## **ABSTRACT**

*The media plays an important role in shaping the minds of voters. This is because the media is the main source of political information for the people in society in Malaysia that practices a democratic approach, which is through elections. Elections are the process of electing elected representatives to govern either at the state or federal level. This selection is done in a difficult manner using a transparent and orderly procedure. The objective of this study is to look more comprehensively at the role played by the media through print media (magazines, newspapers), broadcast media (TV, radio), internet and out of home (advertisements) during PRN 11 and 12 as well as GE 14 and 15 in Sarawak. By using a qualitative and quantitative approach, this study found that the media was accepted by voters in Sarawak in obtaining information throughout the election. Internet media, especially social media, is the choice of voters. Media acceptance has been found to have an impact on voters from the aspects of voting patterns and economic development. Next, the findings of the study show that media freedom is at a moderate level. The recommendations for this study focus on three perspectives, namely the community, media practitioners and stakeholders consisting of the government and the private sector. As such, this study is able to identify the factors that influence voters in the use of the media and at the same time can provide recommendations or guidelines to improve the media in Malaysia, especially when the election is approaching.*

**Keywords:** *media, print media, broadcast media, internet media, out of home, Sarawak, election*



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, pertama sekali saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT di atas keizinan dan rezeki-Nya dapat saya menyiapkan kajian ini. Setinggi penghargaan kepada penyelia, Prof Madya Dr Kamarul Azman Khamis dan Prof Rusdi Omar yang banyak memberi dorongan dan tunjuk ajar sepanjang sesi penyeliaan. Kesabaran dan kesudian mereka dalam berkongsi maklumat serta kepakarannya amat saya hargai. Tanpa bantuan mereka, saya pasti tidak akan mampu untuk menyiapkan kajian ini. Tanpa perkongsian maklumat dan pengalaman mereka juga, saya pasti kajian ini tidak dapat dihasilkan dengan jayanya.

Penghargaan dan kasih sayang saya dedikasikan kepada isteri dan anak-anak. Begitu juga dengan ahlikeluarga lain dan rakan-rakan yang dengan penuh sabar serta tanpa jemu memberi motivasi dan semangat sepanjang penyelidikan ini berlangsung. Pengorbanan kalian amatlah disanjung dan sentiasa diingati. Saya juga amat menghargai sokongan daripada mantan Ketua Menteri Sarawak yang ke-5, Allahyarham Pehin Sri Tan Sri Datuk Patinggi (Dr) Adenan Bin Satem dan juga Ketua Menteri Sarawak ke-6, Premier Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Openg yang menggalakkan saya menyambung pelajaran sewaktu saya bertugas sebagai pegawai mereka. Terima kasih kerana sentiasa memberi sokongan dan sentiasa ada di saat saya menghadapi pelbagai rintangan dan kesukaran.

Sepanjang tempoh menjalankan kajian ini, pelbagai cabaran dan kesukaran yang terpaksa saya hadapi dengan sabar. Bagaimanapun, saya menganggap semua itu sebagai satu galakan dan ujian kepada saya untuk berusaha dengan lebih tekun. Oleh yang demikian, tanpa kerjasama, dorongan dan sokongan semua pihak, sama ada secara langsung atau tidak langsung, adalah sukar untuk saya menghasilkan tesis ini. Bagaimanapun, di ruang yang terhad ini, nama mereka tidak dapat saya nyatakan secara satu per satu. Hanya ucapan terima kasih saya ucapkan dan semoga Allah SWT sentiasa memberkati anda semua. Sekalung penghargaan kepada semua yang menyokong, membantu, serta memberi kerjasama sepanjang tempoh kajian ini disiapkan. Semoga kajian ini memberi manfaat kepada ummah di masa kini dan di masa mendatang.

Sekian, terima kasih.

# ISI KANDUNGAN

KEBENARAN MENGGUNA .....	i
ABSTRAK .....	ii
ABSTRACT .....	iii
PENGHARGAAN .....	iv
ISI KANDUNGAN.....	v
SENARAI JADUAL.....	viii
SENARAI RAJAH .....	x
SENARAI SINGKATAN .....	xii
BAB SATU: PENGENALAN .....	1
1.1 Pendahuluan .....	1
1.2 Latar Belakang Kajian .....	2
1.2.1 Pilihan Raya di Sarawak .....	5
1.3 Pernyataan Masalah .....	10
1.4 Persoalan Kajian .....	16
1.5 Objektif Kajian .....	16
1.6 Kepentingan Kajian .....	17
1.7 Definisi Konseptual dan Operasional .....	18
1.7.1 Peranan .....	18
1.7.2 Media .....	19
1.7.3 Pilihan Raya .....	20
1.8 Teori Berkaitan Media .....	20
1.8.1 Teori Kebergantungan Media.....	21
1.8.2 Model Penerimaan Teknologi (TAM) .....	22
1.8.3 Teori Pilihan Rasional .....	29
1.8.4 Teori Sosiologi.....	30
1.8.5 Teori Modenisasi.....	31
1.8.6 Teori Pemilihan Sosial.....	32
1.8.7 Teori Kegunaan dan Kepuasan (Uses and Gratification Theory).....	34
1.9 Kerangka Kajian .....	36
1.10 Pembahagian Bab.....	37

BAB DUA: ULASAN KARYA .....	38
2.1 Pendahuluan .....	38
2.2 Media .....	38
2.2.1 Media Cetak .....	39
2.2.2 Media Penyiaran.....	41
2.2.3 Media Internet .....	44
2.2.4 Out of Home (OOH).....	45
2.3 Pilihan Raya di Malaysia .....	47
2.4 Peranan Media dalam Pilihan Raya di Malaysia .....	53
2.4.1 Kajian Lepas Berkaitan Peranan Media dalam Pilihan Raya di Malaysia.....	66
2.4.2 Kajian Lepas Berkaitan Peranan Media dalam Pilihan Raya di Luar Negara .....	78
2.5 Isu di Sarawak .....	94
2.5.1 Peluang Perniagaan .....	94
2.5.2 Bantuan Kewangan dan Perumahan .....	98
2.5.3 Peluang Pekerjaan .....	104
2.5.4 Kemudahan Infrastruktur Awam.....	109
2.5.5 Hak Tanah Adat .....	117
2.5.6 Rasuah .....	122
2.5.7 Jenayah .....	125
2.5.8 Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) .....	130
2.6 Rumusan Bab .....	138
 BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN .....	140
3.1 Pengenalan .....	140
3.2 Reka Bentuk Kajian.....	140
3.2.1 Reka Bentuk Kajian Kualitatif .....	141
3.2.2 Reka Bentuk Kajian Kuantitatif .....	142
3.2.3 Kelebihan Pendekatan Triangulation.....	144
3.3 Populasi dan Persampelan.....	146
3.4 Instrumen Kajian .....	152
3.5 Kajian Rintis.....	157

3.6 Kaedah Analisis Data.....	159
3.7 Rumusan Bab .....	161
BAB EMPAT: PERANAN MEDIA DALAM PILIHAN RAYA.....	162
4.1 Pengenalan .....	162
4.2 Analisis Deskriptif (Profil Informan).....	162
4.3 Analisis Deskriptif.....	163
4.4 Ujian Normaliti.....	168
4.5 Ujian Crosstab .....	169
4.6 Objektif I: Mengenalpasti Tahap Penggunaan Media dalam Pilihan Raya di Sarawak .....	169
4.7 Objektif II: Mengenalpasti Peranan Media dalam Memberi Kesan Kepada Keputusan Pilihan Raya di Sarawak .....	174
4.8 Objektif III: Mencadangkan Penambahbaikan Peranan Media dalam Mempengaruhi Keputusan Pilihan Raya di Sarawak.....	192
4.9 Rumusan Bab .....	194
BAB LIMA: KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN.....	195
5.1 Pengenalan.....	195
5.2 Perbincangan.....	195
5.2.1 Rumusan Objektif Pertama .....	195
5.2.2 Rumusan Objektif Kedua.....	199
5.2.3 Rumusan Objektif Ketiga.....	205
5.3 Cadangan.....	207
5.3.1 Masyarakat.....	208
5.3.2 Pengamal Media .....	209
5.3.3 Pihak Berkepentingan.....	210
5.4 Rumusan .....	215
RUJUKAN .....	217
LAMPIRAN 1 (SOALAN TEMU BUAL) .....	248
LAMPIRAN 2 (TRANSKRIP TEMU BUAL) .....	251

## SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Senarai Dewan Undangan Negeri di Sarawak	7
Jadual 1.2	Senarai Parlimen di Sarawak	10
Jadual 2.1	Cara-Cara Hak Tanah Adat Dihapuskan	120
Jadual 3.1	Statistik Pengundi Mengikut Parlimen	148
Jadual 3.2	Sampel Kajian bagi Responden Kualitatif	151
Jadual 3.3	Struktur Ringkas Temu Bual	152
Jadual 3.4	Struktur Ringkas Soal Selidik	153
Jadual 3.5	Pembolehkan bagi Akses Internet dan Sumber Maklumat	153
Jadual 3.6	Definisi Pembolehkan bagi Corak Keputusan Pengundi	154
Jadual 3.7	Definisi Pembolehkan bagi Pengaruh Media ke atas Keputusan Pengundi	155
Jadual 3.8	Definisi Pembolehkan bagi Pengaruh Pembangunan Ekonomi ke atas Keputusan Pengundi	156
Jadual 3.9	Kategori Nilai Alpha (Kebolehpercayaan)	158
Jadual 3.10	Nilai kebolehpercayaan bagi Kajian Rintis	158
Jadual 3.11	Nilai Kebolehpercayaan bagi Setiap Item	159
Jadual 3.12	Kategori Pekali Korelasi (r)	160
Jadual 4.1	Profil Informan	163
Jadual 4.2	Jantina Responden	164
Jadual 4.3	Umur Responden	165
Jadual 4.4	Etnik Responden	165
Jadual 4.5	Parlimen Responden	166
Jadual 4.6	Sektor Pekerjaan Responden	167
Jadual 4.7	Pendapatan Responden	168
Jadual 4.8	Pendidikan Responden	168
Jadual 4.9	Ujian Normaliti bagi Demografi	169
Jadual 4.10	Ujian Crosstab bagi Pengaruh Media dengan Demografi	169
Jadual 4.11	Hasil Temu bual Responden bagi Objektif Pertama	170
Jadual 4.12	Kategori Min	172
Jadual 4.13	Min bagi Media	172
Jadual 4.14	Hasil Temu bual Responden Berkaitan Media Internet	172
Jadual 4.15	Analisis Hubungan antara Corak Keputusan Pengundi dengan Media	173
Jadual 4.16	Kategori Pekali Korelasi (r)	174
Jadual 4.17	Analisis Min bagi Media Internet	174
Jadual 4.18	Hasil Temu bual Responden bagi Objektif Kedua	175
Jadual 4.19	Analisis Min bagi Peranan Media (Positif)	176
Jadual 4.20	Hasil Temu bual Responden Berkaitan Media	176
Jadual 4.21	Analisis Min bagi Isu Berdasarkan Parlimen di Sarawak	178
Jadual 4.22	Hasil Temu bual Responden bagi Kesan Kebebasan Media	186
Jadual 4.23	Hasil Temu bual Responden bagi Objektif Ketiga	192

Jadual 5.1	Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pengundi (Media)	197
Jadual 5.2	Faktor Mempengaruhi Corak Keputusan Pengundi	200
Jadual 5.3	Isu yang Menjadi Keutamaan Calon atau Parti	202



## SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak	6
Rajah 1.2	Parlimen Sarawak	9
Rajah 1.3	Teori Kebergantungan Media	22
Rajah 1.4	Model Penerimaan Teknologi (Davis, 1989)	24
Rajah 1.5	Kerangka Kajian	36
Rajah 5.1	Ringkasan Cadangan Kajian	207



## SENARAI SINGKATAN

TCP/ IP	<i>Protocol Suite</i>
RSF	<i>Reporters without Borders</i>
KKMM	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
MCMC	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
OSA	Akta Keselamatan Rasmi
SA	Akta Seditious
ISA	Ancaman Keselamatan Dalamam
PPPA	Akta Mesin Cetak dan Penerbitan
CET	Teori Penglibatan Kognitif
ICT	<i>Information and Communication Technologies</i>
MCMC	<i>Malaysian Communications and Multimedia Commission</i>
UTAUT	<i>Unified Theory of Acceptance and Use of Technology</i>
DOI	<i>Diffusion of Innovations</i>
OOH	<i>Out of Home</i>
AI	<i>Artificial Intelligence</i>
LED	<i>Light-Emitting Diode</i>
DUN	Dewan Undangan Negeri
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
BN	Barisan Nasional
DAP	Parti Tindakan Demokratik
PKR	Parti Keadilan Rakyat
STAR	Parti Reformasi Negeri
AMANAH	Parti Amanah Negara
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PRU	Pilihan Raya Umum
GPS	Gabungan Parti Sarawak
PSB	Parti Sarawak Bersatu
PH	Pakatan Harapan
TV	Televisyen
PR	Pakatan Rakyat
PATI	Pendatang Asing Tanpa Izin

# **BAB SATU**

## **Pengenalan**

### **1.1 Pendahuluan**

Negara demokrasi lahirnya daripada perjuangan berasaskan kedaulatan negara (Uncetabarrenechea, 2022; Asmah & Rosniza, 2020; Volk, 2019). Umumnya terdapat dua corak pemerintahan negara demokrasi iaitu sistem Raja Berpelembagaan dan sistem Republik (Arfa'I, 2019). Sistem Raja Berpelembagaan merupakan satu sistem yang mengekalkan raja sebagai pemerintah tertinggi negara dan negeri yang mana dibantu oleh Perdana Menteri (Nazri, 2021). Manakala sistem Republik merupakan satu sistem yang menolak institusi beraja. Kerajaan diketuai oleh presiden yang dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya (Dharma Setyawan & Mu`adil, 2019).

Pemilihan ini dilakukan secara sulit dengan menggunakan prosedur yang telus dan teratur. Pengiraan undian dibuat secara terbuka dan keputusannya direkodkan. Calon yang mendapat undian terbanyak dikira menang. Dalam tugas ini, negara Malaysia dijadikan sebagai medan untuk memperjelaskan dan mengupas lebih mendalam perjalanan pilihan raya yang mendapat sambutan dalam perdebatan peranan media sosial dalam menyampaikan ideologi politik mereka yang bakal mempengaruhi mentaliti masyarakat untuk mengundi (Samsudin, 2020).

Dalam usaha menyampaikan ideologi politik yang akan mempengaruhi mentaliti masyarakat untuk mengundi, media memainkan peranan penting kerana media merupakan medium komunikasi utama sebagai perpindahan maklumat, idea, kefahaman atau perasaan antara manusia (Abbe, Goodliffe, Herrnson & Peterson,

2017). Aktiviti komunikasi ini merupakan aktiviti yang berlaku dalam setiap kehidupan kita. Selagi manusia masih hidup selagi itulah keperluan untuk berkomunikasi akan terus wujud (Kepplinger, 2022; Dutta-Bergermen, 2015).

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Di Malaysia, media dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu media kerajaan dan media swasta. Media berfungsi sebagai sebahagian daripada seluruh sistem negara berkenaan dan tidak boleh terasing daripada sistem negara berkenaan. Contohnya, jika negara itu mengamalkan sistem demokrasi yang seluruhnya bebas, akhbar juga turut bebas dalam menyampaikan maklumat. Sebaliknya negara itu mengamalkan sistem negara yang terkawal kebebasannya, akhbar juga terkawal (Shah, Cho, Eveland & Kwak, 2019).

Ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya peranan media dalam melihat sejauhmana keberkesanan pengaruhnya dalam sesebuah pilihan raya umum mahupun pilihan raya negeri (Elvionita & Shahrul Nazmi, 2014). Oleh itu, kajian ini melihat sejauhmana pentingnya peranan dan keberkesanan media dalam mempengaruhi pola pengundian pengundi di Sarawak. Kajian ini memberi tumpuan kepada empat komponen utama dalam media iaitu media cetak, media penyiaran, internet dan media *Out of Home* (OOH).

Media cetak lebih dikenali sebagai akhbar dan juga majalah (Hobbs, 2010). Akhbar menyampaikan maklumat kepada pembaca bagi memenuhi keperluan dan kehendak mereka mengenali informasi harian. Akhbar juga lebih mementingkan soal ketepatan masa sesuatu berita itu berbanding dengan majalah yang lebih

bersifat semasa, maka majalah diterbitkan secara bulanan atau mingguan. Akhbar juga terbahagi kepada dua bentuk iaitu akhbar tabloid yang menyiarkan pelbagai isu terkini dengan bilangan muka surat yang lebih banyak berbanding akhbar “*broadsheet*” yang diterbitkan dengan bilangan muka surat lebih sedikit. Akhbar terbahagi kepada dua iaitu akhbar arus perdana dan akhbar bukan arus perdana. Akhbar arus perdana diterbitkan secara harian yang banyak memberi tumpuan kepada kerajaan seperti akhbar Berita Harian. Manakala akhbar bukan arus perdana pula diterbitkan secara berkala yang lebih mengkritik kerajaan seperti akhbar Harakah (Maksum, 2016).

Media penyiaran atau *broadcast media* bertindak sebagai sistem apabila proses pengumpulan dan penyebaran maklumatnya menggunakan satu tatacara dan proses tertentu yang ditetapkan oleh sistem dalam sesebuah masyarakat. Media penyiaran bertindak sebagai alat apabila media ini digunakan untuk menyebarkan maklumat (Buckingham, 2017). Pengurusan maklumat melalui media elektronik tertakluk kepada persetujuan sistem yang diwujudkan. Dalam komunikasi korporat, media elektronik bertindak sebagai alat penyaluran maklumat organisasi kepada khalayak. Maklumat boleh dalam bentuk audio dan visual. Contohnya, radio dan televisyen. Media tersebut menyediakan ruang masa siaran iklan untuk mempromosikan barangan atau perkhidmatan (Hall, 2021).

Media internet adalah rangkaian komputer yang terhubung melalui jaringan dan saling berkomunikasi dengan waktu dan wilayah tak terbatas (Jarot & Sudarma, 2012). Sedangkan menurut Soetam (2011), internet adalah sistem global dari seluruh jaringan komputer yang saling terhubung menggunakan *Standard Internet*

*Protocol Suite* (TCP/ IP) untuk melayani jutaan pengguna di seluruh dunia.

Menurut Rosa dan Shalahudin (2011: 281) melalui media internet ini kita dapat melakukan banyak hal, di antaranya untuk:

- a) Penelusuran dan pencarian bahan pustaka
- b) Membangun Program *Artificial Intelligence* (AI: kecerdasan buatan)
- c) Memberi kemudahan untuk mengakses apa yang disebut dengan virtual
- d) Pemasaran dan promosi hasil karya penelitian

Media internet terdiri daripada tujuh kategori (Siti Ezaleila, 2018) iaitu:

- a) Rangkaian sosial (*social network*) (Facebook, LinkedIn, Google)
- b) Rangkaian blog mikro (Twitter, Tumblr, Medium)
- c) Rangkaian perkongsian gambar (Instagram, Pinterest, Snapchat, Imgur)
- d) Rangkaian perkongsian video (YouTube, Vimeo, TikTok)
- e) Rangkaian perbualan dan pemesejan (WhatsApp, Telegram, WeChat, Skype)
- f) Laman komuniti dan forum perbincangan (Reddit, Quora)
- g) Rangkaian tinjauan pengguna (Yelp, TripAdvisor).

OOH merupakan media yang sering kali dipinggirkan. Ini mungkin pengkaji menganggap OOH hanya untuk pemasaran dan perniagaan yang bermotifkan atau bermatlamatkan keuntungan semata-mata. OOH merujuk kepada media pengiklanan yang berada di luar rumah baik di jalanan ataupun di pusat membeli belah. Contoh OOH adalah seperti billboard, *retail advertising* dan *vehicle advertising*. Dengan berkembangnya dunia digital, OOH dilihat lebih menggunakan kaedah *Interactive Digital Information Display* seperti paparan skrin *Light-Emitting Diode* (LED) yang lazimnya berada di tempat tumpuan orang ramai dan juga di tepi jalan (Belch & Belch,

2016).

### **1.2.1 Pilihan Raya di Sarawak**

Pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak 2016 adalah pilihan raya yang ke-11 diadakan apabila DUN Sarawak dibubarkan pada 11 April 2016. Writ pilihan raya dikeluarkan pada 14 April 2016, hari penamaan calon berlangsung pada 25 April 2016, manakala hari mengundi awal pada 3 Mei 2016 dan hari mengundi biasa pada 7 Mei 2016.

DUN Sarawak mempunyai 82 kerusi, terdahulu hanya sebanyak 71 kerusi, ditambah 11 kerusi baharu. Seramai 1,138,650 pengundi berdaftar layak mengundi dalam proses pengundian kali ini melibatkan 106 pengundi luar negara dan 25,022 pengundi awal.


Keputusan pilihan raya negeri Sarawak 2016 telah diumumkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada 7 Mei 2016. Pilihan raya negeri Sarawak 2016 menyaksikan pertandingan 82 kerusi DUN Sarawak dengan 229 calon terdiri daripada Barisan Nasional (BN), Parti Tindakan Demokratik (DAP), Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Reformasi Negeri (STAR), Parti Bangsa Dayak Sarawak Baru, Parti Amanah Negara (AMANAH), Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan calon-calon BEBAS.

Hasil PRN 11 mendapati BN membentuk kerajaan Sarawak yang baharu dengan majoriti dua pertiga selepas menang 72 daripada 82 kerusi. DAP berjaya memenangi tujuh kerusi, manakala PKR pula menang tiga kerusi.

Keputusan PRN Sarawak 2021 telah diumumkan oleh SPR pada 20 Disember 2021.

PRN Sarawak 2021 menyaksikan pertandingan 82 kerusi DUN Sarawak dengan 349 calon terdiri daripada Gabungan Parti Sarawak (GPS), Pakatan Harapan (PH), Parti Sarawak Bersatu (PSB), Parti Bumi Kenyalang, Parti Aspirasi Rakyat Sarawak, Parti Bansa Dayak Sarawak Baru, Parti Sedar Rakyat Sarawak, Parti Islam Se-Malaysia dan calon-calon BEBAS.

PRN 12 menyaksikan GPS membentuk kerajaan Sarawak yang baharu dengan majoriti dua pertiga selepas menang 76 daripada 82 kerusi. PSB berjaya memenangi empat kerusi, manakala PH pula menang dua melalui Parti Tindakan Demokratik (DAP).



Rajah 1.1: Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak  
 Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), 2022

Jadual 1.1

*Senarai Dewan Undangan Negeri di Sarawak*

<b>Bil</b>	<b>Kod DUN</b>	<b>DUN</b>	<b>Bil</b>	<b>Kod DUN</b>	<b>DUN</b>
1	N1	Opar	42	N42	Semop
2	N2	Tasik Biru	43	N43	Daro
3	N3	Tanjung Datu	44	N44	Jemoreng
4	N4	Pantai Damai	45	N45	Repok
5	N5	Demak Laut	46	N46	Meradong
6	N6	Tupong	47	N47	Pakan
7	N7	Samariang	48	N48	Meluan
8	N8	Satok	49	N49	Ngemah
9	N9	Padungan	50	N50	Machan
10	N10	Pending	51	N51	Bukit Assek
11	N11	Batu Lintang	52	N52	Dudong
12	N12	Kota Sentosa	52	N52	Bawang Assan
13	N13	Batu Kitang	54	N54	Pelawan
14	N14	Batu Kawah	55	N55	Nangka
15	N15	Asajaya	56	N56	Dalat
16	N16	Muara Tuang	57	N57	Tellian
17	N17	Stakan	58	N58	Balingian
18	N18	Serembu	59	N59	Tamin
19	N19	Mambong	60	N60	Kakus
20	N20	Tarat	61	N61	Pelagus
21	N21	Tebedu	62	N62	Katibas
22	N22	Kedup	63	N63	Bukit Goram
23	N23	Bukit Semuja	64	N64	Baleh
24	N24	Sadong Jaya	65	N65	Belaga
25	N25	Simunjan	66	N66	Murum
26	N26	Gedong	67	N67	Jepak
27	N27	Sebuyau	68	N68	Tanjong Batu
28	N28	Lingga	69	N69	Kemena
29	N29	Beting Maro	70	N70	Samalaju
30	N30	Balai Ringin	71	N71	Bekenu
31	N31	Bukit Bagunan	72	N72	Lambir
32	N32	Simanggang	73	N73	Piasau
33	N33	Engkilili	74	N74	Pujut
34	N34	Batang AI	75	N75	Senadin
35	N35	Saribas	76	N76	Marudi
36	N36	Layar	77	N77	Telang Usan
37	N37	Bukit Saban	78	N78	Mulu
38	N38	Kalaka	79	N79	Bukit Kota
39	N39	Krian	80	N80	Batu Danau
40	N40	Kabong	81	N81	Ba'Kelalan
41	N41	Kuala Rajang	82	N82	Bukit Sari

Pilihan Raya Umum (PRU) Malaysia ke-14 (PRU 14) ialah pilihan raya yang diadakan pada 9 Mei 2018 hingga 24 Jun 2018 setelah parlimen dibubarkan pada 7 April 2018.

Tempoh penggal parlimen mengikut Perlembagaan Malaysia ialah lima tahun sejak mula bersidang, iaitu sehingga 24 Jun 2018. Yang di-Pertuan Agong bagaimanapun boleh membubarkan parlimen lebih awal atas nasihat Perdana Menteri. Bagi pilihan raya serentak seluruh negara (parlimen dan DUN), pilihan raya perlu diadakan selewat-lewatnya 6 Jun 2018.

Pilihan raya umum Malaysia menggunakan sistem undian pemenang undi terbanyak. Pilihan raya akan dikendalikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR). Walaupun daripada segi teori mana-mana negeri boleh membubarkan Dewan Undangan Negerinya secara berasingan daripada Parlimen, secara tradisinya DUN dibubarkan sekali dengan Parlimen, kecuali Sarawak.


222 orang ahli Dewan Rakyat dipilih dari kawasan pemilihan ahli tunggal menggunakan sistem undian pemenang undi terbanyak. Malaysia tidak mengamalkan pengundian wajib dan pendaftaran pengundi automatik. Umur pengundian adalah 21 tahun ke atas walaupun usia majoriti di negara ini adalah 18 tahun (Khairunisa'a & Junaidi, 2020). Pengubahsuaian sempadan pilihan raya untuk seluruh negara telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Rakyat, dan kemudiannya diwartakan pada 29 Mac 2018 setelah mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong menjelang pilihan raya umum ke-14. Pilihan raya dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia (SPR), yang berada di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri.

Pada 6 April 2018, Perdana Menteri Najib Razak mengumumkan tarikh pembubaran parlimen iaitu berkuatkuasa pada 7 April 2018 menerusi ucapan khas yang disiarkan secara langsung di televisyen dari Perdana Putra kira-kira pukul 12 tengah hari selepas

mempengerusikan mesyuarat kabinet terakhir untuk penggal kali ini.

PRU 14 di peringkat nasional dimenangi oleh Pakatan Harapan (PH) yang sebelum ini merupakan pembangkang utama di Parlimen Malaysia. Pakatan ini mendapat majoriti mudah 113 kerusi di Dewan Rakyat. Ditambah dengan 8 kerusi yang dimenangi Parti Warisan Sabah, mereka mempunyai 121 kerusi keseluruhannya di Parlimen, cukup bagi membentuk kerajaan baharu. Di parlimen Sarawak pula, 31 kerusi parlimen dipertandingkan. BN terus mengekalkan penguasaan di Sarawak dengan memenangi 19 kerusi. Manakala pihak pembangkang memenangi 12 kerusi (PKR, 4 kerusi; DAP, 6 kerusi; BEBAS, 2 kerusi).

PRU 15 pula menyaksikan gabungan PH-BN berjaya membentuk kerajaan perpaduan iaitu gabungan antara blok politik PH, BN, GRS, GPS dan Warisan. Sementara di Sarawak, kerusi parlimen dimenangi oleh GPS iaitu sebanyak 23 kerusi. DAP memenangi lima kerusi dan masing-masing satu kerusi bagi PH, PN dan PBM.



Rajah 1.2: Parlimen di Sarawak  
Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), 2020

Jadual 1.2

*Senarai Parlimen di Sarawak*

<b>Bil</b>	<b>Kod Parlimen</b>	<b>Parlimen</b>
1	P.192	Mas Gading
2	P.193	Santubong
3	P.194	Petra Jaya
4	P.195	Bandar Kuching
5	P.196	Stampin
6	P.197	Kota Samarahan
7	P.198	Puncak Borneo
8	P.199	Serian
9	P.200	Batang Sado
10	P.201	Batang Lupar
11	P.202	Sri Aman
12	P.203	Lubok Antu
13	P.204	Betong
14	P.205	Saratok
15	P.206	Tanjong Manis
16	P.207	Igan
17	P.208	Sarikei
18	P.209	Julau
19	P.210	Kanowit
20	P.211	Lanang
21	P.212	Sibu
22	P.213	Mukah
23	P.214	Selangau
24	P.215	Kapit
25	P.216	Hulu Rajang
26	P.217	Bintulu
27	P.218	Sibuti
28	P.219	Miri
29	P.220	Baram
30	P.221	Limbang
31	P.222	Lawas

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Media memainkan peranan penting bagi membentuk pemikiran pengundi. Ini kerana media merupakan sumber maklumat politik yang utama kepada rakyat dalam masyarakat Malaysia yang mengamalkan pendekatan demokratik. Pilihan Raya Umum (PRU) 12 dan PRU 13 merupakan titik permulaan kepincangan politik Barisan Nasional (BN), di mana BN gagal memperolehi majoriti dua pertiga. BN yang memegang tampuk pemerintahan kerajaan lebih 60 tahun terus diuji pada PRU 14,

apabila BN tewas kepada sebuah perikatan baharu iaitu Pakatan Harapan (PH) yang dipimpin oleh Tun Dr Mahathir Mohamad.

PRU 13 dan PRU 14 memperlihatkan BN Sarawak kekal sebagai ‘negeri penyelamat’ kepada BN. Malah, melalui Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak ke 10 dan PRN Sarawak ke 11 jelas menunjukkan trend meningkat terhadap sokongan kepada PH. Keputusan pilihan raya ini sememangnya dipengaruhi oleh peranan media dalam menyalurkan dan menyampaikan maklumat kepada pengundi. Malah, kegagalan mencapai majoriti dua pertiga pada PRU 13 turut diakui oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi kerana terlepas pandang terhadap kempen siber. Tentera siber (*cybertrooper*) dipercayai memainkan peranan penting menentukan keputusan PRU 14 terutamanya perbincangan oleh media (*trial by media*) ke atas isu-isu semasa serta cara media mbingkai agenda yang dipilih.

Siapa yang menguasai media akan mempunyai kelebihan memenangi pilihan raya (McCombs & Shaw, 2022; Kahn & Kenney, 2019; Kenski & Stroud, 2016; Downey & Fenton, 2013). Hal ini dijelaskan menerusi teori-teori yang mendukung “kuasa media” seperti penentuan agenda (Sweetser, Golan & Wanta, 2018; Kiousis & McCombs, 2014), pemingkai (Stromback, 2018; Zillmann, Chen, Knobloch & Callison, 2014) dan priming (Balmas & Sheaffer, 2016; Scheufele & Tewksbury, 2017).

Oleh itu, apakah peranan media dalam PRU 14 dan PRU 15 serta PRN 11 dan PRN 12 di Sarawak, merupakan persoalan menarik yang wajar dikupas terutamanya bagaimana media mencorak minda dan gaya kehidupan masyarakat tanpa disedari oleh mereka. Hujah Tuchman (1978) mengungkapkan media adalah “jendela dunia” kepada

masyarakat amat penting di sini kerana kebanyakan individu tidak mempunyai pengalaman langsung (*first hand experience*) dengan realiti peristiwa yang berlaku tetapi media memberikan mereka pengetahuan dan persepsi terhadap isu yang diviralkan tersebut. Apa yang seseorang tahu berkenaan sesuatu isu lazimnya datang daripada sudut pandangan berita atau informasi yang mereka perolehi.

Jelas Tuchman (1978), realiti yang dilihat (*perceived reality*) menerusi media sebenarnya ialah realiti versi laporan media dan tidak semestinya mencerminkan realiti dunia sebenar. Biarpun pengguna telefon pintar dan saluran-saluran media sosial diklasifikasikan sebagai “khalayak aktif” kerana mereka sendiri menentukan saluran mana yang ingin diakses, mereka sebenarnya pada masa yang sama merupakan khalayak pasif jika dilihat dari sudut “kuasa media” kerana mereka langsung tidak mempunyai kuasa ke atas maklumat yang mereka ingin peroleh apatah lagi dengan kewujudan “*push news*.” Timbul juga salah persepsi semakin tular sesuatu berita itu bermaksud semakin benar ceritanya apatah lagi bila pihak yang dituduh tidak mengambil tindakan guaman menyaman. Justeru, kefahaman seseorang itu tentang sesuatu perkara sebenarnya direncanakan oleh siapa yang menguasai saluran media tersebut dan mampu menghasilkan kandungan kreatif yang lebih menarik.

Berdasarkan tinjauan literatur yang telah dijalankan mendapati kajian berkaitan peranan media di dalam pilihan raya di Malaysia secara akademik masih terlalu kurang. Tambahan pula, kajian berkaitan peranan media dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya dianggap kompleks oleh penyelidik terdahulu dan berpendapat faktor yang mempengaruhi keputusan pilihan raya masih kurang difahami (Chin, 2018; Yi, Nur Afisha & Wei, 2016). Sementara itu, kajian terdahulu mengenai pilihan

raya khasnya di Sarawak lebih memberi tumpuan kepada penilaian keputusan pilihan raya Sarawak (Akmal Hisham et al., 2018; Chin, 2018; Milne & Ratnam, 2009; Mohamed Nawab & Rashaad Ali, 2017; Suffian Mansor, 2008; Suffian Mansor & Awang Azman, 2018; Tutong & Mersat, 2021), tingkah laku pengundian dalam pilihan raya Sarawak (Mohd Faisal, Mersat & Sarok, 2002; Rizal Yaakop & Ghazali Mayudin, 2008; Yi, Nur Afisha & Wei, 2016; Yi et al., 2019; Zalina & Arenawati, 2013), pola pengundian pilihan raya Sarawak (Junaidi et al., 2012; Pearl, 2011; Puyok, 2006; Shahrudin, Abang Yusof, Nadrawina & Nursuria, 2004; Siti Noranizahhafizah & Jawan, 2018), persepsi penduduk dalam pilihan raya di Sarawak (Junaidi & Fairuz, 2018; Junaidi, Lyndon & Mohd Azlan, 2014; Om, 2020; Sabihah, 2000; Yi, Muhammad Haiqal & Nur Syifaa', 2023). Pada masa yang sama, tidak banyak kajian terperinci yang dijalankan untuk memahami peranan media dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya terutamanya pilihan raya di Sarawak (Kadam-Kiai, 2009).

Sorotan kajian lepas menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara peranan media dengan keputusan pilihan raya (Kadam-Kiai, 2009; Nur Nadhirah & Safawi, 2018; Nadrawina Isnin, 2018). Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian lepas tidak memberi penekanan terhadap kedua-dua hubungan tersebut. Sedangkan Nur Nadhirah dan Safawi (2018) berpendapat media, termasuk akhbar, televisyen, radio, dan platform digital, memainkan peranan utama dalam membentuk persepsi pengundi, memaparkan isu-isu semasa, dan mempengaruhi dinamika politik. Sebagai alat ruang awam, media sosial adalah komponen penting bagi komuniti politik sebagai ruang untuk ahli politik dan orang ramai dalam menyuarakan pandangan mereka untuk mempengaruhi institusi politik masyarakat di Malaysia. Hal ini turut dipersetujui oleh Leong (2015) yang mendapati parti politik Malaysia, BN dan PH menggunakan

pasukan siber untuk serangan siber dan perang siber semasa pilihan raya Malaysia 2018. Tambahan pula, liputan media mengenai isu-isu pilihan raya mempengaruhi pendapat umum tentang politik dan trend pengundi. Media memberi kesan kepada tingkah laku politik. Ia mempengaruhi pembuatan keputusan berasaskan maklumat politik (Junaidi, Rosmadi, Mohd Azlan & Amer, 2014).

Kajian oleh Chinnasamy dan Norain (2018) juga menyatakan untuk mendapatkan dan mengekalkan kuasa politik, ahli politik menggunakan media untuk memujuk orang ramai supaya mengundi dan menyokong mereka, terutamanya semasa pilihan raya. Menurut Chinnasamy dan Norain (2018), pemimpin politik lebih suka media sosial walaupun penyebaran berita palsu dalam talian. Facebook dan Twitter adalah SNS utama yang digunakan oleh parti politik dan ahli politik Malaysia. Facebook mempunyai peranan utama dalam kempen media sosial PRU 14, yang menyebarkan berita dari laman web arus perdana dalam talian, portal, blog peribadi, dan filem interaktif dan peribadi yang disiarkan oleh netizen Facebook dan WhatsApp membangkitkan emosi, kemarahan dan nasionalisme pengundi, yang mempengaruhi tingkah laku mengundi.

Sepanjang pengetahuan pengkaji, terdapat kajian yang sangat terhad berkaitan peranan keempat-empat media iaitu media cetak (majalah, akhbar), media penyiaran (TV, radio), internet dan OOH (iklan) dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya. Dengan kepesatan teknologi kini, kajian-kajian terdahulu hanya memberi tumpuan kepada media internet iaitu media sosial. Malah terdapat juga kajian yang membezakan media sosial dengan media lain terutama media yang bersifat tradisional seperti radio, televisyen dan akhbar. Hasilnya, tentulah media internet dilihat lebih dinamik dan

efisien dalam menyampaikan maklumat. Ini memberi pandangan negatif kepada media terutama media cetak dan penyiaran.

OOH merupakan media yang sering kali dipinggirkan. Ini mungkin pengkaji menganggap OOH hanya untuk pemasaran dan perniagaan yang bermotifkan atau bermatlamatkan keuntungan semata-mata. OOH merujuk kepada media pengiklanan yang berada di luar rumah baik di jalanan ataupun di pusat membeli belah. Contoh OOH adalah seperti billboard, *retail advertising* dan *vehicle advertising*. Dengan berkembangnya dunia digital, OOH dilihat lebih menggunakan kaedah *Interactive Digital Information Display* seperti paparan skrin LED yang lazimnya berada di tempat tumpuan orang ramai dan juga di tepi jalan. Berkaitan OOH ini, masih belum terdapat kajian yang dikaitkan dengan pilihan raya di Malaysia.

Kajian terdahulu berkaitan peranan media terutamanya pengiklanan OOH dalam pilihan raya telah dijalankan diluar negara dan dilihat amat terhad kajian yang dijalankan terutamanya di Malaysia (Choubey, 2019; Listwan-Franczak, 2016; Ojekwe, 2016). Pengiklanan OOH telah menjadi salah satu medium yang paling pesat berkembang di seluruh dunia (Ojekwe, 2016), manakala media dalam media pengiklanan tradisional seperti televisyen, cetak dan radio semakin berkurangan. Sebagai contoh, parti politik di India membelanjakan berjuta-juta rupee sebagai bayaran kepada agensi pengiklanan politik. Semasa pilihan raya, kebanyakan bajet diperuntukkan kepada akhbar serantau dan saluran berita TV, radio FM, dan pengiklanan OOH (Choubey, 2019). Hal yang sama turut terjadi di Poland yang memperlihatkan pengiklanan OOH ini telah diiktiraf oleh parti politik dan ahli politik Poland semakin beralih kepada papan iklan sebagai alat untuk kempen politik.

Peningkatan ketara dalam media pengiklanan kandungan politik, dapat dilihat terutamanya semasa kempen pilihan raya di Poland (Listwan-Franczak, 2016).

Lantaran menangani batasan dalam kajian terdahulu, penambahan keempat-empat media iaitu media cetak (majalah, akhbar), media penyiaran (TV, radio), internet dan OOH (iklan) dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya telah dimasukkan untuk memberi lebih pemahaman berkaitan peranan media dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi melihat dengan lebih komprehensif peranan yang telah dimainkan oleh media iaitu melalui media cetak (majalah, akhbar), media penyiaran (TV, radio), internet dan OOH (iklan) semasa PRN 11 dan PRN 12 serta PRU 14 dan PRU 15 di Sarawak. Kajian ini bertujuan untuk merapatkan jurang sedia ada di antara kajian lepas. Selain itu, kajian ini juga dilaksanakan bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pengundi dalam penggunaan media dan sekaligus dapat menyediakan cadangan atau panduan bagi menambahbaik media di Malaysia terutama apabila menjelang pilihan raya.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

- a) Apakah tahap penggunaan media dalam pilihan raya di Sarawak?
- b) Sejauh manakah peranan media memberi kesan kepada keputusan pilihan raya di Sarawak?
- c) Apakah cadangan penambahbaikan peranan media dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya di Sarawak?

#### **1.5 Objektif Kajian**

- a) Menenalpasti tahap penggunaan media dalam pilihan raya di Sarawak

- b) Mengenalpasti peranan media dalam memberi kesan kepada keputusan pilihan raya di Sarawak
- c) Mencadangkan penambahbaikan peranan media dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya di Sarawak

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian merujuk kepada ‘kenapa kajian yang dijalankan adalah penting?’

Oleh itu, kepentingan kajian berperanan (Nor Wahiza, Nor Haniza & Mastura, 2020)

sebagai:

- a) Memenuhi jurang atau lompang penyelidikan
- b) Membenarkan generalisasi kepada prinsip yang lebih umum mengenai bidang tersebut
- c) Menajamkan lagi definisi sesuatu konsep atau hubungan
- d) Mempunyai implikasi yang lebih besar terhadap masalah-masalah yang praktikal
- e) Membina atau memperbaiki instrumen untuk mengumpul dan menganalisis data
- f) Menyediakan peluang untuk mengumpul data yang dihalang oleh faktor tidak cukup masa
- g) Menyediakan kemungkinan untuk menghasilkan satu eksplorasi sesuatu isu dengan teknik yang sedia ada

Bagi kajian ini, kajian ini adalah penting dalam merapatkan jurang dengan kajian-kajian yang lain. Di mana, kajian-kajian sebelum ini tidak memberi tumpuan kepada jenis media utama iaitu media cetak (majalah, akhbar), media penyiaran (televisyen

[TV], radio), internet dan OOH (iklan). Disebabkan itu, kajian ini mengambil kira keempat-empat media bagi menyediakan gambaran yang lebih jelas dan panduan atau garis panduan yang lebih menyeluruh dan komprehensif kepada pembuat polisi dan pihak-pihak berkepentingan dalam menaiktaraf dan menambahbaik peranan media di Malaysia terutama apabila menjelang musim pilihan raya.

Dari segi teori pula, kajian ini menggabungkan empat teori iaitu Teori Kebergantungan Media, Model Penerimaan Teknologi, Teori Pilihan Rasional dan Teori Sosiologi. Gabungan teori dan model ini bukan sahaja dapat menjawab persoalan dan mencapai objektif kajian, malah ianya juga turut sama-sama membantu dalam membentuk dan merangka polisi bagi membantu pihak berkepentingan agar dapat menyalurkan bantuan kepada masyarakat atau komuniti dengan lebih tersasar.

## **1.7 Definisi Konseptual dan Operasional**

Bagi memastikan kajian ini lebih berfokus, pengkaji menjelaskan definisi konseptual dan definisi operasional yang digunakan bagi setiap istilah dalam kajian ini.

### **1.7.1 Peranan**

#### Definisi Konseptual

Peranan berasal dari kata bahasa Inggeris “*role*” yang merujuk kepada pengambilan bahagian dan penyertaan (Anglin, 2022). Peranan bermaksud aktiviti seseorang atau kelompok masyarakat dalam proses pembangunan baik dalam bentuk pernyataan mahupun dalam bentuk kegiatan dengan memberi sumbangan dalam bentuk fikiran, tenaga, waktu, keahlian, dan modal bagi menikmati hasil-hasil pembangunan (Van der Horst, 2016). Peranan terbahagi kepada dua iaitu langsung dan tidak langsung. Peranan

langsung berlaku apabila setiap orang dapat mengajukan pandangan, membahas pokok permasalahan, mengajukan keberatan terhadap keinginan orang lain atau terhadap ucapannya.

#### Definisi Operasional

Dalam kajian ini, peranan merujuk kepada media dan masyarakat. Media terdiri daripada media cetak (majalah, akhbar), media penyiaran (TV, radio), internet dan OOH (iklan). Masyarakat pula terdiri daripada individu yang mengundi pada PRU 14 dan PRU 15 serta PRN 11 dan PRN 12.

### **1.7.2 Media**

#### Definisi Konseptual

Media merujuk kepada sesuatu yang dapat digunakan untuk menyalurkan pesan dan mengirim pesan kepada penerima pesan, sehingga dapat merangsang pemikiran, perasaan, perhatian, dan minat serta perhatian. Media juga merupakan saluran komunikasi yang digunakan untuk menyampaikan pesan antara sumber (pemberi pesan) dengan penerima pesan (Mus Chairil, Jamilah & Norazimah, 2021; Livingstone, 2014; Muhammed Shahriar, 2014; Yates, 2014; Baran, 2012).

#### Definisi Operasional

Media yang digunakan di dalam kajian ini tertumpu kepada empat iaitu media cetak (majalah, akhbar), media penyiaran (TV, radio), internet dan OOH (iklan).

### **1.7.3 Pilihan Raya**

#### Definisi Konseptual

Pilihan raya adalah satu proses demokrasi di mana undian digunakan untuk memilih calon yang sesuai untuk mewakili rakyat di parlimen. Ia merupakan suatu mekanisme demokrasi untuk memilih calon yang sesuai untuk memenuhi jawatan-jawatan penggubal undang-undang, eksekutif, perundangan dan kerajaan tempatan (Apffelstaedt, Freundt & Oslislo, 2022).

Terdapat dua jenis pilihan raya iaitu pilihan raya umum atau pilihan raya kecil. Kaedah atau sistem pilihan raya boleh dikategorikan kepada dua iaitu sama ada perwakilan berkadar (*proportional*) atau sistem majoriti (*majoritarian*) (Guo, 2020). Sistem pilihan raya mementingkan pemenang, atau beberapa pemenang menurut pengiraan undi yang diperolehi setiap calon yang bertanding. Pemenang menjadi tumpuan sebab individu akan mewakili rakyat di Parlimen dan terlibat dalam proses penggubalan undang-undang. Oleh itu, cara pemilihannya amat penting dan sepatutnya selari dengan kehendak demokrasi. Selain itu pilihan raya biasanya dipantau oleh sebuah badan bebas, misalnya di Malaysia ia dipantau oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

#### Definisi Operasional

Skop pilihan raya yang digunakan dalam kajian ini tertumpu kepada PRU 14 (2018) dan PRU 15 (2022) serta PRN 11 (2016) dan PRN 12 (2021) di negeri Sarawak.

### **1.8 Teori Berkaitan Media**

Teori merupakan satu sistem idea yang bertujuan untuk menerangkan sesuatu, terutama berdasarkan idea-idea umum yang bebas daripada perkara yang dijelaskan

(Allan, 2006; Calhoun, 2002). Antara teori dan model berkaitan media adalah seperti Teori Kebergantungan Media, Model Penerimaan Teknologi, Teori Pilihan Rasional, Teori Sosiologi dan Teori Modernisasi.


### **1.8.1 Teori Kebergantungan Media**

Teori Kebergantungan Media yang telah diperkenalkan oleh penyelidik komunikasi Amerika Syarikat iaitu Sandra Ball Rokeach dan Melvin De Fleur pada tahun 1976. Umumnya, teori ini mengkaji impak penggunaan media terhadap khalayak melalui interaksi di antara sistem sosial, media dan khalayak. Teori ini mengandaikan bahawa wujud hubungan kebergantungan di antara khalayak dengan media bagi tujuan tertentu seperti mendapatkan maklumat. Individu mempunyai matlamat yang tersendiri apabila menggunakan media. Dalam erti kata lain, kebergantungan media oleh individu adalah berbeza mengikut matlamat peribadi.

Dalam dunia teknologi maklumat dan telekomunikasi kini, khalayak bergantung sepenuhnya kepada media dalam memperoleh sumber maklumat (Ball-Rokeach & DeFleur, 1976). Tambah mereka lagi, individu cenderung bergantung kepada media untuk memenuhi segala keperluan mereka untuk mendapatkan maklumat mengenai calon-calon politik bagi membantu mereka untuk membuat keputusan mengundi terutamanya.

Teori ini juga menyatakan secara jelas mengenai kesan kognitif, keberkesanan dan tingkah laku yang berpotensi berlaku disebabkan oleh kebergantungan khalayak terhadap media. Teori ini sering menjadi panduan bagi penyelidikan mengenai politik dan kempen. Tambahan lagi, teori ini juga mengandaikan bahawa media boleh

mempengaruhi masyarakat sekiranya ia memberikan lebih perhatian kepada beberapa



isu dan mengurangkan perhatian kepada isu yang lain.

Rajah 1.3: Teori Kebergantungan Media

Sumber: Rokeah dan DeFleur (1976)

### 1.8.2 Model Penerimaan Teknologi (TAM)

TAM telah diperkenalkan oleh Davis pada tahun 1989. TAM wujud daripada adaptasi TRA. Selain itu, TAM juga lebih memberi tumpuan kepada niat seseorang individu terhadap penggunaan dan penerimaan teknologi maklumat melalui penggunaan sesuatu sistem. TAM menekankan kepada tanggapan kebergunaan (*perceived usefulness*) (PU), tanggapan mudah diguna (*perceived ease to use*) (PEU) dan penggunaan sebenar (*actual use*).

Selain itu, TAM juga digunakan untuk mengenalpasti faktor-faktor utama yang mempengaruhi penerimaan teknologi maklumat iaitu berdasarkan tingkah laku atau perilaku pengguna teknologi maklumat. Hal ini kerana kewujudan TAM adalah bagi mengkaji penerimaan teknologi komputer dalam kalangan pengguna. Disebabkan itu, TAM digunakan secara meluas dan dijadikan model utama dalam menjelaskan dan meramal tingkah laku atau perilaku pengguna terhadap penerimaan sistem maklumat


dalam sesebuah organisasi (Abdullah & Ward, 2016).

Sehubungan itu, Cheung dan Vogel (2013) mendefinisikan penerimaan teknologi oleh pengguna sebagai sekumpulan pengguna yang bersedia untuk menggunakan teknologi maklumat bagi tujuan-tujuan tertentu. Oleh itu, persepsi atau pandangan setiap pengguna atau individu terhadap penggunaan teknologi maklumat secara tidak langsung akan dipengaruhi oleh kriteria atau ciri-ciri objektif teknologi dan maklum balas serta interaksi dengan pengguna teknologi maklumat yang lain. Jadi, pengguna teknologi maklumat disarankan atau dinasihatkan supaya lebih bersikap atau berfikiran positif terhadap penggunaan teknologi maklumat. Dengan bersikap dan berfikiran positif, pengguna akan melihat teknologi sebagai sesuatu yang bermanfaat dan mudah untuk digunakan. Ini secara tidak langsung meningkatkan tahap penerimaan teknologi dalam kalangan pengguna (Miltgen, Popovič & Oliveira, 2013).

Berdasarkan Rajah 1.4, niat merupakan penentu utama bagi TAM iaitu bagi mengukur dan meramal tingkah laku pengguna teknologi iaitu diukur dan diramal melalui sikap terhadap penggunaan teknologi. PU merujuk kepada manfaat yang diperoleh apabila sesuatu teknologi tersebut dapat digunakan dengan sebaik-baiknya.

Manakala EOU didapati dipengaruhi oleh sikap atau tingkah laku (*attitude; A*), di mana, sikap atau tingkah laku tersebut dikenalpasti melalui dua elemen iaitu keberkesanan dan perantaraan. Ini menjelaskan bahawa semakin mudah penggunaan sesuatu teknologi tersebut digunakan, semakin positif kesannya kepada pengguna teknologi tersebut. Menurut Holden dan Karsh (2010), sikap adalah berkait rapat dengan perasaan dan didapati daripada penilaian setiap individu terhadap penggunaan

sesuatu perkara. Selain itu, sikap juga dapat dilihat dalam bentuk positif atau negatif dan melibatkan kognitif dan emosi. Sikap positif atau negatif adalah kecenderungan menggunakan sesuatu perkara secara konsisten terhadap sesuatu objek atau keadaan (situasi) (Ammenwerthv, 2019).



Rajah 1.4: Model Penerimaan Teknologi (Davis, 1989)

Melalui TAM, EOU didapati secara tidak langsung mempengaruhi PU. Pembolehubah luaran bagi TAM didapati mewujudkan perkaitan antara kepercayaan dalaman (EOU, PU), niat (I) dan sikap (A) dengan pelbagai aspek iaitu seperti individu, situasi, sistem, organisasi dan sebagainya yang mampu memberi kesan kepada tingkah laku. Secara tidak langsung, TAM dapat digunakan sebagai asas dalam mengenalpasti faktor-faktor luaran, sikap, niat dan kepercayaan dalaman yang mempengaruhi penggunaan sebenar sesuatu teknologi (Davis, 1989).

Kajian berkaitan TAM dan media sosial mendapati bahawa PU adalah faktor yang lebih dominan yang mempengaruhi pengguna muda untuk melibatkan diri dalam pembelian secara atas talian di media sosial dan diikuti oleh faktor EOU dan

seterusnya norma subjektif. Ini menunjukkan PU lebih dominan dan mampu memberi manfaat tidak kira sama ada kepada pengguna itu sendiri atau kepada organisasi yang terlibat. Kajian tersebut telah dijalankan oleh Rabaa'i (2018) bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi rakyat Malaysia terutamanya pengguna muda yang melibatkan diri dalam pembelian secara *online* melalui media sosial. Pembolehubah bagi kajian tersebut terdiri daripada EOU, PU dan norma subjektif.

Berdasarkan kajian oleh See, Khalil dan Ameen (2018), TAM didapati bukan sahaja digunakan untuk kajian yang melibatkan sistem teknologi maklumat semata-mata, tetapi merangkumi pelbagai lapangan. Kebanyakan pengkaji menyokong model TAM dan model ini terbukti dan sesuai untuk diaplikasi khususnya dalam *e-commerce* atau e-dagang (Sitar-Täut, 2021).

Kajian berkaitan TAM di United Kingdom (UK) dan Jordan (Yaseen, Dajani & Hasan, 2016) mendapati persepsi terhadap kualiti laman sesawang adalah paling berpengaruh dalam menentukan tingkah laku penggunaan teknologi. Pada masa yang sama juga, kajian oleh Yaseen, Dajani dan Hasan (2016) juga mendapati pengaruh sosial tidak mempunyai kesan terhadap tingkah laku bagi kedua-dua model yang digunapakai iaitu Model TAM dan Model *Unified Theory of Acceptance and Use of Technology* (UTAUT) di mana ianya adalah bertepatan dengan kajian tingkah laku penggunaan teknologi yang telah dijalankan sebelum ini. Ini menunjukkan jangkaan bagi pencapaian kajian yang melibatkan Model TAM telah disokong oleh Model UTAUT. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa walaupun kedua-dua model negara adalah hampir sama penentuan hasil kajian, namun kajian menunjukkan model negara UK lebih berkuasa dan berpengaruh berbanding model negara Jordan terhadap tingkah

laku penggunaan teknologi.

Dengan menggunakan model UTAUT, Gutiérrez dan Herrero-Crespo (2012) telah menjalankan kajian dalam bidang pelancongan dengan menggunakan kedua-dua model tersebut. Objektif kajian adalah bagi mengkaji proses bagaimana penduduk luar bandar yang ingin mendapatkan maklumat tentang tempat pelancongan yang ingin dilawati dengan menggunakan teknologi baru dan seterusnya membuat tempahan atas talian. Kajian ini telah menggunakan UTAUT kerana pengkaji menganggap teori ini kukuh dan secara tidak langsung pengkaji telah membentuk lima pembolehubah berkaitan pembelian secara atas talian. Lima pembolehubah tersebut ialah *performance expectancy*, *effort expectancy*, *social influence*, *facilitating conditions*, dan *innovativeness*.

Hasil kajian melibatkan 1,083 pelancong atau responden yang pernah melancong hasil daripada menggunakan laman sesawang mendapati niat untuk membuat tempahan melalui atas talian adalah positif. Ini adalah berpandukan kepada dua faktor iaitu tahap prestasi dan jangkaan usaha dalam membuat transaksi, dan tahap inovasi yang telah dilakukan oleh pengguna. Ini bermaksud, inovasi yang telah dibentuk mampu memberi kesan terhadap perhubungan antara jangkaan prestasi (*performance expectancy*) dan niat untuk membuat pembelian atas talian (*online purchase intention*). Selain itu, terdapat juga pengkaji-pengkaji lain yang menggunakan TAM dalam bidang pelancongan iaitu seperti Su dan Li (2021).

Pengetahuan asas berkaitan teknologi maklumat adalah penting bagi menilai dan mengenalpasti tahap penerimaan teknologi. Ini kerana ia dapat memberi kepuasan

kepada diri sendiri dalam usaha mengaplikasi teknologi. Kajian oleh Alzubi, Al-Dubai dan Farea (2018) bertujuan mengenalpasti penerimaan pengguna terhadap penggunaan teknik mengenalpasti identiti melalui sistem biometrik. Sistem ini adalah untuk mengukur niat pengguna menerima teknologi yang diperkenalkan melalui pembolehubah yang telah dipilih. Gabungan tiga teori iaitu TAM, *Diffusion of Innovations* (DOI) dan UTAUT dengan menggunakan dua pendekatan iaitu secara teoritikal dan juga empirikal secara mendalam.

Menurut Amiruddin, Dewi dan Widodo (2021), sikap terbahagi kepada lima konsep iaitu PU, PEU, faedah yang berkaitan, kesesuaian dan kebolehperthatian (*observability*). TAM membuktikan bahawa banyak lapangan kajian yang telah dijalankan berkaitan niat untuk menerima teknologi baru seperti syarikat-syarikat di Amerika Syarikat (Dewi & Kharisma, 2020), membeli belah dalam talian dalam kalangan pelajar sekolah (Deng & Yuan, 2020), perbankan Internet (Deng, Guo, Wu & Chen, 2021), e-perolehan (Chen, 2019), atau perkhidmatan kutipan tol secara elektronik (Bhattacharyya, Verma & Sampath, 2020).

Hasil kajian mendapati bahawa tiga elemen yang mempengaruhi penggunaan teknologi sistem biometrik ialah:

1.8.2.1 Mengesahkan bahawa pengaruh penerimaan pembolehubah pembolehubah seperti keserasian (*compatibility*), PU dan kemudahan penggunaan (*facilitating conditions*) terhadap penerimaan teknologi dan cadangan lanjutan.

1.8.2.2 Faktor '*prior*' seperti kebimbangan bersendirian (*concern for privacy*), kepercayaan terhadap teknologi, dan inovatif juga memberi kesan kepada

punca pengaruh penggunaan teknologi.

1.8.2.3 Kepercayaan dan juga bersendirian (kepercayaan terhadap teknologi dan penerimaan risiko) yang membawa kepada penggunaan penerimaan biometrik, bukan disebabkan oleh penggunaan model-model tersebut (TAM, DOI, UTAUT). Ini menunjukkan bahawa teknologi maklumat memerlukan satu sistem yang boleh menarik minat pengguna untuk menggunakan sistem tersebut. Bukan sekadar mampu menarik minat pengguna semata-mata, bahkan sistem tersebut mestilah mudah digunakan dan tidak membebankan pengguna semasa menggunakannya (Dixit & Prakash, 2018).

Seterusnya, kajian oleh Han (2020) mendapati media sosial adalah medium utama yang digunakan untuk menyebarkan bahan-bahan berkaitan pornografi. Aktiviti ini menyebabkan pengguna media sosial cenderung melayari laman sesawang yang tidak sihat seperti laman web lucah, pornografi dan sebagainya akan memberi kesan ketagihan yang tinggi. Keadaan sedemikian memerlukan kawalan dalam diri dan kawalan persekitaran perlu dipertingkatkan bagi mengelakkan sebarang kemungkinan yang lebih padah berlaku terutamanya bagi golongan remaja. Kajian oleh Han (2020) disokong oleh Fanue (2020) yang berpendapat:

*Personal inhibition levels, social controls, and the lack of willing partners and sexual scenes that may limit sexual activity in everyday contexts are obsolete in cyberspace. It is easy for latent desires to be realized in cyberspace. Internet sexuality may thus serve as a catalyst (ms. 34).*

Tidak dapat dinafikan, penggunaan media sosial kini adalah universal dan sangat meluas. Oleh itu, kajian oleh Handani, Hidayah dan Setiawan (2020) di Palembang, Indonesia bertujuan mengenalpasti penerimaan dan pengalaman pengguna dalam

menggunakan media sosial. Kajian tersebut melibatkan 298 pelajar Ijazah Sarjana Muda dengan menggunakan TAM. Dapatan kajian menunjukkan penerimaan media sosial dipengaruhi oleh beberapa faktor iaitu tanggapan mudah diguna, faktor kaitan dan rangkaian antara peribadi dan sosial yang memberikan kesan signifikan ke atas penerimaan dan penggunaan. Faktor-faktor inilah yang menggalakkan pengguna internet menggunakan media sosial dalam kehidupan seharian.

### **1.8.3 Teori Pilihan Rasional**

Kajian kontemporari terhadap tingkahlaku pengundi juga didapati banyak beroperasi dalam kerangka Teori Pilihan Rasional (Hédoïn & Chirat, 2023; Sato, 2013). Isu yang menjadi fokus utama kepada Teori Pilihan Rasional adalah penilaian terhadap polisi parti, prestasi ekonomi dan imej kepimpinan parti. Andaian utama model ini ialah pengundi merupakan individu yang rasional dalam membuat pertimbangan terhadap calon dan parti sebelum mereka mengundi. Teori Pilihan Rasional yang dipopularkan oleh Downs (1957) ini, mengandaikan pengundi bertindak secara rasional semasa membuat keputusan untuk keluar mengundi dan semasa membuat pilihan ketika mengundi. Prinsip asas Teori Pilihan Rasional berasal daripada ekonomi neoklasik dan merupakan tindakan rasional daripada individu atau pengundi untuk melakukan sesuatu tindakan berdasarkan tujuan tertentu dan tujuan itu ditentukan oleh nilai atau pilihan (Herfeld, 2021).

Teori Pilihan Rasional ini adalah berdasarkan kepada perhatian individu atau pengundi. Pengundi dilihat sebagai individu yang mempunyai tujuan atau maksud tertentu dan tindakannya tertumpu pada keupayaan untuk mencapai tujuan tersebut. Melalui pendekatan pilihan rasional, faktor yang menentukan kejayaan dalam pilihan

raya bukanlah tahap kebergantungan terhadap ikatan sosial atau keterikatan parti yang kuat, tetapi fokusnya kepada hasil penilaian rasional daripada pengundi yang baik (Kruis, 2020).

#### **1.8.4 Teori Sosiologi**

Teori Sosiologi juga merupakan teori yang penting dalam kajian tingkah laku pengundi terhadap parti politik (Strand & Lizardo, 2022). Sosiologi adalah ilmu pengetahuan yang memberi pemahaman interpretatif tentang suatu tindakan sosial dalam rangka untuk membuat penjelasan berkaitan sebab dan akibat (Weber, 1964). Aspek sosiologi dalam tingkah laku pengundi yang paling mempengaruhi pilihan rakyat dalam pilihan raya adalah ciri-ciri sosial dan kelompok sosial (Stefan, 2017). Menurut Gabriel (2018) ciri-ciri sosial menentukan kecenderungan politik seseorang. Manakala, kelompok sosial adalah merangkumi umur, jantina, agama, pekerjaan, sosio-ekonomi, kawasan tempat tinggal, latar belakang keluarga dan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh individu. Kelompok sosial ini dilihat berpengaruh dalam keputusan pemilihan parti kerana ia berperanan dalam membentuk sikap, persepsi dan orientasi individu.

Penekanan Teori Sosiologi juga diberikan kepada perkara sosialisasi iaitu cara atau kaedah seseorang individu menerima norma, nilai dan pengalaman politik dalam kehidupan (Hayatullah, 2016). Sosialisasi politik berlaku disebabkan oleh proses pembudayaan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat dari pelbagai sudut seperti politik, ekonomi dan sosial (Schneickert et al., 2019). Sosialisasi politik bermula apabila masyarakat belajar tentang politik dan kerajaan dengan melalui putaran hidup daripada zaman kanak-kanak hingga dewasa. Sosialisasi politik adalah suatu proses

yang memungkinkan seseorang individu mengenali sistem politik yang kemudian menentukan persepsinya terhadap politik serta reaksi-reaksi terhadap gejala-gejala politik.

### **1.8.5 Teori Modernisasi**

Teori ini diperkenalkan selepas perang dunia kedua, apabila pembangunan dan hala tuju masyarakat mendiami benua Amerika Syarikat dan Eropah Barat mula berubah akibat pengembangan industri perkilangan. Masyarakat kedua-dua benua ini mula mengalami perubahan yang ketara seperti perubahan sosial dan politik. Perkembangan teknologi yang dicipta kesan daripada perang Dunia Kedua (1939-1945) telah membantu mempercepatkan berlakunya perubahan tersebut. Masyarakat yang mendiami Amerika Syarikat dan Eropah Barat mula membangunkan bandar-bandar, kawasan-kawasan dan tempat-tempat yang musnah akibat Perang Dunia Kedua bagi membentuk komuniti baharu dan pemikiran yang berbeza (Marsh, 2014).

Akibat itu, masyarakat di barat mula meninggalkan pemikiran tradisional supaya mereka dapat membangun semula kehidupan yang baharu. Perubahan ini telah mengubah bagaimana berfikir dengan menghasilkan inovasi yang berbeza dengan terdahulu. Mereka juga mula meninggalkan sistem kehidupan tradisional yang diamalkan sebelum itu bagi mempercepatkan lagi proses perubahan itu berlaku dalam kehidupan mereka. Mereka mula mengamalkan corak kehidupan moden yang digambarkan melalui perubahan yang berlaku dipersekitaran kehidupan mereka seperti kewujudannya kemudahan-kemudahan awam seperti bangunan, sistem pengangkutan, sistem komunikasi, pendidikan dan taman riadah.

Teori modenisasi digunakan untuk menerangkan suatu proses yang membabitkan komuniti atau masyarakat dalam pembangunan kemodenan. Teori ini digunakan untuk menjelaskan mengenai perubahan yang berlaku terhadap masyarakat akibat perubahan teknologi yang begitu cepat dan pantas (Badaan & Choucair, 2022; Mbah & Ojukwu, 2019). Kemodenan mengikut persepsi barat, merujuk kepada perubahan tradisional kepada masyarakat yang mengamalkan ciri-ciri moden seperti menerima pendidikan moden dan bekerja dalam bidang perindustrian dan pembuatan.

Teori modenisasi digunapakai untuk menjelaskan mengenai perubahan kesan media baharu yang berlaku terhadap masyarakat Melayu yang masih menetap di desa dan kampung yang masih mengamalkan sistem nilai dalam masyarakatnya. Ia menyatakan bahawa perubahan dan situasi yang berlaku di kampung dan bandar sering berkaitan dengan perkembangan teknologi dan peningkatan ekonomi negara. Perubahan ini dikatakan telah membawa dan mengubah corak kehidupan masyarakat Melayu di kampung dan bandar kini seolah-olah mengikut acuan kehidupan cara barat, bersikap individu, materialistik, metrokrasi dan hiburan. Begitu juga mengenai masyarakat Melayu yang mendiami di kawasan kampung juga terjejas dengan perubahan teknologi, namun kekuatan sistem nilai yang diamal sebelum itu dapat mempertahankan mereka untuk terus meneruskan kehidupan seharian (Brian, 2019).

### **1.8.6 Teori Pemilihan Sosial**

Ruang sosial adalah ruang fizikal atau ruang maya yang terdapat pada persekitaran seperti pusat-pusat sosial, platform media sosial dalam talian atau kawasan berhimpun di mana berlakunya interaksi sesama manusia atau di antara manusia dan objek. Titik permulaan untuk teori ruang sosial terdapat dalam *The Division of Labor in Society*

oleh Durkheim yang telah diterbitkan pada tahun 1893. Konsep beliau mengenai ruang sosial merujuk secara konsisten kepada kawasan geografi yang dihuni oleh kumpulan sosial. Oleh itu, masyarakat dianggap sebagai model sosial yang merangkumi ruang sosial, kumpulan sosial dan kehidupan sosial. Ruang sosial juga dapat menghasilkan kerangka persekitaran bagi membentuk kelakuan sesebuah kumpulan masyarakat sama ada dalam bentuk fleksibel atau rangkaian (García-Camino, 2020). Melalui ruang sosial dan ruang fizikal di dalam kajian ini, ianya mengkaji bagaimana papan iklan luar dapat mempengaruhi secara sedar atau tidak sedar pemilihan sosial pengguna terhadap produk yang diiklankan.

Teori sosial telah mengalami pelbagai perubahan dalam beberapa dekad dan ini menyebabkan beberapa ahli sosiologi, antropologi dan sejarawan telah membuat '*cultural turn*' dan memberikan penekanan lebih terhadap faktor budaya. Bagi memberi penekanan yang lebih rasional terhadap pihak yang mengutamakan '*cultural relativism*', teori pemilihan sosial telah diperkenalkan (Burns & Roszkowska, 2016). Dua sarjana yang sering dikaitkan dengan pengembangan teori pemilihan sosial adalah Nicolas de Condorcet (1743–1794) dan Kenneth Arrow (1921). Pembentukan pemilihan sosial boleh dipengaruhi oleh interaksi sosial yang terjadi di dalam ruang sosial terhadap seseorang individu atau masyarakat.

Ini kerana, ruang sosial yang dihasilkan oleh masyarakat mengikut amalan yang ada di dalam sesebuah masyarakat. Melalui papan iklan luar, penyampaian mesej pada iklan akan terjadi dan seterusnya kesan dari melihat iklan tersebut dapat mempengaruhi pemilihan sosial seseorang individu atau masyarakat. Ini kerana, jika hanya medium papan iklan luar berada di lebuh raya dan jalan raya tanpa gangguan

medium pengiklanan yang lain, tidak mustahil papan iklan luar mampu untuk mempengaruhi pemilihan sosial pengguna secara sedar atau tidak sedar.

Dunia pengiklanan tidak perlu terikat secara menyeluruh oleh mana-mana elemen di sekeliling akan tetapi dunia pengiklanan hanya perlu mengambil kira beberapa input kecil dan terpenting dari segi budaya, agama, teknologi dan sosial bagi penghasilan sesuatu pengiklanan. Ianya bergantung kepada undang-undang, perlembagaan dan pentadbiran sesebuah negara. Kesan pengiklanan yang kurang baik di Malaysia bukan sepenuhnya berpunca daripada pereka pengiklanan namun ianya akan terhasil sekiranya terdapat pendapat yang mempengaruhi proses rekaan sesuatu pengiklanan dan ianya diterima dari kelompok yang bukan dari dunia pengiklanan. Amat kecil bilangan pereka pengiklanan yang mempunyai kepakaran yang kurang dari segi teknikal dan teori dalam dunia pengiklanan kerana semasa proses pembelajaran berkenaan pengiklanan, mereka telah didedahkan dengan elemen dan prinsip rekaan selain mengambil kira sensitiviti masyarakat dan kebarangkalian sesuatu pengiklanan dipasarkan (Chater, 2015; Burns, Machado & Corte, 2015).

### **1.8.7 Teori Kegunaan dan Kepuasan (*Uses and Gratification Theory*)**

Penggunaan teori adalah penting dalam sesuatu penyelidikan berbentuk kuantitatif kerana menurut Falgoust (2022) teori ini mampu memberikan arah kepada sesuatu penyelidikan. Pengkaji juga menjadikan teori sebagai satu panduan dalam pelaksanaan penyelidikan dan dalam kajian ini pengkaji menggunakan teori Kegunaan dan Kepuasan (*Uses and Gratification*) yang diperkenalkan oleh Jay Blumler dan Elihu Katz pada tahun 1974. Kebanyakan kajian mengenai komunikasi tertumpu pada sejauh mana sesuatu maklumat yang disebarikan melalui media dapat

mempengaruhi sikap atau tingkah laku orang ramai sehingga mampu memberi kesan terhadap peribadi dan persekitarannya. Kajian ini mengaplikasikan teori Kegunaan dan Kepuasan (*Uses and Gratification*) sebagai panduan penyelidikan. Teori ini pertama kali dinyatakan oleh Elihu Katz, yang menekankan bukan pada apa yang dilakukan media pada khalayak (*what media do to people*) tetapi pada apa yang dilakukan khalayak kepada media (*what people do to media*). Pengguna atau *audiens* secara aktif menggunakan media untuk memenuhi kepuasan dan kehendak mereka.


Secara amnya, teori ini menerangkan bahawa manusia mencapai tahap kepuasan tertentu dalam menggunakan media seperti kepuasan hiburan individu, melepaskan tekanan emosi dan sebagainya bergantung kepada tujuan seseorang itu. Terdapat tiga dimensi yang boleh dijelaskan dalam teori ini iaitu keperluan untuk hiburan dan penyimpangan (*diversion*), keperluan untuk hubungan dan keperluan untuk pembinaan identiti (Kircaburun, Alhabash & Tosuntaş, 2020). Menurut Alhabash dan Ma (2017) lagi, penyelidik Barat berpendapat bahawa laman web sosial Facebook menawarkan tahap kepuasan yang tinggi dan kuat di dalam ketiga-tiga dimensi tersebut.

Selain itu, menurut Błachnio, Przepiorka dan Rudnicka (2016), pengguna berkemungkinan mengguna laman web sosial ini secara aktif untuk melawan kesunyian dengan mencari kenalan baru melalui laman web dan daripada situ mereka mendapat satu kepuasan sehingga menjadikan interaksi ruang maya sebagai medium utama dalam berkomunikasi. Oleh yang demikian, dalam kajian ini pengkaji dapat melihat hasil daripada kepuasan tersebut menyebabkan berlakunya kekerapan dalam melayari laman web sosial dan juga interaksi ruang maya. Walau bagaimanapun, di dalam mengkaji isu “*cyber communication*” ini terdapat beberapa teori-teori dan

kajian-kajian baru yang wujud, antaranya “Mediamorphosis” oleh Andreassen, Pallesen dan Griffiths (2017), dan “Internet Addiction” oleh Floros dan Siomos (2018). Namun, pengkaji masih berminat untuk menggunakan teori komunikasi yang sedia ada untuk diaplikasikan dalam komunikasi alaf baru.

## 1.9 Kerangka Kajian

Kerangka kajian dibina berdasarkan teori dan kajian-kajian lepas. Keempat-empat teori dilihat saling berkaitan dalam mengenalpasti peranan media dalam mempengaruhi pilihan raya di Sarawak. Keempat-empat teori iaitu Teori Kebergantungan Media, Model Penerimaan Teknologi, Teori Pilihan Rasional dan Teori Sosiologi digabungkan bagi melihat peranan media dengan lebih komprehensif atau menyeluruh dan seterusnya mampu untuk dijadikan sebagai panduan dalam menambahbaik media di Malaysia terutama sewaktu pilihan raya.



Rajah 1.5: Kerangka Kajian

## **1.10 Pembahagian Bab**

Keseluruhannya kajian ini terdiri daripada lima bab. Bab Satu menerangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi konseptual dan operasional, teori-teori berkaitan media dan kerangka kajian. Bab Satu juga secara tidak langsung adalah untuk memberi gambaran keseluruhan mengenai kajian ini. Bab Dua adalah berkaitan kajian-kajian lepas bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi peranan media dalam keputusan PRN dan PRU di Sarawak. Bab Tiga pula menerangkan kaedah atau metodologi yang digunakan untuk kajian ini bagi mencapai objektif-objektif yang telah ditetapkan. Seterusnya, Bab Empat tertumpu kepada menerangkan dapatan kajian yang lebih terperinci dengan menggunakan kaedah-kaedah kajian yang telah ditetapkan. Bab terakhir, iaitu Bab Lima meliputi ringkasan keseluruhan kajian yang dijalankan dan menyediakan cadangan-cadangan yang bersesuaian kepada semua pihak untuk merancang polisi bagi meningkatkan peranan media dalam keputusan pilihan raya bukan hanya di Sarawak, malah untuk seluruh negara.

## **BAB DUA**

### **ULASAN KARYA**

#### **2.1 Pendahuluan**

Kajian literatur merupakan komponen utama mendukung alur fikir ilmiah dalam rangka membangun hipotesis kajian. Ketepatan kajian literatur merupakan penentu ketepatan dalam membangun hipotesis tersebut. Selain itu kajian literatur yang relevan akan menguatkan analisis dan pembahasan kajian dalam rangka menyelesaikan permasalahan kajian, khususnya memberi kekuatan dan keakuratan menguji hipotesis yang telah ditentukan.

Bab Dua ini membahas tentang teori, kajian dalam media dan pilihan raya sebagai landasan teori yang diperlukan dalam penelitian ini untuk melihat sejauh mana pengaruhnya terhadap peranan media dalam mempengaruhi masyarakat atau pengundi di Sarawak semasa Pilihan Raya Negeri (PRN) (2016 & 2021) dan Pilihan Raya Umum (PRU) (2018 & 2022).

#### **2.2 Media**

Perkataan media berasal dari bahasa Latin iaitu medium yang ertinya tengah, perantara atau pengantar. Kata media, merupakan bentuk jamak dari kata “medium” yang secara etimologi bererti perantara atau pengantar. Arisukwu (2022) berpendapat media merupakan perantara atau penghubung yang terletak antara dua pihak, atau sarana komunikasi seperti akhbar, majalah, radio, televisyen, filem, poster, dan sepanduk. Menurut Baack, Wilson & Till (2018), media adalah semua bentuk perantara yang digunakan oleh manusia untuk menyampaikan atau menyebarkan idea, gagasan atau

pendapat, sehingga idea, gagasan atau pendapat yang dikemukakan itu sampai kepada penerima yang dituju.

Media juga adalah alat saluran komunikasi. Kata media berasal dari bahasa Latin yang merupakan bentuk jamak kata medium. Secara harfiah, media bererti perantara, iaitu perantara antara sumber pesan (*a source*) dengan penerima pesan (*a receiver*). Beberapa hal yang termasuk ke dalam media adalah filem, televisyen, diagram, media cetak (*printed material*) dan komputer. Ringkasnya, media merupakan alat yang dapat membantu dalam keperluan dan aktiviti, yang dimana sifatnya dapat mempermudah bagi siapa saja yang memanfaatkannya (Borchers, 2022; Towner, 2018).

Ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya peranan media sosial dalam melihat sejauhmana keberkesanan pengaruhnya dalam sesebuah pilihan raya umum mahupun pilihan raya negeri. Oleh itu, dalam kajian ini melihat sejauhmana pentingnya peranan dan keberkesanan media dalam mempengaruhi pola pengundian pengundi di Sarawak. Kajian ini memberi tumpuan kepada empat komponen utama dalam media iaitu media media cetak, media penyiaran, internet dan media *out of home* (OOH).

### **2.2.1 Media Cetak**

Mengikut Fox, Koloen dan Sahin (2017), media cetak ialah alat atau saluran komunikasi yang berupa bahan cetakan atau terbitan objek fizikal seperti akhbar, buku, risalah, komik, majalah dan lain-lain. Media cetak juga merupakan media yang menyampaikan pesan-pesan dengan menggunakan kertas atau kain. Unsur-unsur utama media cetak ialah tulisan (teks), gambar visual atau kedua-duanya. Menurut Dizard (2000), media cetak ialah media yang mengandungi maklumat-maklumat yang

berkait rapat dengan kepentingan masyarakat seluruhnya dan tidak terbatas pada kelompok tertentu sahaja. Hal ini kerana, media cetak digunakan untuk mengembangkan budaya, seni, simbol, norma-norma dan gaya hidup.

Media cetak umumnya lebih dikenali sebagai akhbar dan juga majalah. Akhbar menyampaikan maklumat kepada pembaca bagi memenuhi keperluan kehendak mereka mengenali informasi harian. Akhbar juga lebih mementingkan soal ketepatan masa sesuatu berita itu berbanding dengan majalah yang lebih bersifat semasa, maka majalah diterbitkan secara bulanan atau mingguan. Akhbar juga terbahagi kepada dua bentuk iaitu akhbar tabloid yang menyiarkan pelbagai isu terkini dengan bilangan muka surat yang lebih banyak berbanding akhbar "*broadsheet*" yang diterbitkan dengan bilangan muka surat lebih sedikit. Akhbar terbahagi kepada dua iaitu akhbar arus perdana dan akhbar bukan arus perdana. Akhbar arus perdana diterbitkan secara harian yang banyak memberi tumpuan kepada kerajaan seperti akhbar Berita Harian. Manakala akhbar bukan arus perdana pula diterbitkan secara berkala yang lebih kritikal kepada kerajaan seperti akhbar Harakah (Azmah & Samsudin, 2013; Syed Arabi, 2011).

Media cetak hari ini memainkan peranan yang penting dalam menyalurkan maklumat kepada masyarakat umum. Ia menjadi rujukan utama masyarakat untuk mendapatkan maklumat terkini tentang pembaharuan dasar kerajaan, isu semasa negara dan perkembangan situasi semasa di luar negara dengan sudut pandang yang matang (Chen, 2022). Artikel kepakaran yang ditulis adalah dari sumber ahli pakar yang tidak terbatas. Ia menjadikan pembaca sebagai pemikir dalam sesuatu isu, mengimbangi perbincangan ahli pakar dalam bidang dari pelbagai sudut perbincangan dan

memberikan sudut fikiran baharu kepada masyarakat tentang isu yang dibincangkan. Individu atau pengundi boleh melihat isu yang hangat dibincangkan diulas berhari-hari, kadang menjangkau mingguan (Chen, 2022).

Ketepatan maklumat dan sahih menjadikan akhbar diyakini pembaca untuk mengikuti perkembangan semasa isu yang dibincangkan. Ia meningkatkan kepercayaan pembaca untuk terhadap media cetak. Setiap penulisan dipandu oleh etika penulisan dan ia bukan satu isu lagi kerana artikel kepakaran ditulis oleh penulis yang ahli dalam bidang dan berita ditulis oleh penulis yang berpegang kepada etika penulisan masing-masing (Wright & Street, 2017).

Saiz akhbar kini berbentuk sisipan memudahkan pembaca untuk membaca dimana sahaja dengan reka bentuk yang terkini bagi menarik minat berbagai generasi. Pernah suatu ketika dahulu, akhbar dijadikan sebahagian bahan pembelajaran dan pengajaran semasa penulis dalam pengajian, berbekalkan sebuah kamus dwi-bahasa membincangkan isu semasa, mengenali gaya penulisan di akhbar dan menambah perbendaharaan kata (Kepplinger, 2022; Downey & Fenton, 2013). Walaupun kini, kebanyakan pihak akhbar turut menyediakan medium elektronik untuk pembaca, akhbar yang dicetak masih lagi relevan berdasarkan jumlah penduduk Malaysia kini mencecah 30.2 juta orang memberikan pilihan kepada masyarakat untuk memilih akhbar bercetak sebagai bahan bacaan (Latifah & Samsudin, 2021; Siti Ezaileila & Azizah, 2021).

### **2.2.2 Media Penyiaran**

Penyiaran di Malaysia bermula sekitar tahun 1930-an iaitu melalui kemunculan Radio

Amatur Kuala Lumpur yang ke udara selama tiga kali seminggu dan setiap siaran berlangsung selama dua jam. Kerajaan kolonial British kemudiannya menubuhkan *British Malayan Broadcasting Corporation* pada tahun 1937 berpusat di Singapura dan apabila berlaku peperangan Dunia Kedua, stesyen penyiaran berkenaan menjadi medium utama propaganda bagi menyokong British dan sekutunya. Semasa penaklukan Jepun antara tahun 1941 hingga 1945, penyiaran beroperasi dalam skala kecil iaitu siarannya dipancarkan di antara Pulau Pinang, Melaka dan Seremban. Kerajaan British kemudiannya mengambilalih dan menubuhkan Jabatan Penyiaran Malaya di mana fokus utamanya ketika itu ialah bagi menghadapi ancaman komunis dan ia berlarutan sehingga Malaysia mencapai kemerdekaan. Pada tahun 1959, radio mula beroperasi di Kuala Lumpur manakala Televisyen Malaysia dilancarkan secara rasmi pada 28 Disember 1963 (Syed Arabi, 2023; Marshall Cavendish Editions, 2019; Chii & Lin, 2006).

Media penyiaran atau *broadcast media* bertindak sebagai sistem apabila proses pengumpulan dan penyebaran maklumatnya menggunakan satu tatacara dan proses tertentu yang ditetapkan oleh sistem dalam sesebuah masyarakat. Media penyiaran bertindak sebagai alat apabila media ini digunakan untuk menyebarkan maklumat. Pengurusan maklumat melalui media elektronik tertakluk kepada persetujuan sistem yang diwujudkan. Dalam komunikasi korporat, media elektronik bertindak sebagai alat penyaluran maklumat organisasi kepada khalayak. Maklumat boleh dalam bentuk audio dan visual. Contohnya, radio dan televisyen. Media tersebut menyediakan ruang masa siaran iklan untuk mempromosikan barangan atau perkhidmatan (Dutta-Bergermen, 2015; Trinovella & Shahrul Nazmi, 2014).

Dalam masyarakat berteknologi moden, industri penyiaran umumnya dan media televisyen khususnya adalah antara institusi yang memainkan peranan penting yang amat mempengaruhi cara berfikir dan kehidupan berbudaya. Hampir setiap anggota masyarakat kontemporari mengisi masa hariannya selama beberapa ketika dengan menonton televisyen. Bagi sebahagian daripada kita, menonton televisyen adalah satu cara mengisi masa rehat yang membebaskan kita dari keletihan bekerja (Buckingham, 2017).

Cabaran para pengusaha industri media dan televisyen kita sebenarnya bukanlah sekadar bagaimana untuk bersaing meningkatkan kecekapan, daya-hasil, keuntungan dan pengaruh antara satu sama lain. Akan tetapi, lebih daripada itu, cabaran terhebat adalah bagaimana untuk memperteguh rasa prihatin penonton terhadap golongan yang kurang bernasib baik, untuk mempertingkatkan kepekaan penonton terhadap kekeliruan moral dan pencemaran alam sekitar, untuk memperkukuh keupayaan bergaul dengan manusia lain dalam hubungan yang sihat, dan seterusnya untuk memahami kehebatan yang terjelma melalui alam semesta dan serba-serbi keajaiban-Nya (Carolyn, Victor & Rose, 2023).

Dalam bidang-bidang tersebut yang sedemikian luasnya, tentulah tidak timbul isu kita ingin menyekat kebebasan daya-khayal para seniman dalam mengkaryakan imaginasi mereka (*artistic freedom*). Walaupun serba-sedikit televisyen telahpun berjaya menjadi saluran maklumat, potensi besarnya untuk menyalurkan fikiran-fikiran yang bernas mengenai isu-isu penting demi kemaslahatan keluarga dan masyarakat kita masih lagi belum digiatkan pada tahap yang optimum (Himmelboim, Lariscy, Tinkham & Sweetser, 2022).

### 2.2.3 Media Internet

Pada masa kini, internet menjadi teknologi pilihan pengguna kerana ia berupaya mengubah cara hidup dan gaya komunikasi masyarakat di seluruh dunia. Menurut Nilson dan Carlsson (2018), terdapat empat kelebihan Internet berbanding dengan media tradisional iaitu:

- 2.2.3.1 Internet menyampaikan maklumat secara spontan yang menjadikannya lebih pantas berbanding media cetak.
- 2.2.3.2 Internet bersifat interaktif yang membenarkan lebih banyak maklumbalas spontan berbanding media lain.
- 2.2.3.3 Internet membenarkan penyebaran kandungan multimedia yang tidak terdapat dalam media lain.
- 2.2.3.4 Internet membenarkan penyebaran maklumat yang banyak secara mendalam dan lebih murah.

Keempat-empat kelebihan ini menjelaskan penyebaran dan kepentingan internet di tahap kebergantungan mikro antara individu dan pengusaha media.

Media internet adalah rangkaian komputer yang terhubung melalui jaringan dan saling berkomunikasi dengan waktu dan wilayah tak terbatas, (Hobbs, 2010). Sedangkan menurut Sweetser, Golan dan Wanta (2018), internet adalah sistem global dari seluruh jaringan komputer yang saling terhubung menggunakan *standard internet Protocol Suite* (TCP/ IP) untuk melayani jutaan pengguna di seluruh dunia. Menurut Holt, Shehata, Strömbäck dan Ljungberg (2013) melalui media internet ini kita dapat melakukan banyak hal, di antaranya untuk:

- a) Penelusuran dan pencarian bahan pustaka.
- b) Membangun Program *Artificial Intelligence* (kecerdasan buatan)

- c) Memberi kemudahan untuk mengakses apa yang disebut dengan virtual
- d) Pemasaran dan promosi hasil karya penelitian.

Media internet terdiri daripada tujuh kategori (Kim, H. & Lee, 2016; Ryan, Chester, Reece & Xenos, 2014; Fuzirah, Zaini & Norizan, 2011) iaitu:

- a) rangkaian sosial (*social network*) (Facebook, LinkedIn, Google+)
- b) rangkaian blog mikro (Twitter, Tumblr, Medium)
- c) rangkaian perkongsian gambar (Instagram, Pinterest, Snapchat, Imgur)
- d) rangkaian perkongsian video (YouTube, Vimeo, TikTok)
- e) rangkaian perbualan dan pemesejan (WhatsApp, Telegram, WeChat, Skype)
- f) laman komuniti dan forum perbincangan (Reddit, Quora)
- g) rangkaian tinjauan pengguna (Yelp, TripAdvisor).

#### **2.2.4 Out of Home (OOH)**

*Out of home* (OOH) merupakan media yang sering kali dipinggirkan. Ini mungkin pengkaji menganggap OOH hanya untuk pemasaran dan perniagaan yang bermotifkan atau bermatlamatkan keuntungan semata-mata. OOH merujuk kepada media pengiklanan yang berada di luar rumah baik di jalanan ataupun di pusat membeli belah. Contoh OOH adalah seperti billboard, *retail advertising* dan *vehicle advertising*. Dengan berkembangnya dunia digital, OOH dilihat lebih menggunakan kaedah *Interactive Digital Information Display* seperti paparan skrin LED yang lazimnya berada di tempat tumpuan orang ramai dan juga di tepi jalan (Mikal, Wurtz & Grande, 2021; Mikal, 2021; Kietzmann, Hermkens, McCarthy & Silvestre, 2021; Dhir, Yossatorn, Kaur & Chen, 2018).

Media pengiklanan merupakan salah satu alat yang bertanggungjawab untuk membentuk dan menyatukan pandangan terhadap pembelian sendiri pengguna dan masyarakat secara keseluruhannya (Rama, 2019; Hoque, Ahmed & Fouji, 2018). Pengiklanan memainkan peranan yang penting dalam menentukan pemodenanan sesebuah masyarakat (Havlena, 2019; Ahmad, 2017). Wujudnya saluran pengiklanan seperti majalah, surat khabar, papan iklan, internet, radio dan televisyen adalah kerana penyampaian sesebuah maklumat dan jenama dapat dilakukan melalui pengiklanan. Jika tiada informasi yang ingin disampaikan, maka tiada medium yang akan bertindak sebagai penyampaian sesuatu pengiklanan. Kewujudan media tersebut bergantung kepada kepesatan dunia pengiklanan.

Kebaikan OOH:

#### 2.2.4.1 Meningkatkan *Brand Awareness*

Dengan menggunakan OOH, manfaat yang dirasakan adalah meningkatkan *brand awareness*. Kaedah ini sangat sesuai apabila ingin memperkenalkan produk atau layanan yang baru dilancarkan oleh sesebuah perniagaan.

#### 2.2.4.2 Menjangkau lebih banyak target pasar

Memasang iklan dengan *out of home* memudahkan peniaga atau pengusaha untuk menjangkau lebih banyak target pasaran atau bahkan menarik orang yang belum masuk ke dalam target pasaran. Dilansir (2018), iklan-iklan OOH adalah jenis iklan yang tidak dapat dilewati dan seakan ‘memaksa’ seseorang untuk melihatnya. Ketika melihat iklan *online* di media sosial, individu bebas saja memilih untuk melewati iklan tersebut. Namun, dengan iklan OOH yang terpampang nyata di depan mata, mahu tidak mahu kita perlu melihat dan memperhatikannya jika memang iklan tersebut

menarik. Dengan menggunakan OOH *advertising*, pengusaha juga dapat meyakinkan orang yang melihat iklan tersebut bahwa produk yang diiklankan tersedia di kawasan sekitar mereka.

#### 2.2.4.3 Menyampaikan pesan secara efektif

Manfaat penggunaan OOH yang terakhir adalah menyampaikan pesan secara efektif. Iklan yang menarik perhatian dan mengajak untuk “berinteraksi” akan membuat iklan produk tersebut selalu diingat oleh mereka yang melihat iklan tersebut.

### 2.3 Pilihan Raya di Malaysia

Malaysia telah memilih sistem demokrasi berparlimen dan meneruskan sistem beraja yang unik yang telah di warisi sejak zaman berzaman sejurus Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 dan pembentukan Malaysia yang lebih luas, unik dan pelbagai pada 16 September 1963 (Malike, 2012; Dewan Masyarakat, 2018; Junaidi, Mohd Fuad & Mohd Faiz, 2011). Sebagai sebuah kerajaan yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, Malaysia telah berjaya mengharungi 14 pilihan raya umum bermula pada tahun 1955. Barisan Nasional telah memenangi 13 kali pilihan raya umum sebelum tertewas pada pilihan raya ke 14 pada Mei 2018 yang lalu kepada Pakatan Harapan (Mohd Nizah & Abu Bakar, 2020; Mohd Zuwairi, Normah, Abdul Latif & Badrul, 2016; Roskin, 2000).

Pilihan raya di Malaysia boleh di anggap sebagai kemuncak demokrasi (Turnbull-Dugarte & Devine, 2023; Balmas & Sheaffer, 2016; Ghazali, 1990), juga kelihatan sebagai medan perang bagi kesemua parti yang bertanding kerana ia merupakan medium utama di mana setiap rakyat yang berdaftar sebagai pengundi berhak memilih

tampak kepemimpinan negara samada di peringkat persekutuan ataupun di peringkat negeri. Menurut Saha dan Print (2020), Kasmani (2020), Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) (2019), Bernardi, Sandri dan Seddone (2016), Kelley (2012) pilihan raya merupakan antara medium pilihan utama bagi setiap negara yang mengamalkan sistem demokrasi representasi bagi memperoleh mandat dari rakyat untuk memerintah dalam sesebuah kerajaan yang berdaulat.

Malah pilihan raya adalah merupakan medium terbaik bagi rakyat untuk menunjukkan penyertaan mereka dalam membuat keputusan dalam sesebuah kerajaan. Penyertaan rakyat dalam pilihan raya dilihat semakin baik dan memberangsangkan dengan melebihi 80 peratus pengundi yang membuang undi, walaupun terdapat kebimbangan terhadap penyertaan pengundi muda dalam peranan formal (Choe & Darnolf, 2017; Khor, 2014). Namun begitu, pilihan raya tetap menjadi antara ukuran demokrasi di Malaysia, dan menjadi medan pertembungan idea, perancangan dan manifesto parti politik dalam mendapatkan sokongan rakyat, seterusnya menjadi kerajaan semasa (Tokaji, 2019; Elklit & Reynolds, 2019; Abbe, Goodliffe, Herrnson & Peterson, 2013).

Selain daripada pilihan raya, perlembagaan juga memainkan peranan yang sangat penting dalam ukuran demokrasi. Perlembagaan, sebagai sebuah dokumen rasmi sesebuah negara, adalah sangat unik dan ia adalah terjemahan perjalanan sejarah sosial setempat hasil interaksi dengan proses kolonialisme, migrasi, dan globalisasi (Siti Ezaleila, 2018; Skoric & Poor, 2018). Sifat perlembagaan Malaysia yang mencerminkan kedudukan anak watan, dan etnik-etnik lain menjadi dokumen rujukan dalam mengurus *etnonasionalisme plural* masyarakat Malaysia. Pertimbangan muhibah, penerimaan yang murni dan kefahaman generasi terdahulu telah membawa

Malaysia menjadi sebuah negara yang merdeka dan stabil, hasil permuafakatan anak watan, anak bumi dan anak tamu ( Stromback, 2018; Kenski & Stroud, 2016).

Konsep ketertinggian perlembagaan pula telah menjamin kestabilan politik Malaysia hampir 60 tahun. Namun begitu, dengan sikap penting diri, buta sejarah dan tiada rasa kebertanggungjawapan, beberapa insiden yang berkaitan dengan peruntukan-peruntukan perlembagaan mula menjadi mainan isu politik, dan ia menjejaskan kestabilan politik semasa Malaysia (Chin, 2022; Chin, 2021; Wong & Chin, 2019). Anggapan bahawa Malaysia Baharu yang dilaungkan seolah-olah proses rekonstruksi negara sangat didambakan, walhal, pasca Mei 2018 adalah sebahagian daripada proses demokrasi yang tidak pernah Malaysia gagal menguruskannya. (Moten, 2023; Subramaniam, 2021; Chin, 1996).

Dalam kebanyakan masyarakat, dasar dan keputusan awam dibuat oleh satu golongan kecil. Namun demikian, ahli-ahli teori demokratik bersetuju bahawa golongan kecil ini harus mewakili, bertanggungjawab kepada dan diberi mandat serta boleh dipersoalkan oleh rakyat yang menjadi sasaran keputusan-keputusan mereka itu. Berdasarkan latar belakang ini, pilihan raya boleh diertikan sebagai proses yang memberi kuasa kepada mereka yang diperintah itu menentukan, melalui cara-cara pemilihan tertentu, wakil-wakil yang kepadanya diserahkan mandat untuk membuat keputusan, dasar dan undang-undang masyarakat. Dalam perkataan yang lebih mudah, pilihan raya ialah satu proses di mana ahli masyarakat memilih dan mengesahkan wakil-wakil untuk membuat dasar dan keputusan politik (Lievrouw & Livingstone, 2020; Scheufele & Tewksbury, 2017; McCombs & Shaw, 2012).

Pilihan raya diadakan bertujuan memilih kerajaan yang akan mentadbir negara. Bermakna, dalam sesebuah negara demokrasi, pembentukan kerajaan yang akan memerintah negara ditentukan oleh proses pilihan raya umum yang diadakan secara berkala. Menerusi pilihan raya, rakyat boleh menggunakan hak dan peluang tersebut untuk memberi mandat kepada parti-parti politik yang bertanding memerintah negara (Schedler, 2022; Sawasdee, 2020; Birch, 2011). Proses pilihan raya dan pengundian ini telah mewujudkan hubungan simbiosis di antara rakyat yang memilih dengan parti yang dipilih untuk memerintah. Lebih penting lagi, dalam menghujahkan sistem demokrasi dan pilihan raya sebagai suatu hubungan yang saling berkait antara satu sama lain, pilihan raya juga turut memperlihatkan pengundi mempunyai pilihan dan kecenderungan yang berbeza-beza terhadap parti-parti politik yang bertanding (McCargo, 2019; Jason, 2019; Schedler, 2018; Magalhães, 2016).

Walaupun undian adalah hak setiap pengundi, terdapat aspek-aspek lain yang boleh mempengaruhi pola pengundian tersebut, terutamanya yang melibatkan perkara-perkara berkaitan kaum, kesetiaan terhadap parti, isu-isu yang dibangkit, sentimen calon atau parti, ekonomi, pembangunan, kekeluargaan dan aspek-aspek lain yang berkaitan dengan pola pengundian.

Birch (2018) menjelaskan bahawa pilihan raya akan memberi maklumat kepada kita tentang perkara-perkara baharu dan penting serta dapat meningkatkan pemahaman terhadap tingkah laku pengundi. Oleh itu, pendekatan-pendekatan tingkah laku pengundi dalam pilihan raya seperti identifikasi parti, pilihan rasional dan sosiologikal dapat berperanan dalam politik menerusi tingkah laku pengundi dalam proses pengundian. Birch juga mencadangkan agar sesuatu yang bermanfaat dapat dicapai

dengan melihat atau menilai pendekatan Lehoucq (2018), terutamanya yang berkaitan dengan identifikasi parti dan rasionaliti dalam pengundian.

Seterusnya, Nadzri (2018) telah membincangkan aspek yang berkaitan dengan demokrasi dan pilihan raya di Malaysia, iaitu dari aspek tingkah laku pengundi. Menurut Nadzri, terdapat tiga pendekatan yang boleh dilihat dalam kajian tentang kelakuan mengundi atau pola pengundian iaitu pendekatan sosiologikal, pendekatan identifikasi parti dan pendekatan pilihan rasional. Beliau menambah, ketiga-tiga pendekatan ini boleh dikaji dan dianalisis berdasarkan kepada proses pilihan raya di Malaysia kerana ketiga-tiga pendekatan tersebut berkaitan antara satu sama lain dan relevan dalam konteks pilihan raya di Malaysia. Suaedy (201) menjelaskan dua pendekatan utama iaitu pendekatan ekonomi dan sosiologi dalam menerangkan sistem politik demokrasi di sesebuah negara dan kaitannya dengan aspek isu dan tingkah laku pengundi (*voting decisions*) terutamanya di Amerika Syarikat.

Kelancaran kawalan keselamatan bagi pilihan raya tertentu adalah bergantung kepada faktor-faktor lain. Seperti yang dinyatakan oleh Saravanamuttu dan Maznah (2020), terdapat empat risiko bagi kawalan keselamatan. Elemen ini melibatkan kualiti kawalan keselamatan yang diberikan oleh pihak berautoriti dalam pilihan raya. Antara risiko kawalan keselamatan yang dimaksudkan termasuklah risiko politik ekonomi, sosial, institusi negara, dan proses spesifik pilihan raya. Saravanamuttu dan Maznah (2020) turut menyatakan bahawa perkara yang diperlukan bagi mengurangkan berlakunya risiko ialah menggariskan praktis amalan terbaik yang dapat dibahagikan kepada fasa pra, semasa dan pasca pilihan raya (Diamond, 2017; Schedler, 2013; Hall, 1996).

Merujuk Gomez dan Mohamed Nawab (2019), keselamatan pilihan raya ialah proses melindungi pemegang taruh pilihan raya seperti pengundi, calon, pengundian, petugas pilihan raya, media, dan pemerhati, maklumat pilihan raya seperti hasil undian, data pendaftaran pemilih, dan bahan kempen, kemudahan pilihan raya seperti tempat mengundi dan pusat pengiraan, dan peristiwa pilihan raya seperti kempen, proses pengundian, serta pengumuman keputusan pilihan raya.

Secara amnya, keselamatan pilihan raya mencipta ruang yang aman dan selamat kepada masyarakat untuk mengambil bahagian tanpa bimbang sebelum, semasa dan selepas pilihan raya dijalankan (Kai & Steven, 2020; Yusoff, Sarjoon & Othman, 2016, Jason, 2007). Objektif keselamatan pilihan raya, walau bagaimanapun, adalah untuk keselamatan bangunan dan material, keselamatan personel seperti pengundi, calon, wakil parti politik dan badan pengurusan pilihan raya (Jennifer & Ong, 2019; Hazis, 2018; Sebastian & Weiss, 2018; Slater, 2012).

Berdasarkan perspektif umum Kai, Schuler dan Chong (2018), terdapat empat kategori keselamatan pilihan raya iaitu keselamatan fizikal, keselamatan maklumat, dan keselamatan peristiwa. Keselamatan fizikal meliputi keselamatan bangunan dan harta benda, pejabat pilihan raya negeri dan pejabat-pejabat pengurusan pilihan raya di daerah, lokasi pendaftaran dan pengundian, pejabat-pejabat parti politik, pejabat pemerhati pilihan raya, dan pihak media. Kemudahan lain juga termasuk kediaman pihak berkuasa pilihan raya atau calon, serta hotel yang sering dikunjungi oleh pelancong luar negara, wartawan, atau pemerhati.

## 2.4 Peranan Media dalam Pilihan Raya di Malaysia

Konsep demokrasi atau pilihan raya adalah elemen demokrasi merujuk kepada sesiapa sahaja mempunyai peluang untuk berbincang sesuatu perkara, atau mempunyai bentuk representasi untuk berbicara tentang hal tersebut bagi pihak mereka (Hwok-Aun, 2018). Ciri-ciri teknikal internet, digabungkan dengan akronim laman perbincangan telah menubuhkan sebuah 'dunia maya' yang mempunyai syarat demokrasi (Mersat, 2018). Malah kini, akses internet menerusi media baru seperti blog, Facebook, Twitter, Youtube dan sebagainya memberi kebebasan untuk membuat pertukaran pendapat tanpa sebarang 'gatekeeper' dan semua orang bebas untuk menghantar mesej pandangan, berkongsi maklumat serta menyokong pendapat mereka (Welsh, 2018; Jali et al., 2017; Wong, James & Norani 2017; Gomez, 2016).

Nor dan Ahmad (2013) menyatakan bahawa penyertaan pendapat merupakan hak dan tanggungjawab setiap individu dalam sesebuah negara yang demokrasi. Melalui dapatan kajian, pengkaji mendapati penggunaan media dalam talian adalah yang paling kerap berbanding bentuk media yang lain. Manakala penyertaan pendapat, responden dilihat lebih gemar menggunakan media atas talian untuk menyampaikan pendapat seperti menyertai kumpulan perbincangan yang mengupas isu-isu semasa melalui media sosial seperti Facebook, Twitter dan blog (Gomez & Saravanamuttu, 2012; Hewison & Robison, 1993).

Sementara itu, Yusoff, Awang dan Agustino (n.d) membuat kajian mengenai persepsi pengundi belia dan beliau mendapati bahawa belia lebih cenderung untuk mempercayai sumber maklumat daripada internet atau blog berbanding medium maklumat lain. Faktor sumber maklumat internet dapat diakses dengan lebih mudah,

cepat dan terbuka serta maklumat yang diperoleh adalah seimbang antara pihak kerajaan dan pembangkang. Aplikasi ruang siber seperti blog, laman web, forum siber, e-mail, Facebook, dan Twitter, Youtube dapat memperluas ruang bersuara sekali gus meningkatkan partisipasi, mobilisasi sosial dan demokrasi (Chan, 2018; Kikue, 2018; Donald, 2013). Media baru dilihat popular dalam kalangan pengundi muda yang tinggal di kawasan bandar. Malah, media massa dan media baru dilihat mempunyai perbezaan yang ketara. Dalam kepincangan tersebutlah, munculnya media baru kepada masyarakat sebagai ayat demokrasi yang ideal (Serina, 2018; Kai, 2016; Thomas, 2015; Hall, 2000).

Teras pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK 9) memberikan tumpuan kepada peningkatan liputan rangkaian dan penggunaan kemudahan sedia ada secara lebih optimum bagi menyokong aktiviti ekonomi. Peningkatan akses kepada kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar, mod dan perkhidmatan pengangkutan yang lebih bersepadu serta sistem bekalan air yang berkualiti dan andal akan merupakan teras dalam perancangan serta pelaksanaan projek infrastruktur. Peningkatan penggunaan kemudahan infrastruktur sedia ada adalah dengan memberi penekanan kepada sistem penyampaian dan kualiti perkhidmatan yang lebih baik, peluasan rangkaian ke kawasan kurang membangun serta peningkatan keupayaan (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2020).

Indeks Pembangunan Jalan Raya (ukuran tahap pembangunan jalan raya yang mengambil kira keluasan dan jumlah penduduk negara) bagi tahun 2000 ialah 1.36 dan tahun 2005 ialah 1.32, panjang jalan raya (km) pada tahun 2000 ialah 5,469.8 km dan tahun 2005 ialah 5,494.8 km, kepadatan jalan (ukuran panjang lorong jalan raya

dibahagikan dengan jumlah keluasan kawasan) pada tahun 2000 ialah 0.58 dan tahun 2005 ialah 0.58, dan tahap perkhidmatan (ukuran jumlah panjang lorong jalan raya bagi 1,000 penduduk) pada tahun 2000 ialah 3.27 dan tahun 2005 ialah 2.97 (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2020).

Kapasiti pengeluaran dan kuantiti bekalan air tahun 2000-2010 (juta liter sehari/jlh), bagi negeri Kedah pada tahun 2000 bagi kapasiti pengeluaran ialah 988 jlh, jumlah air dibekalkan ialah 804 jlh, pada tahun 2005 bagi kapasiti pengeluaran ialah 1,194 jlh, jumlah air dibekalkan 1,098 jlh, dan pada tahun 2010 kapasiti pengeluaran ialah 1,904 jlh, jumlah air dibekalkan ialah 1,175 jlh (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2020). Liputan bekalan air bandar dan luar bandar tahun 2000-2010 (% daripada penduduk) bagi negeri Sarawak, pada tahun 2000 bagi bandar ialah 100.0 peratus, luar bandar ialah 97.0 peratus, jumlah ialah 99.0 peratus; pada tahun 2005 bagi bandar ialah 100.0 peratus, luar bandar ialah 99.0 peratus dan jumlah ialah 99.5 peratus; dan pada tahun 2010 bagi bandar ialah 100.0 peratus, luar bandar 100.0 peratus dan jumlah ialah 100.0 peratus (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2006).

Pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam dalam tempoh RMKe-9 memberikan penekanan kepada memperluas kemudahan ke kawasan luar bandar, meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan bagi menyokong aktiviti ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2020). Bagi tempoh RMKe-9, peruntukan sebanyak RM2.0 bilion disediakan untuk pembangunan bioteknologi, daripada jumlah ini, 45.9 peratus disediakan untuk pembangunan infrastruktur fizikal, manakala baki sebanyak 54.1 peratus

diperuntukkan kepada pembangunan soft infrastructure termasuk R&D dan pengkomersilan serta program pembangunan perniagaan (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2006).

Sarawak, sebagai sebuah negeri yang kaya dengan sumber semula jadi dan kepelbagaian etnik, menarik perhatian bukan sahaja sebagai destinasi pelancongan tetapi juga sebagai pusat ekonomi yang berpotensi tinggi. Walaupun potensinya yang besar, Sarawak menghadapi satu cabaran utama yang memperlambatkan pertumbuhannya iaitu kekurangan kemudahan infrastruktur awam. Kekurangan ini membabitkan pelbagai sektor termasuk pengangkutan, teknologi maklumat, dan kemudahan asas yang memainkan peranan penting dalam memacu pembangunan ekonomi dan sosial di negeri ini (Lee & Voon, 2022; Tuah, Tedong & Dali, 2022)

a) Pengangkutan dan Aksesibiliti:

Infrastruktur pengangkutan yang tidak memadai di Sarawak adalah salah satu cabaran utama yang dihadapi. Kekurangan jalan raya yang berkualiti, terutamanya di kawasan luar bandar, menyulitkan akses penduduk tempatan dan perniagaan kepada perkhidmatan asas. Kawasan pedalaman yang terpencil mungkin menghadapi kesukaran dalam pengangkutan dan ini boleh menjadi halangan untuk pembangunan ekonomi di kawasan tersebut.

b) Teknologi Maklumat dan Digitalisasi:

Sarawak perlu melompat ke dalam era digital untuk mengimbangi globalisasi. Kekurangan infrastruktur teknologi maklumat dan rangkaian digital yang cekap boleh menghambat pertumbuhan sektor perkhidmatan, perdagangan atas talian, dan inovasi.

Pendidikan digital dan perkhidmatan awam yang tidak memadai mungkin menyulitkan masyarakat untuk mengambil kesempatan sepenuhnya daripada era digital ini.

c) Pembangunan Luar Bandar:

Kawasan luar bandar di Sarawak seringkali mengalami kekurangan kemudahan asas seperti bekalan elektrik yang stabil, air bersih, dan infrastruktur kesihatan. Ini bukan sahaja mempengaruhi kualiti hidup penduduk tempatan tetapi juga menjadi faktor pengekalan pekerjaan dan peluang perniagaan. Kekurangan ini mungkin menjadi batasan untuk melibatkan penduduk luar bandar dalam ekonomi negeri secara menyeluruh.

d) Ketersediaan Air dan Pengurusan Sumber Alam:

Pengurusan sumber air dan alam semula jadi adalah isu yang memerlukan perhatian segera. Kawasan-kawasan di Sarawak mungkin menghadapi cabaran berkaitan dengan bekalan air bersih dan pengurusan sumber alam yang lestari. Kelemahan dalam infrastruktur ini boleh menjejaskan kediaman dan pertumbuhan masyarakat setempat.

e) Pembangunan Pelabuhan dan Lapangan Terbang:

Pelabuhan dan lapangan terbang yang kurang berkemampuan untuk menampung pertumbuhan perdagangan dan pelancongan mungkin menjadi halangan untuk pengembangan ekonomi di Sarawak. Kekurangan pelabuhan yang cekap boleh menyulitkan proses eksport dan import, manakala lapangan terbang yang terhad mungkin menghadkan pertumbuhan sektor pelancongan.

### 2.5.5 Hak Tanah Adat

Hak tanah adat merujuk kepada hak tanah peribumi atau hak tanah bumiputera adalah hak orang asli terhadap tanah, sama ada secara peribadi atau bersama (Unit Komunikasi Awam Sarawak [UKAS], 2023a; 2023b). Di Sarawak, hak tanah adat Bumiputra diakui oleh Kanun Tanah Sarawak 1957. Konsep tanah hak adat bumiputera (*native customary right*, NCR) (Mohd Roji, 2023; Hafeezur, 2022) adalah termasuk:

- i. Temuda
  - a) kawasan tanah yang telah diteroka untuk aktiviti pertanian
  - b) telah diteroka sekali atau lebih
  
- ii. Pendam
  - a) kawasan perkuburan
  - b) biasa dalam kawasan hutan di lereng bukit
  - c) kawasan kubur lama biasanya terdapat barang-barang seramik berupa pinggan mangkuk yang telah pecah
  
- iii. Pemakai menua
  - a) kawasan tanah dan sungai tempat mencari sumber makanan
  - b) biasanya kawasan ini tidak digunakan untuk pertanian tetapi kawasan hutan simpanan
  - c) kawasan ini sangat penting sebagai sumber mencari rezeki
  - d) contoh: hutan tempat memburu binatang, mendapatkan kayu dan rotan untuk kegunaan rumah, makanan dari tumbuhan serta ubat-ubatan
  - e) contoh: sungai tempat mencari makanan seperti ikan, siput, udang dan siput

iv. Pulau Galau

- a) kawasan hutan ini biasanya terdapat di puncak bukit dan banjaran
- b) ia disebut sebagai 'pulau' kerana bahagian lereng hingga ke lembah sungai telah diteroka untuk pertanian
- c) kawasan hutan ini disimpan sebagai tanda sempadan dengan tanah orang lain dari sebelah bukit.
- d) kepentingan lain sebagai simpanan kayu, tempat memburu dan pelbagai hasil yang lain.

Salah satu masalah besar yang sering melanda pemilik Tanah Adat di Sarawak adalah penghapusan hak mereka melalui pelbagai undang-undang tanah dan perhutanan negeri dengan cara yang sangat tidak adil. Untuk memahami cara-cara hak kita dapat dihapuskan, kita mestilah memahami pentadbirantah oleh Jabatan Tanah dan Survei dan pentadbiran hutan oleh Jabatan Hutan di Sarawak.

a) Kawasan Hutan Kekal

Ordinan Hutan Sarawak 1954 (*Forests Ordinance 1954*) boleh mewartakan hutan sebagai:

- i. Hutan Simpanan (*Forest Reserve*)
- ii. Hutan Kawalan (*Protected Forest*)
- iii. Hutan Simpanan Kampung (*Communal Forest Reserve*)

Kecuali di Hutan Komunal, pewartaan Hutan Kekal dilakukan agar Jabatan Hutan akan diberi kuasa yang lebih besar untuk mengawasi dan menguruskan kegiatan-kegiatan seperti pembalakan yang dijalankan di sini. Pembalakan di Hutan Kekal disabitkan dengan lebih banyak peraturan untuk memastikan

kegiatan tersebut dijalankan secara mampan dan berhad serta disertai tindakan-tindakan untuk mengurangkan kesan buruk ke atas alam sekitar. Walau bagaimanapun, apabila Hutan Kawalan dan Hutan Simpanan diwartakan, Hak Tanah Adat Akan Dihapuskan.

b) Kawasan Hutan Lindungan Penuh

- i. Ordinan Taman Negara dan Kawasan Simpanan Alam 1998 (*National Parks and Nature Reserves Ordinance 1998*) boleh mewartakan Taman Negara (*National Park*) dan Kawasan Simpanan Alam (*Nature Reserve*).
- ii. Ordinan Perlindungan Hidupan Liar 1998 (*Wildlife Protection Ordinance 1998*) boleh mewartakan Sanktuari Hidupan Liar (*Wildlife Sanctuary*).

Kawasan Hutan Lindungan Penuh akan dilindungi sepenuhnya termasuklah dari kegiatan pembalakan. Walau bagaimanapun, tindakan pemeliharaan alam sekitar ini sering diambil tanpa mengambil kira dengan secukupnya hak masyarakat di situ. Apabila Taman Negara, Kawasan Simpanan Alam atau Sanktuari Hidupan Liar diwartakan, Hak Tanah Adat Akan Dihapuskan.

c) Hutan Kerajaan (*Stateland Forest*)

Jika kawasan kampung kita tidak diwartakan sebagai apa-apa jenis hutan, makanya hutan ini adalah dianggap sebagai Hutan Kerajaan (*Stateland Forest*). Oleh itu, di *Stateland Forest*, hak tanah adat masih lagi wujud jika Kerajaan tidak pernah mengeluarkan sebarang notis khas untuk menghapuskan hak. Malangnya, Kerajaan Negeri masih lagi mengeluarkan lesen pembalakan dan perladangan di

kawasan-kawasan *Stateland*.

d) Kanun Tanah Sarawak 1958 (*Land Code* 1958)

Penghapusan NCR juga boleh dilakukan jika Kerajaan hendak mengambil tanah kita untuk ‘pembangunan awam’ seperti pembinaan empangan dan jalanraya. Undang-undang tanah ini sering digunakan jika kampung tersebut termasuk dalam kawasan yang belum diwartakan sebagai Hutan Kekal, Hutan Lindungan Penuh atau apa-apa juga jenis kawasan simpanan (rizab) Kerajaan.

Jadual 2.1

*Cara-Cara Hak Tanah Adat Dihapuskan*

Undang-undang	Cara Pemberitahuan Maklumat Kepada Penduduk Yang Terjejas
<p><b>Ordinan Hutan Sarawak 1954</b> Pewartaan: Hutan Simpanan (<i>Forest Reserve</i>) Hutan Kawalan (<i>Protected Forest</i>)</p>	<p>a) Pemberitahuan Menteri di dalam Gazette. b) Sebuah salinan Pemberitahuan diteerbitkan di akhbar dan dipamerkan di Pejabat Daerah. c) Penduduk yang terjejas diberi 60 hari untuk menghantar tuntutan-tuntutan hak mereka ke Pegawai Jabatan Hutan tempatan. d) Penuntut-penuntut yang tidak berpuas hati boleh merayu di Mahkamah Seksyen dalam masa 30 hari. e) Menjadi beban penduduk untuk membuktikan tuntutan mereka</p>
<p><b>Ordinan Taman Negara dan Kawasan Simpan Alam 1998 &amp; Ordinan Perlindungan Hidupan Liar 1998</b> Pewartaan: Taman Negara (National Park) Kawasan Simpanan Alam (Nature Reserve) Sanktuari Hidupan Liar (Wildlife Sactuary)</p>	<p>a) Pemberitahuan Menteri di dalam Gazette. b) Sebuah salinan Pemberitahuan diterbitkan di akhbar dan dipamerkan di Pejabat Daerah. Penduduk yang terjejas diberi 60 hari untuk menghantar tuntutan-tuntutan hak mereka ke Pegawai Jabatan Hutan tempatan. c) Penuntut-penuntut yang tidak berpuas hati boleh merayu di Mahkamah Seksyen dalam masa 30 hari. d) Menjadi beban penduduk untuk membuktikan tuntutan mereka</p>
<p><b>Kanun Tanah 1958</b> Mengambil alih hak tanah untuk pembangunan yang difikirkan ‘patut’</p>	<p>a) Pemberitahuan Menteri di dalam Gazette. b) Sebuah salinan Pemberitahuan diterbitkan di akhbar dan dipamerkan di Pejabat Daerah</p>

- 
- c) Penduduk yang terjejas diberi 60 hari untuk menghantar tuntutan-tuntutan hak mereka ke Pegawai Jabatan Hutan tempatan.
  - d) Penuntut-penuntut yang tidak berpuas hati boleh merayu di Mahkamah Seksyen dalam masa 30 hari.
  - e) Menjadi beban penduduk untuk membuktikan tuntutan mereka
- 

Sistem pentadbiran berkenaan tanah di Malaysia sememangnya ditadbir berdasarkan sistem perundangan Malaysia. Perundangan berkenaan tanah terbahagi kepada empat iaitu Kanun Tanah Negara 1965 (yang berkuat kuasa di Semenanjung Malaysia), Kanun Tanah Sarawak 1958 (Bab 81) di negeri Sarawak dan Ordinan Tanah Sabah 1930 (Bab 68) yang berkuasa di negeri Sabah sahaja. Pentadbiran tanah di Malaysia melalui majlis tanah negara adalah berdasarkan perundangan sistem Torrens (Colchester, Farhan, Nelson, Zaninka, Venant & Balawag, 2018). Pentadbiran ini telah memberi perlindungan terhadap pemilikan tanah di Malaysia dan cenderung dihormati. Namun pengaplikasian undang-undang tersebut adalah kurang dan tidak konsisten serta berubah-ubah sehingga sukar diimplementasikan mengikut perubahan yang berlaku. Seterusnya ia juga telah mencetuskan pelbagai konflik dalam kalangan pemegang tanah tersebut memandangkan tujuan penggubalan Sistem Torrens dahulu adalah disebabkan oleh kepentingan ekonomi British (Ramy, 2013).

Salah satu konflik yang berlaku akibat daripada perubahan ini adalah konflik perebutan hak milik tanah adat di antara pihak luar seperti pemaju tanah, syarikat luar (swasta) dan juga kerajaan dengan penduduk orang asal yang mendiami kawasan tersebut (Ramy, 2013). Berdasarkan kepada kajian perpustakaan, pengaplikasian sistem perundangan dan pemberian hak kepada orang asal dalam pemilikan tanah dilihat masih belum cukup kukuh dalam mempertahankan hak orang asal terhadap

tanah adat mereka (Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia [SUHAKAM], 2014).

### **2.5.6 Rasuah**

Rasuah merujuk kepada tindakan tidak jujur atau penipuan oleh mereka yang berkuasa. Rasuah menawarkan, memberi atau menerima apa-apa yang bernilai dengan tujuan untuk mendorong seseorang untuk bertindak atau memberi penghargaan kepada seseorang kerana telah bertindak (Aidt, Dutta & Sena, 2018).

Kajian demi kajian dijalankan bagi mencari jawapan kepada persoalan bagaimanakah rasuah bermula? Di mana akar umbinya? Apakah punca, kesan, dan bagaimanakah cara untuk mengatasi masalah ini? Kajian paling menarik dijalankan oleh Jamaie Hamil pada 2004 tentang penglibatan sebuah parti politik. Penemuan dari hasil kajian menjurus kepada penglibatan parti-parti dan pemimpin-pemimpin politik dalam bidang perniagaan. Kesannya gejala atau lebih tepat lagi virus ini sukar ditangani dan dibanteras sekiranya penglibatan mereka ini berterusan (Barro, 2021).

Ramai pemimpin-pemimpin politik pada hari ini menceburi politik bukan dengan niat untuk memperjuangkan nasib rakyat. Politik dilihat sebagai satu medan yang boleh mendatangkan keuntungan dengan mudah, menaikkan taraf hidup, dan jalan pintas untuk lebih terkenal. Acapkali ketika tiba musim pilihan raya pelbagai janji manis ditaburkan untuk memancing sokongan dan perhatian. Bagi pihak yang calonnya dilihat sukar mendapat tempat, hadiah dan hadiah lumayan turut dijanjikan sebagai bonus sekiranya mereka berjaya. Akibatnya, kekayaan negara diagihkan kepada kelompok tertentu dengan alasan menjaga kepentingan sesuatu kaum. Akhirnya, amalan kronisme, nepotisme dan politik wang menjadi budaya (Fethi & Imamoglu,

2021).

Implikasi dan kesan rasuah politik dapat dilihat dalam lima aspek (Gupta, De Mello & Sharan, 2021; Fayissa & Nsiah, 2018; Lancaster & Montinola, 2017; Olken, 2017), iaitu:

#### 2.5.6.1 Terhakisnya keadilan

Apakah sumber ekonomi seperti hak memperoleh tender dimonopoli oleh hanya sekumpulan pihak yang mampu memberi sogokan atau mereka yang mempunyai kepentingan tetapi tidak menunaikan tanggungjawab dan tidak memberikan kualiti perkhidmatan yang terbaik dalam melaksanakan tugas, akibatnya rakyatlah yang terpaksa menanggung padah. Menurut sumber daripada Bahagian Pembangunan Usahawan, Kementerian Kerja Raya ada melaporkan bahawa 85.37 peratus projek yang dilaksanakan oleh segelintir kontraktor Bumiputera mengalir kepada kaum lain. Isu ketirisan projek ini telah mendapat liputan meluas dan reaksi hangat khususnya bagi mereka yang ditindas. Rasuah dilakukan melalui ‘kabel politik’ dan ‘orang dalam’ di jabatan-jabatan yang berkaitan.

#### 2.5.6.2 Melemahkan sistem pentadbiran

Sistem pentadbiran negara tidak akan berfungsi dengan baik kerana wujudnya saluran lain selain sistem itu. Sistem pentadbiran disangka bagi melicinkan perjalanan sesuatu urusan tetapi disebabkan peranan ‘orang dalam’ atau ‘orang tengah’ sistem yang sepatutnya memberi hasil terbaik dalam sesuatu perkhidmatan itu gagal berfungsi apabila rasuah dan sogokan menjadi perantara.

#### 2.5.6.3 Nasib rakyat menjadi taruhan bukan perjuangan

Rasuah bukan sahaja menjejaskan kemajuan sesebuah negara bahkan mempertaruhkan nasib rakyat dalam negara. Ini dapat dilihat sewaktu kempen meraih undi dalam pilihan raya. Janji dan habuan menjadi mainan naum setelah berakhir pilihan raya, janji tinggal janji, yang menjadi mangsa rakyat setempat.

#### 2.5.6.4 Amanah bukan lagi pegangan

Hilangnya amanah di dalam sesuatu urusan kerana mereka bukan lagi berkhidmat atas dasar amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka, tetapi kerana manfaat yang boleh diraih dengan jawatan yang dimiliki.

#### 2.5.6.5 Melahirkan pemimpin yang tidak berkualiti

Sekiranya rasuah tidak dicegah, maka akan wujud satu negara yang dipimpin oleh mereka ayang bukan sahaja mementingkan diri sendiri bahkan bakal melahirkan insan-insan yang tidak berkualiti. Realitinya, akibat gejala rasuah, sebuah negara yang maju dan pesat membangun sekalipun tidak mungkin bertahan sehinggaa akhirnya menyembah bumi. Rakyat tiada lagi dahan untuk bergantung dan hilang bumbung untuk berteduh.

Rasuah di Sarawak bukanlah isu yang terpencil, tetapi telah meresap ke dalam pelbagai lapisan masyarakat dan sektor-sektor penting. Daripada peringkat pemerintahan tempatan hingga ke peringkat kerajaan negeri, terdapat laporan dan kecurigaan mengenai amalan rasuah yang melibatkan penyalahgunaan kuasa, suap-menyuap, dan pemalsuan dokumen. Sebagai contoh, Sarawak Report telah mendedahkan rasuah yang melibatkan Tan Sri Abdul Taib Mahmud (bekas ketua menteri Sarawak). Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (lahir 21 Mei 1936) adalah seorang ahli politik Malaysia yang

telah lama berkhidmat sebagai Yang di-Pertua Negeri Sarawak yang ke-7. Beliau memegang jawatan sebagai ketua menteri Sarawak selama lebih daripada dua dekad, bermula dari tahun 1981 hingga 2014 serta mantan Menteri Kewangan dan Menteri Perancangan dan Pengurusan Sumber Negeri.

Beliau merupakan figura penting dalam politik Malaysia dan memainkan peranan utama dalam pembangunan dan pentadbiran negeri Sarawak. Namun, Malaysiakini melaporkan sepanjang tempoh itu pentadbirannya dicemari dengan tuduhan rasuah, pembalakan tidak terkawal dan anggota keluarga, sahabatnya mempunyai kepentingan perniagaan dalam projek-projek kerajaan (Alyaa, 2018). Menurut Alyaa (2018), tuduhan rasuah ini bukan kerana semata-mata beliau adalah Tan Sri Abdul Taib Mahmud, dan bukan hanya kerana beliau pemimpin BN, tetapi kerana urus tadbir negeri Sarawak di bawah pentadbiran beliau tidak memiliki unsur ketelusan.

### **2.5.7 Jenayah**

Jenayah merujuk kepada idea asas apa yang dikatakan jenayah ialah apa-apa yang boleh memberikan masalah atau kesusahan kepada orang lain. Namun demikian, ada juga perkara-perkara yang dianggap jenayah di sesuatu negara mungkin tidak dianggap jenayah di negara yang lain (Livingston & Bennett, 2013). Selalunya, tugas mencegah jenayah dan menangkap penjenayah adalah di bawah tanggungjawab pihak polis. Mereka berhak menahan sesiapa yang disyaki untuk dibicarakan oleh mahkamah/hakim. Sekiranya sabit kesalahan, pesalah tersebut boleh didenda atau dipenjarakan. Sesetengah negara juga mempunyai hukuman mati untuk kesalahan tertentu seperti membunuh dan mengedar dadah (Dunaway & Lawrence, 2015). Bagi sesetengah kesalahan kecil seperti memandu melebihi had laju, pihak polis boleh

mendenda pemandu tersebut dengan terus, tanpa perlu mendakwanya di mahkamah konstitusi (Neuner, Soroka & Wlezien, 2019).

Permasalahan jenayah merupakan antara masalah sosial yang menunjukkan peningkatan di kebanyakan bandar di dunia termasuk Malaysia. Peningkatannya adalah membimbangkan dan mendapat perhatian semua pihak dari pelbagai peringkat masyarakat di negara ini (Lovari, 2020). Peningkatan pelakuan jenayah bukan petunjuk kepada ketidakberkesanan langkah dijalankan, namun kepelbagaian faktor dalam mempengaruhinya yang meliputi faktor ruangan dan bukan ruangan serta kecanggihan sains dan teknologi menyebabkan permasalahan ini semakin rumit, kompleks dan bersifat global yang semakin sukar dibendung (Zhu, 2020).

Menyedari peningkatan permasalahan ini yang seiring dengan kepesatan pembangunan negara, pihak kerajaan telah bertindak proaktif melaksanakan beberapa dasar atau pendekatan dalam membendungnya sejak dari peringkat awal, seterusnya memenuhi hasrat masyarakat yang ingin hidup bebas, aman damai serta sejahtera daripada sebarang permasalahan pelakuan jenayah (Wright, 2016).

Justeru itu, kajian ini mengetengahkan dan menelitikan beberapa dasar atau pendekatan yang dilakukan oleh kepimpinan negara bagi membendung pelakuan jenayah dalam era kepimpinan yang berbeza iaitu kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Tun Haji Abdul Razak. Kepimpinan mereka dalam era yang berbeza, namun mempunyai matlamat samakearah meletakkan negara di persada dunia sehingga berjaya meletakkan negara antara yang selamat di dunia kini (Downs, 2017).

Pelakuan jenayah merupakan antara permasalahan sosial yang melanda kebanyakan bandar-bandar di dunia sejak lebih daripada 20 tahun (Belinda Yuen, 2004; Shelly, 1981) dan peningkatannya adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Namun demikian, tidak dinafikan perbandingan adalah antara faktor yang banyak mempengaruhi peningkatan permasalahan jenayah di kebanyakan bandar di dunia (Mays, 1968; Walmsley, 1988; Rogers, 1989; Mohd Redzuan, 1990; Knox, 1994; McIlwaine, 1999; Gold, 2002; Pallen, 2002; Pokhariyal dan Muthuri, 2003) dan masalah jenayah semakin kompleks dan sukar dibendung kesan daripada kemajuan dalam sains dan teknologi (Sidhu, 2005:9).

Seiring dengan kepesatan perbandaran dan kemajuan, Malaysia juga turut menghadapi permasalahan yang sama. Menurut laporan pihak seperti *International Criminal Police Organization* (Interpol), *United Nations, Institute for Economic and Peace* (IEP), Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), kadar jenayah negara masih rendah berbanding negara lain (Utusan Malaysia, 19 Januari 2001; United Nations, 1999a, b; Berita Harian, 13 Januari 2004; Harian Metro, 9 November 2006; Berita Harian, 12 Februari 2008; NewStraits Times, 21 November 2010; IEP, 2011).

Diteliti dari segi insiden jenayah bagi setiap 100,000 penduduk bagi negara terpilih secara perbandingan dengan Afrika Selatan, United Kingdom, AmerikaSyarikat, Singapura dan Hong Kong, Malaysia dilaporkan masih pada kadar rendah berbanding dengan negara lain iaitu sebanyak 550.1 insiden bagi Malaysia dan masing-masing sebanyak 4,143.7, 6,498.5, 3,811.7, 606 dan 1,139.0 kejadian jenayah bagi setiap 100,000 orang penduduk di negara-negara tersebut (Laporan Tahunan GTP, 2012:58).

Laporan kajian *United Nations* pada 2005-2007 ke atas 163 negara bagi pencegahan jenayah dan dadah, daripada setiap 1000 orang penduduk, hanya melibatkan 6 orang menjadi mangsa jenayah di Malaysia berbanding 11 orang bagi negara Thailand, dan masing-masing 30 orang dan 146 orang bagi negara Hong Kong dan New Zealand (New Straits Times, 21 November 2010). Situasi ini merupakan kesan daripada pelaksanaan dasar atau pendekatan negara sejak 1980-an lagi. Pasukan polis negara iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga dilaporkan merupakan antara pasukan polis terbaik dalam kalangan negara membangun di seluruh dunia (Berita Harian, 12 Februari 2008).

Namun demikian, penelitian ke atas indeks jenayah bagi tempoh 1970 hingga 2008, jenayah di Malaysia pada dasarnya menunjukkan trend yang meningkat sejak 1970-an lagi. Bagi tempoh 1970 hingga 2009, 80 peratus pelakuan jenayah di negara ini adalah terdiri daripada jenayah harta benda berbanding hanya 20 peratus melibatkan jenayah kekerasan (Nor-Ina, 2006; Nor-Ina dan Norizan, 2007a, b; 2008a, b; 2009). Tahun 2006 dan 2009 memperlihatkan peningkatan masalah pelakuan jenayah yang ketara dan mendadak dengan jenayah jalanan antara penyumbang utama menurut pihak PDRM.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa jenayah jalanan merupakan antara jenayah yang kritikal dan perlu ditangani kerana menyumbang dan mempengaruhi peningkatan indeks jenayah negara. Sebagai contoh, menurut PDRM dalam GTP, 2011; 2012, jenayah curi motosikal menyumbang sebanyak RM180.9 juta, kereta sebanyak RM444.9 juta dan van sebanyak RM270.4 juta. Menurut *United Nations International Crime Justice Institute* (UNICRI), 2005, jenayah keganasan hanya melibatkan 25

hingga 30 peratus di kebanyakan negara Dunia Ketiga dan sebahagian besar adalah melibatkan jenayah harta benda.

Merujuk kepada statistik indeks jenayah negara pada keseluruhannya adalah membimbangkan dan menimbulkan reaksi pelbagai pihak kerana ianya bukan sekadar diunjurkan terus meningkat selari dengan pertumbuhan penduduk (Sidhu, 2006:7), juga menjejaskan keamanan, keselamatan negara serta menjejaskan kualiti hidup, kerana aspek keselamatan merupakan salah satu indikator dalam Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) rujuk IKHM, 2002; 2004.

Sementara itu, di Sarawak, negeri yang kaya dengan keindahan semula jadi dan kepelbagaian etnik, juga menghadapi cabaran serius dalam isu jenayah. Jenayah adalah satu fenomena kompleks yang melibatkan pelbagai faktor sosial, ekonomi, dan politik. The Star (2023) telah melaporkan sebanyak 1,465 kes jenayah komersial melibatkan kerugian RM60 juta direkodkan di Sarawak dari Januari hingga Jun 2023. Pesuruhjaya Polis Sarawak iaitu Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri menyatakan jumlah kes meningkat daripada 1,278 kes dengan kerugian RM36 juta dicatatkan dalam tempoh sama tahun lepas. Antara kes yang paling banyak membabitkan mangsa di negeri ini ialah jenayah e-dagang yang mencatatkan 279 kes dengan kerugian RM2.06 juta; tawaran kerja (165 kes, RM3.9 juta); pinjaman tidak wujud (154 kes, RM1 juta); pelaburan (115 kes, RM12.4 juta) dan penipuan telefon (111 kes, RM8 juta). Dalam tempoh yang sama, seramai 652 orang telah didakwa di mahkamah Sarawak termasuk kes dari tahun sebelumnya.

Selain daripada itu, Jay (2023) menerusi New Sarawak Tribune melaporkan Bagi

jenayah komersial tahun ini, Bahagian Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) telah membuka 336 kertas siasatan dengan 112 daripadanya telah diselesaikan. Bahagian itu juga menahan 85 suspek berkaitan jenayah komersial. Dalam tempoh sama, Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik mendakwa 34 individu di mahkamah atas pelbagai kesalahan trafik. Bagi kesalahan dadah, Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (NCID) menahan 1,239 individu dalam tempoh enam bulan pertama pada tahun 2023 dan 864 daripadanya mempunyai rekod jenayah lampau. Daripada angka itu, sebanyak 841 kes telah dibawa ke mahkamah untuk pendakwaan.

Jenayah di Sarawak merupakan isu yang kompleks yang memerlukan pendekatan holistik dan bersepadu. Dengan memahami punca-punca yang mendasari jenayah dan melaksanakan langkah-langkah yang tepat, Sarawak boleh mencapai masyarakat yang lebih selamat dan harmoni. Kebijaksanaan yang berfokus pada penguatkuasaan hukum, pendidikan, pembangunan ekonomi, dan pembinaan komuniti boleh membantu mengatasi cabaran ini dan membawa kepada perubahan positif dalam landskap keselamatan Sarawak.

#### **2.5.8 Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)**

Pendatang asing tanpa izin (PATI) merujuk kepada pendatang haram yang merupakan golongan orang yang masuk atau tinggal di sesebuah negara secara haram (Eisensee & Strömberg, 2017; Schneider & Ingram, 2013). Secara haram bermaksud tidak mengikut undang-undang imigrasi, contohnya memasuki negara, seperti Malaysia, tujuan tanpa permit, bukan dengan melalui pintu masuk utama (lorong tikus) dan diatur oleh sindiket pemerdagangan manusia. Malaysia kini maju dan menjadi salah satu negara termoden di Asia Tenggara (Chinn, Hart & Soroka, 2020; Shehata &

Strömbäck, 2018). Atas sebab itulah ramai PATI berhijrah dari negara asal ke Malaysia. Antara sebab-sebab faktor tarikan mereka datang ke negara ini adalah gaji yang lumayan, tawaran pekerjaan dan tempat tinggal yang sempurna (Motta, Stecula & Farhart, 2020; Gomez, & Ramiro, 2019).

Menelusuri abad 21, Malaysia mempunyai cabaran-cabaran baru dalam mengekalkan keamanan kehidupan masyarakat dan keselamatan negara dengan kemasukan pendatang asing tanpa izin, pendatang asing dengan izin sebagai pekerja dan pelarian. Ahli-ahli akademik seperti Chinn, Hart dan Soroka (2020) dan Eisensee dan Strömberg (2017) telah menyatakan bahawa musuh nombor dua negara kini adalah pendatang asing yang datang ke Malaysia. Mereka ini datang dan pulang secara sah ataupun tidak sah serta kedatangan mereka semakin meningkat. Ketiga-tiga kumpulan ini mempunyai pelbagai masalah dan cabaran buat negara kerana mereka ini datang ke Malaysia dalam bilangan yang ramai dan kini negara sedang menghadapi cabaran dalam menangani isu dan masalah yang ditimbulkan oleh mereka ini seperti pergaduhan, pengedaran dadah, pecah rumah, bunuh, kerosakan harta benda, monopoli perniagaan, pembukaan penempatan haram, tiada pekerjaan, pergaulan bebas dan sebagainya.

Melalui temubual yang dijalankan, Polis Diraja Malaysia mengesahkan bahawa Malaysia telah menjadi negara destinasi dan negara transit bagi pendatang asing tanpa izin dari negara-negara sumber tersebut terdiri dari negara Indonesia, Thailand, Myanmar, India, Vietnam, Pakistan, Filipina, India, Nepal, Sri Lanka, Laos dan sebagainya. Pekerja asing di Malaysia kebanyakannya terdiri daripada warganegara dari negara Indonesia yang memonopoli jumlah populasi tertinggi pekerja asing di

Malaysia sama ada secara sah atau tidak sah. Salah satu faktor ianya terjadi adalah faktor geografi kerana paling hampir dengan Malaysia.

Seterusnya pekerja dari negara Nepal, Bangladesh, Myanmar dan India, mereka ini diberikan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) apabila bekerja secara sah di Malaysia (Imigresen 2013). Terdapat dua kumpulan pekerja asing di Malaysia iaitu golongan ekspatriat dan pekerja asing berkemahiran rendah ditadbir oleh dua bahagian yang berasingan di Jabatan Imigresen Malaysia. Mereka juga tertakluk kepada syarat dan terma penggajian yang berbeza dan memihak kepada pegawai dagang. Kedua-dua kategori pekerja asing ini mungkin bekerja secara sah atau tidak sah.

Jika mereka bekerja secara tidak sah lazimnya akan dirujuk sebagai Pekerja Asing Tanpa Izin (PATI). Rakyat asing boleh menjadi PATI jika melakukan perkara-perkara berikut:

- 2.5.8.1 Memasuki Malaysia secara menyeludup dan tiada dokumen perjalanan sah.
- 2.5.8.2 Golongan ini merangkumi juga pencari suaka politik dan orang pelarian.
- 2.5.8.3 Datang secara sah dan tinggal lebih masa dan bekerja tanpa PLKS.
- 2.5.8.4 Menyalahgunakan pas, misalnya datang sebagai pelajar tetapi melibatkan diri dalam pekerjaan.
- 2.5.8.5 Datang dan bekerja secara sah tetapi tidak memperbaharui permit kerja.
- 2.5.8.6 Melarikan diri daripada majikan dan sektor pekerjaan yang ditetapkan.

Demikian itu, perlu ditegaskan bahawa status seseorang pekerja asing boleh berubah-ubah dari semasa ke semasa. Pekerja sah menjadi tidak sah apabila PLKS tidak

diperbaharui dan PATI bertukar menjadi pekerja sah selepas proses legalisasi atau memperbaharui dokumen PLKS. Hal ini menyebabkan ada yang mengatakan pengkategorian pekerja asing kepada pekerja sah dan PATI adalah satu usaha sia-sia. Namun begitu, pengkategorian ini penting dari segi undang-undang untuk menentukan hak dan tanggungjawab mereka sebagai pekerja dan residen di negara ini serta tanggungjawab kerajaan terhadap mereka.

Misalnya, pekerja asing ada hak untuk bekerja tertakluk kepada terma dan syarat kontrak kerja dan mempunyai akses kepada undang-undang tetapi PATI tidak. PATI boleh ditangkap bila-bila masa oleh pegawai penguatkuasa dan diusir pulang kecuali jika dia melaporkan diri sebagai mangsa pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

Malaysia antara sepuluh negara tertinggi teratas yang menggaji pekerja asing di dunia. Pada tahun 2008 seramai dua juta pendatang asing sah berada di Malaysia. Pekerja asing berada dalam pelbagai sektor kritikal dan media juga sering memaparkan isu ini (Zaini 2014). Negara Malaysia sememangnya memerlukan pekerja asing dalam sektor-sektor utama dan kritikal seperti pembinaan bangunan, rumah apartment kawasan bandar dan penyediaan rel keretapi seperti LRT, MRT dan monorel.

Pekerja asing menjadi pilihan utama pihak pemaju dan majikan kerana mereka ini lebih terjamin, kos efektif (berbaloi & untung), rajin, komitmen tinggi dan mempunyai sumber tenaga yang meluas untuk membantu sektor pembangunan negara. Dari aspek lebih terjamin merujuk kepada ketetapan dari aspek kedatangan kerja iaitu taat bila bekerja, tidak selalu cuti dan sanggup bekerja lebih masa, bekerja tanpa cuti atau

bekerja di hari minggu. Selain itu, pekerja asing ini mempunyai semangat yang cekat, bersungguh-sungguh dalam bekerja dan sanggup melakukan tugas-tugas berat asalkan dibayar gaji.

Dari sudut jenayah, kehadiran pendatang asing di Malaysia jelas menggugat keamanan masyarakat setempat dan kawasan bandar. Contohnya kawasan sekitar Selangor dan bandaraya Kuala Lumpur menunjukkan keamanan masyarakat telah di ganggu gugat (Hasbullah 2014, Zahid Hamidi 2013). Dari data yang diperolehi mulai tahun 2001 hingga tahun 2006, didapati kes-kes seperti jenayah kekerasan dan jenayah harta benda jelas menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun yang melibatkan warga asing. Warganegara Indonesia mencatatkan jumlah tertinggi dalam penglibatan jenayah diikuti oleh Bangladesh, Myanmar, Pakistan, Filipina dan lain-lain bangsa.

Manakala kes-kes yang melibatkan warga Afrika atau lebh dikenali sebagai Awang Hitam pula berbentuk penipuan seperti *Black Money*, menjual jam tiruan di sekitar ibu kota, menawarkan skim cepat kaya di internet dan Awang hitam semakin aktif dengan jenayah penyamaran penipuan di internet. Ini adalah jenayah trend terbaru, mereka beroperasi dari dalam atau luar negara dengan bermodalkan ayat-ayat manis, laptop dan kamus bahasa melayu mudah, mereka ini memperdayakan wanita dan anak gadis Malaysia dengan pelbagai janji manis sehingga mereka ini jatuh cinta dan tertipu. Wanita-wanita ini sanggup memberikan sejumlah wang tanpa pernah berjumpa atau mengenali dengan lebih rapat (Suffian 2011). Selain itu, mereka ini juga mengganggu ketenteraman awam kerana suka mabuk, bergaduh, membuat bising, melepak secara berkumpulan, suka membuang sampah merata-rata dan keadaan ini amatlah mengganggu kawasan kejiranan tempatan.

Selain itu peningkatan kes-kes pecah rumah turut menggusarkan penduduk sekitar Selangor dan Kuala Lumpur, beberapa tahun lalu kegiatan pecah rumah berlaku hampir di seluruh negara dan kebanyakannya adalah angkara pendatang asing. Pihak polis terpaksa menambah peruntukan bagi meningkatkan kawalan dan perkhidmatan. Hanya selepas polis mengadakan beberapa operasi dan bertindak tegas terhadap pendatang asing yang terbabit dalam jenayah barulah kegiatan pecah rumah berkurangan.

Menurut pandangan Shamsul Amri (2014), isu pekerja asing adalah meliputi isu politik, isu antara negara dan isu keselamatan negara dalam konteks negara-negara asing. Contohnya sempadan negara yang terbuka luas, movement of labour berlaku dalam kalangan negara-negara ASEAN. Dimensi ekonomi daripada pekerja asing iaitu keuntungan, ianya suatu bentuk perniagaan kelompok yang terlibat seperti keuntungan kepada agen dan saluran bawah tanah (saluran haram). Semakin besar pembangunan dan perkembangan ekonomi sesebuah negara semakin besar keperluan terhadap tenaga kerja asing. Menurut Ahsan (2010: 5-7), pertumbuhan ekonomi yang pesat '*Asia tiger economies*' di Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan Malaysia menyebabkan kekurangan tenaga buruh meningkat teruk dan pasaran buruh tempatan gagal memenuhi permintaan secukupnya.

Hasilnya, penghijrahan peringkat makro berlaku kerana wujudnya perbezaan serantau yang besar dan persamaan serantau berkurangan berikutan berlakunya trend penghijrahan. Kadar pengangguran yang tinggi di Bangladesh dan Myanmar misalnya mendorong penyeludupan pendatang berpotensi kepada pasaran antarabangsa untuk peluang pekerjaan.

Keadaan ini tidak menolak peranan penting kerajaan dalam keputusan penghijrahan. Kedatangan pendatang tidak hanya bertindak balas sendiri ianya juga melibatkan peranan kerajaan dalam mendorong penghijrahan, misalnya Bangladesh, China, Filipina, Thailand dan Sri Lanka merupakan negara yang aktif dalam membangunkan dasar mengeksport buruh lebihan. Ini adalah usaha untuk membangunkan taraf ekonomi rakyat dan mendapatkan tukaran mata wang asing secara langsung menjana pembangunan ekonomi negara. Manakala agensi-agensi dalam negara seperti agen pekerja asing telah mengambil inisiatif untuk melatih pekerja-pekerja yang berpotensi bagi memasarkan mereka dan meraih keuntungan.

Menurut Sofian (2014), bagi negara miskin faktor penolak utama ke negara asing adalah disebabkan kemiskinan, bencana alam (wabak penyakit, banjir, gempa bumi, peribadi) dan begitu juga dengan permintaan dari negara asing itu sendiri bagi mengisi keperluan dalam sektor-sektor negara pengimport seperti Malaysia. Justeru keadaan-keadaan ini meransang penghijrahan yang menjanjikan keuntungan mahupun kebaikan. Malaysia negara berdaya saing dalam ekonomi dan pembangunan. Dianggarkan hampir enam juta pendatang asing datang ke Malaysia melalui jalan udara, air dan darat. Jalan darat iaitu melibatkan sempadan darat antara negara seperti Malaysia-Thailand.

Kebiasaanya untuk memasuki sempadan Malaysia secara tidak sah akan dikenakan bayaran sekitar RM 100-500 ringgit (agen/orang tempatan) di pintu masuk negara. Manakala di jeti laut dan terminal pula berlaku aktiviti sindiket pasport palsu. Turut dikesan pemandu teksi juga terlibat sebagai pengantara dan pembawa pendatang asing ke destinasi dengan mengenakan bayaran yang lebih tinggi. Keadaan ini dianggap

sebagai satu bentuk perniagaan antara pemandu teksi dengan pendatang asing bagi memudahkan laluan dan urusan masing-masing. Dalam erti kata sebenar, pemandu teksi mendapat keuntungan melalui caj bayaran manakala pendatang asing akan mudah, cepat dan selamat sampai ke penempatan sementara (Hussin 2014). Sehubungan itu, penduduk tempatan juga ada yang melibatkan diri dalam menjadi agen, pemandu dan pemudah cara bagi pendatang asing ini untuk masuk ke Malaysia secara haram (PDRM 2014 & APMM 2013).

Di Sarawak, kebanyakan PATI datang ke Sarawak mencari peluang ekonomi yang lebih baik. Tekanan ekonomi di negara asal mereka mendorong mereka untuk mencari kehidupan yang lebih baik di tempat lain. Pei (2016) menerusi New Straits Time melaporkan dianggarkan terdapat lebih 30,000 PATI bekerja di Sarawak, terutamanya dalam sektor perladangan dan pembinaan. Pengarah Imigresen Sarawak Datuk Mohd Zulfikar Ahmad menyatakan kawasan geografi negeri yang luas dan sempadannya yang panjang dan berliang dengan Kalimantan, Indonesia adalah antara cabaran yang dihadapi jabatan itu dalam mengawal kemasukan PATI. Beberapa kajian telah diterokai mengenai isu PATI di Sarawak (Lumayang, 2020). Menurut Lumayang, pada tahun 2018, data menunjukkan 1,562 PATI didapati bekerja tanpa permit kerja, dan enam majikan di Kuching, Samarahan, Sibul, Bintulu, Miri, Limbang, Lawas, Sarikei dan Mukah berdasarkan 373 operasi yang dijalankan oleh Jabatan Imigresen.

Serbuan, tangkapan dan penahanan berlaku dari semasa ke semasa. Apabila kerajaan baharu Pakatan Harapan ditabalkan pada tahun 2018, kerajaan persekutuan telah menjalankan operasi nasional yang dikenali sebagai Ops Mega di Malaysia Barat terhadap ribuan PATI. Di Sarawak, serbuan dan penahanan ini tidak begitu kelihatan

dan terbuka, mungkin kerana kurangnya minat awam atau kelulusan awam berkaitan perkara ini. Menurut Jabatan Imigresen Sarawak, terdapat 1,112 tangkapan dari Januari hingga Ogos 2018 dan empat kesalahan paling biasa ialah: penyalahgunaan pas lawatan sosial; pas telah tamat tempoh; sepatutnya bekerja di tempat yang ditetapkan tetapi bekerja di tempat lain; dan tidak lulus sama sekali (Lumayang, 2020). Semasa serbuan dan tangkapan inilah orang ramai mengetahui tentang kehadiran ramai pekerja asing di Sarawak. Jabatan Imigresen sendiri mendedahkan bahawa komuniti migran tanpa dokumen datang dari Indonesia, Filipina, India, Bangladesh, Myanmar, Pakistan, Sri Lanka, Korea Utara dan China, walaupun data sistematik tidak tersedia atau terdapat kesukaran untuk mengaksesnya.

## **2.6 Rumusan Bab**

Menurut Kim, Han, Choi dan Kim (2012) media mungkin berguna dan berupaya untuk memberi kesan pantas dan segera kepada pendapat khalayak. Hal tersebut dijelaskan setelah beliau merujuk kepada Teori Penentuan Agenda yang dikemukakan oleh (McCombs & Shaw, 1972) yang mengatakan bahawa media mempunyai kekuatan untuk membuatkan sebuah isu diterima dan dianggap penting dengan menonjolkan isu tersebut secara kerap. Komunikasi massa merupakan satu proses yang mana sebuah organisasi media menyalurkan maklumat atau mesej kepada khalayak ramai dan mesej itu boleh mempengaruhi khalayak. Oleh yang demikian, media sememangnya berperanan dalam menonjolkan sesuatu imej yang tertentu. Kajian perbandingan sistem media yang dijalankan oleh sarjana lampau menjelaskan keselarian politik (*political parallelism*) sebagai satu kajian yang menganalisis ciri-ciri dan perkaitan antara ahli politik dan kecondongan politik media dalam pelaporan beritanya. Penciptaan gabungan media di antara parti politik yang dominan (arus perdana) sama

ada secara jelas atau tersirat akan mewujudkan persaingan dalam politik. Fasa awal kemunculan kajian perbandingan sistem media yang meneliti kepada keselarian politik telah dijalankan oleh Hallin dan Mancini yang mana dalam penulisan mereka tentang perbandingan sistem media, media dianalisis mengikut empat dimensi iaitu pembangunan media, keselarian politik, profesionalisme dalamewartawanan dan campur tangan kerajaan (*gatekeeper*).

Konsep keselarian politik menegaskan bahawa konsep tersebut merupakan satu penelitian yang merujuk kepada kandungan media dan sejauh mana media yang berbeza pemilikan mencerminkan orientasi politik yang berbeza khususnya dalam liputan berita yang disiarkan. Keselarian politik dalam media boleh dilihat melalui sesebuah institusi media itu sendiri yang mana terdapat pelbagai media dengan pelbagai kecenderungan ideologi yang berbeza. Media dan politik berhubungan dan faktor keselarian politik terjadi kerana terdapat pelbagai media yang berlainan ideologi seperti pro-kerajaan, pro-pembangkang dan neutral (Hallin & Paolo, 2004).

Idea ini turut menyokong apa yang telah dijelaskan oleh Swanson (1997) iaitu memahami sifat komunikasi politik dalam pilihan raya juga boleh menyumbang kepada memperkayakan pengetahuan tentang hubungan yang sentiasa berubah-ubah di antara media dan politik.

## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan dengan lebih terperinci data dan metodologi yang digunakan bagi mencapai objektif-objektif kajian yang telah ditetapkan. Bab ini meliputi reka bentuk kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data, populasi dan sampel serta analisis data bagi kuantitatif dan kuantitatif.

#### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian merujuk kepada keseluruhan strategi yang digunakan untuk menjalankan kajian yang mentakrifkan rancangan yang ringkas (Arnett, 2016) dan logik (Feezell, 2018) untuk menangani persoalan kajian yang telah ditetapkan melalui pengumpulan, tafsiran, analisis, dan perbincangan data (Schudson, 2022; Chang & Park, 2020). Perkara yang diterapkan dalam reka bentuk kajian akan bergantung pada pendirian penyelidik terhadap kepercayaan mereka terhadap sifat pengetahuan (Powell, 2014) dan realiti selalunya dibentuk oleh bidang disiplin yang dimiliki oleh penyelidik (Müller, 2020; Arendt & Scherr, 2019; Balmas, 2014).

Reka bentuk kajian mentakrifkan jenis kajian (deskriptif, korelasi, separa eksperimen, eksperimen, ulasan, metaanalitik) (Dalton, 2017), masalah kajian (Tesler & Zaller, 2017), hipotesis, pembolehkan bebas dan bersandar, reka bentuk eksperimen, dan, jika berkenaan, kaedah pengumpulan data dan rancangan analisis statistik (Bennett, 2016). Reka bentuk kajian ialah rangka kerja yang telah dicipta untuk mencari jawapan kepada persoalan kajian.

Hasil kajian ditentukan oleh kaedah dan reka bentuk kajian. Reka bentuk kajian pula ditentukan oleh tujuan kajian. Tiada satu reka bentuk yang boleh digunakan untuk semua kajian, tetapi satu kajian boleh menggunakan beberapa reka bentuk kajian yang berbeza. Reka bentuk kajian merupakan satu tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang terlibat dalam sesuatu kajian.

Reka bentuk kajian juga merujuk kepada cara penyelidik mengendali kajian dan prosedur atau teknik yang digunakan. Tujuan reka bentuk kajian adalah untuk mengawal punca-punca bias yang boleh mengganggu dapatan kajian.

### **3.2.1 Reka Bentuk Kajian Kualitatif**

Walaupun istilah 'kajian kualitatif' didakwa jarang ditemui pada awal tahun 2000 (Busetto, Wick & Gumbinger, 2020), namun Cleland (2017) mendapati kajian mengguna pendekatan kualitatif dikesan mula mendapat tempat dan digemari oleh para pengkaji mulai tahun 1990-an lagi. Kajian kualitatif adalah sebagai reka bentuk kajian anjal kerana reka bentuk kajian kualitatif tidak menetapkan secara khusus apa dan bagaimana kajian hendak dijalankan pada awal kajian (Soratto, Pires & Friese, 2020). Menurut Robson, reka bentuk kajian kualitatif berkembang, membangun dan 'terbuka' seiring dengan kemajuan kajian. Kajian kualitatif adalah kajian berkaitan persoalan atau pernyataan, bukan hipotesis. Kajian kualitatif biasanya mengguna persoalan seperti, bagaimana, apa, dan mengapa.

Kajian kualitatif melibatkan penakulan induktif bagi memahami situasi tertentu

termasuk sejarah dan pengalaman individu (Aspers & Corte, 2019). Metod yang sering dikaitkan dengan reka bentuk kajian kualitatif disesuaikan dari bidang sains sosial seperti historiografi, etnografi, dan sosiologi kualitatif. Kajian kualitatif menurut Tong, Sainsbury dan Craig (2018) adalah strategi kajian yang lazimnya menekankan kepada perkataan berbanding pengiraan data yang dikumpul dan dianalisis. Antara kelemahan kajian kualitatif adalah berkaitan dengan piawaian yang rendah kerana ketiadaan kriteria kualiti yang boleh dinilai (Delaney et al., 2019).

### **3.2.2 Reka Bentuk Kajian Kuantitatif**

Pendekatan kuantitatif dalam sains sosial merupakan bidang interdisiplin yang merangkumi sebilangan besar disiplin, termasuk ekonomi, pendidikan, sains politik, dasar awam, psikologi, dan sosiologi. Pendekatan kuantitatif dalam sains sosial, para penyelidik menganalisis data untuk memahami dan menyelesaikan masalah tentang masyarakat dan tingkah laku manusia. Misalnya, penyelidik menilai peningkatan pembuangan bayi, penagihan dadah, keruntuhan akhlak dan gejala-gejala sosial yang lain. Sosiologi dan Antropologi Sosial mengkaji isu-isu untuk menyiasat bagaimana fenomena tersebut berlaku supaya dapat lebih memahami tentang sesuatu fenomena sosial serta dibendunginya. Hal ini boleh mempengaruhi masyarakat untuk mengenali isu-isu fenomena sosial ini apabila kajian-kajian ini dilakukan oleh para penyelidik.

Reka bentuk kajian kuantitatif merujuk kepada kajian yang dijalankan melibatkan statistik. Ia ditentukan melalui data primer atau data sekunder. Data primer didefinisikan sebagai data yang berasal dari sumber asli atau pertama, manakala data sekunder didefinisikan sebagai data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain. Dalam bidang sains sosial pula, data sekunder sangat penting dalam membantu menjalankan

proses mengumpul data primer walaupun penyelidik masih ragu-ragu terhadap maklumat sekunder, tetapi penyelidik wajib menjalankan kajian rintis dalam membuktikan kebolehpercayaan maklumat sekunder kerana maklumat daripada data sekunder akan digunakan untuk menjana objektif kajian penyelidikan yang lebih mendalam dan terperinci dalam menyelesaikan masalah berkaitan dengan masyarakat (Everett & Earp, 2015; Creswell, 2015).

Melalui penyelidikan kuantitatif, masalah kajian dinyatakan dalam bentuk hipotesis. Selain itu, pemboleh ubah dalam suatu fenomena di bawah kajian perlu dioperasikan sebelum diukur. Pengukuran data dalam penyelidikan ini mengutamakan kesahan dan kebolehpercayaan alat ukur. Tujuan penyelidikan kuantitatif dilakukan adalah untuk menguji teori, membina fakta dan menyatakan hubungan antara pemboleh ubah dalam kajian. Selain itu, penyelidikan kuantitatif juga bertujuan mengetahui hubungan sebab-akibat sesuatu fenomena atau permasalahan itu terjadi. Oleh itu, penyelidikan ini harus berdasarkan kepada teori yang diterjemahkan ke dalam bentuk pernyataan yang dapat diuji kebenarannya. Pernyataan ini dijadikan sebagai hipotesis yang akan diuji berdasarkan hasil pengumpulan data (Maxwell, Lau & Howard, 2015).

Dalam penyelidikan kuantitatif, sampel terdiri daripada subjek-subjek yang diambil daripada populasi kajian dan data numerikal dipungut daripada sampel tersebut diuji menggunakan ujian statistik. Saiz sampel ditentukan dengan menggunakan prosedur pengiraan tertentu. Dalam pengumpulan data, penyelidik boleh menggunakan bantuan enumerator. Masa pengumpulan data dan analisis data sudah dapat dipastikan dan penyelidik dapat menentukan sendiri peraturan semasa pengumpulan data (Shrout & Rodgers, 2018; Scheunpflug, Krogull & Franz, 2016; Klein et al., 2014).

Terdapat dua bentuk kajian yang wujud dalam penyelidikan kuantitatif iaitu kajian deskriptif dan kajian inferensi. Kajian deskriptif melibatkan pengumpulan data daripada seluruh populasi dan statistik asas seperti min, sisihan piawai, peratusan, frekuensi dan taburan skor yang dilaporkan. Kajian ini juga tidak menggunakan sampel kajian. Begitu juga ujian kesignifikannya tidak perlu dilakukan kerana semua subjek dijadikan responden kajian. Keputusan kajian juga tidak digeneralisasikan kepada kumpulan lain. Manakala kajian inferensi melibatkan satu sampel yang terdiri daripada subjek yang dipilih secara rawak daripada populasi dan data numerikal dikumpul untuk diuji menggunakan ujian statistik. Ujian seperti ujian-t, ujian khi kuasa dua dan ujian ANOVA dilakukan ke atas subjek serta keputusannya digeneralisasikan kepada semua ahli lain dalam populasi tersebut (Wiggins & Chrisopherson, 2019; Buntins, Buntins & Eggert, 2017).

### **3.2.3 Kelebihan Pendekatan *Triangulation***

Asas andaian kaedah gabungan ialah kaedah ini boleh menjadikan persoalan kajian lebih komprehensif berbanding menggunakan hanya satu kaedah kajian sama ada kuantitatif atau kualitatif (Creswell & Plano, 2011). Persoalan-persoalan yang diajukan melalui kaedah gabungan ini cenderung lebih terbuka dan kompleks dengan pelbagai aspek yang mana setiap satunya dapat dikaji secara lebih baik melalui kaedah kuantitatif atau kualitatif (Ridenour & Newman, 2018; Shema & Woodman, 2013).

Kaedah gabungan kuantitatif dan kualitatif memberi beberapa kelebihan seperti dapat membandingkan data kuantitatif dengan kualitatif khususnya untuk memahami pertentangan antara hasil dapatan kedua-dua kaedah kajian ini, memberi gambaran terhadap pandangan responden iaitu pengkaji mendapat peluang untuk memahami

responden dan memastikan hasil dapatan adalah pengalaman mereka sendiri dan menggalakkan interaksi ilmiah iaitu pengkaji dapat bertemu dengan pakar bidang pembangunan sosial bagi mengetahui pandangan mereka terhadap isu-isu yang dibincangkan (Mertens, 2019; Kamarudin, Starr, Abdullah & Husain, 2014; Morgan, 2007).

Memahami dapatan kajian melalui pengalaman dan pandangan responden menjadikan data kajian lebih kaya (*rich*) dan bermakna (*depth in meaning*). Menurut Gunter (2001), memahami makna-makna yang tersirat dan tersurat serta pengalaman membolehkan sesuatu fenomena difahami dan dikonseptualkan. Seterusnya kaedah gabungan ini dapat menyediakan keanjalan (*flexible*) dalam mengatur dan menyusun perjalanan kajian seperti menyediakan instrumen atau merancang temu bual semi struktur. Kaedah gabungan memberi ruang kepada pengkaji untuk menguruskan masa kajian yang boleh disesuaikan dengan pelbagai tugas seperti membuat pemerhatian dan percubaan secara rambang untuk menjelaskan lebih banyak maklumat berbanding yang boleh diperolehi melalui satu kaedah sahaja.

Di samping itu, kaedah gabungan sangat kaya dengan pelbagai data. Kekayaan data ini mencerminkan kesungguhan dan kreativiti pengkaji mengumpul data dengan menggabungkan data kuantitatif dan kualitatif. Pengumpulan data melalui soal selidik dan temu bual dilaksanakan serentak bagi menjimatkan kos, namun selepas kajian, data-data yang telah dikumpulkan itu dianalisis dari pelbagai perspektif supaya menepati objektif kajian. Biarpun data untuk kajian telah diperolehi, masih banyak data sampingan yang belum dianalisis yang boleh digunakan untuk tujuan-tujuan lain (Howe, 2019; Greene & Caracelli, 2017).

### 3.3 Populasi dan Persampelan

Kajian ini menggunakan pendekatan *triangulation* iaitu menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Bagi mencapai objektif kajian ini, instrumen yang digunakan adalah soal selidik bagi kaedah kuantitatif dan temu bual bagi kaedah kualitatif.

Populasi bagi kajian ini adalah pengundi pada Pilihan Raya Umum (PRU) 14 yang diadakan pada tahun 2018. Populasi juga merujuk kepada keseluruhan manusia dalam sesuatu kumpulan, fenomena atau sesuatu perkara yang menarik minat penyelidik. Sampel pula merupakan subset kepada populasi dan perlu bagi menjimatkan masa, perbelanjaan, tenaga dan sumber-sumber manusia terutamanya yang melibatkan populasi yang besar (Willie, 2022; Casteel & Bridier, 2021). Oleh itu, unit analisis atau responden bagi kaedah kuantitatif terdiri daripada individu yang menetap di Sarawak dan mengundi pada Pilihan Raya Negeri (PRN) 12 dan PRU 14.

Pemilihan responden dikalangan populasi pengundi di negeri Sarawak ini dilakukan berdasarkan hasil tinjauan literatur yang menunjukkan bahawa terlalu kurang kajian yang dilakukan di Sarawak yang berkaitan dengan peranan media dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya (Kadam-Kiai, 2009; Nadrawina, 2018). Di samping itu, pemilihan responden ini juga adalah seiring dengan kajian lepas yang dilakukan oleh Nadrawina (2018) yang telah melaporkan tentang peranan dimainkan Sarawak di peringkat nasional. Memandangkan persaingan sengit serta polarisasi yang berlaku dalam politik nasional, sokongan Sarawak adalah amat penting untuk berkuasa di peringkat kebangsaan. Data yang dikemukakan di dalam kajian ini menunjukkan dari 148 kerusi dalam kerajaan perpaduan yang dipimpin Datuk Seri Anwar Ibrahim, 20

peratus atau 30 kerusi adalah dari Sarawak iaitu majoritinya dari Gabungan Parti Sarawak (GPS), lima lagi dari DAP Sarawak, satu dari PKR dan satu dari Parti Bangsa Malaysia (PBM). Apa yang pasti, tanpa kerusi dari Sarawak ini, Pakatan Harapan (PH) tidak akan mempunyai kelebihan untuk meletakkan diri dalam kedudukan untuk memegang kuasa. Malahan dalam PRU 15, dari 82 kerusi dimiliki PH dan sekutunya, enam kerusi atau 7 peratus datangnya dari Sarawak. Justeru, atas sebab ini, PRU 14 memberikan peluang kajian yang ideal tentang peranan media dalam menentukan undian oleh pengundi-pengundi di Sarawak.

Prosedur persampelan yang digunakan di dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah persampelan berstrata. Kaedah persampelan berstrata merupakan satu pendekatan dalam penyelidikan di mana populasi dipisahkan kepada kumpulan-kumpulan yang disebut sebagai strata, dan setiap stratum ini kemudian disampel secara berasingan. Ini dilakukan untuk memastikan bahawa setiap kumpulan dalam populasi diwakili dengan baik dalam sampel, dan hasilnya lebih tepat dan boleh digeneralisasikan kepada populasi secara keseluruhan (Sekaran & Bougie, 2013). Proses pertama adalah menentukan populasi kajian yang terdiri daripada individu yang menetap di Sarawak dan mengundi pada PRN 12 dan PRU 14. Kedua komposisi populasi kajian telah diberikan nilai dalam peratusan agar nilai tersebut dapat mewakili ciri-ciri responden yang telah ditetapkan diperingkat pertama.

Sementara itu, dalam menentukan saiz sampel, kajian ini telah menggunakan kaedah kriteria penentu saiz yang telah ditentukan oleh Krejcie dan Morgan (1970) seperti yang terdapat dalam Sekaran dan Bougie (2013), di mana kriteria ini telah mengambil kira keyakinan dan ketepatan agar ralat persampelan dapat dikurangkan. Berdasarkan

jadual penentuan saiz sampel yang dihasilkan oleh Krejcie dan Morgan (1970), bagi populasi berjumlah 1,220,870 orang, jumlah sampel yang diperlukan adalah minimum seramai 384 orang. Sehubungan dengan itu, sebanyak 384 pengundi PRU 14 dari Sarawak telah dipilih sebagai sampel kajian ini.

Jadual 3.1  
*Statistik Pengundi Mengikut Parlimen*

Bil	Parlimen	Pengundi	Sampel ( $n / 1,220,870 \times 384$ )	
1	P.192	Mas Gading	29,617	9
2	P.193	Santubong	45,628	14
3	P.194	Petra Jaya	57,925	18
4	P.195	Bandar Kuching	81,856	26
5	P.196	Stampin	66,240	21
6	P.197	Kota Samarahan	46,300	15
7	P.198	Puncak Borneo	46,180	15
8	P.199	Serian	37,629	12
9	P.200	Batang Sado	23,213	7
10	P.201	Batang Lupar	29,811	9
11	P.202	Sri Aman	33,016	10
12	P.203	Lubok Antu	20,801	7
13	P.204	Betong	29,145	9
14	P.205	Saratok	30,517	10
15	P.206	Tanjong Manis	21,899	7
16	P.207	Igan	19,592	7
17	P.208	Sarikei	39,561	12
18	P.209	Julau	25,380	8
19	P.210	Kanowit	21,022	7
20	P.211	Lanang	61,973	19
21	P.212	Sibu	74,149	23
22	P.213	Mukah	30,608	10
23	P.214	Selangau	30,026	9
24	P.215	Kapit	30,568	10
25	P.216	Hulu Rajang	27,520	9
26	P.217	Bintulu	65,049	20
27	P.218	Sibuti	31,868	10
28	P.219	Miri	80,386	25
29	P.220	Baram	35,685	11
30	P.221	Limbang	26,409	8
31	P.222	Lawas	21,297	7
JUMLAH		1,220,870	384	

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (2018)

Bagi kaedah kualitatif pula, temu bual bersemuka dijalankan. Jumlah sampel yang diperlukan adalah lebih kecil iaitu antara lima hingga 25 orang (Guest, Bunce & Johnson; Morse, 1994). Oleh itu, kajian ini akan menemubual pengundi di kawasan-kawasan yang terpilih. Pengundi dikelompokkan dipilih mengikut tempat mereka mengundi bagi menjelaskan representasi jawapan mewakili tempat mereka mengundi. Pengumpulan tersebut mewakili tempat mengikut bandar, pedalaman dan kawasan pedalaman yang mendalam.

Menurut *Malaysian Communications and Multimedia Commission* (MCMC) (2018) setiap 100 isi rumah hanya 78 isi rumah yang mempunyai akses internet (jalur lebar). Oleh itu, baki 28 isi rumah tidak mempunyai akses internet. Antara punca akses internet yang rendah adalah pendapatan isi rumah yang rendah dan kos langganan adalah tinggi. Faktor lain ialah tidak ada infrastruktur komunikasi di kawasan pedalaman. Ini ditunjukkan dalam kajian Pengguna Internet 2014 oleh MCMC (2020) yang menunjukkan hanya enam peratus pengguna internet nasional dari Sarawak.

Dalam konteks lokasi kawasan Dewan Undangan Negeri, 62 daripada 82 kawasan Dewan Undangan Negeri Sarawak berada di kawasan luar bandar dan pedalaman. Oleh itu, ia menunjukkan bahawa penduduk Sarawak, terutamanya di kawasan luar bandar, masih bergantung kepada media tradisional dan bukannya media sosial ketika mencari maklumat. Kebanyakan pengguna internet di Sarawak lebih terletak di bandar-bandar seperti Kuching, Sibu dan Miri kerana infrastruktur *Information and Communication Technologies* (ICT) diletakkan.

10 orang responden dipilih secara rawak di lapan DUN. Kawasan tersebut adalah

Piasau (N73), Bukit Asek (N40), Batu Lintang (N11), Satok (N8), Tanjong Dato (N3), Sadong Jaya (N24), Mambong (N19) dan Kedup (N22). 10 pengundi dipilih secara rawak untuk menentukan anggaran kesan media sosial, media tradisional dan portal berita dan blog mengenai politik hasil PRN 11 (Jadual 3.2).

Kajian-kajian pilihan raya di Malaysia secara relatifnya banyak tertumpu kepada pilihan raya di Semenanjung Malaysia (Noor Farish, 2019; Norshahril, 2019). Justeru, pemilihan 10 responden PRN 11 di pelbagai DUN di Sarawak adalah bertujuan untuk mewakili segmen yang berbeza dari segi parti-parti yang memimpin. Kajian lebih dalam terhadap tingkah laku pengundian menunjukkan warga Sarawak terlibat dengan aktif dalam politik, manakala corak sokongan etnik sedang berubah (Yi, Nur Afisha & Wei, 2016). Menurut Yi, Nur Afisha & Wei (2016), di Sarawak, beberapa komuniti etnik menukar sokongan mereka pada PRN 11. Malahan penggabungan responden yang terdapat di kawasan pedalaman dan bandar ternyata dapat memberi kepelbagaian ciri-ciri responden dan perbezaan pola pengundian antara kedua-dua kawasan tersebut. Reka bentuk lokaliti di Sarawak mempunyai pengaruh struktur dan tingkah laku etnik, di mana pengaruh media sosial dalam politik ditunjukkan dan dibayangkan oleh etnik kediaman bandar di mana kebanyakan media sosial boleh diakses berbanding di pedalaman.

Tidak dinafikan, naratif PRN 11 di Sarawak adalah berbeza-beza. Tidak seperti PRU 15 yang dibentuk oleh ikatan dan realiti tempatan, persaingan di PRN 11 di Sarawak adalah tentang siapa yang terbaik pengundi rasakan dapat mewakili mereka di persada nasional dan pemimpin/gabungan manakah yang akan dapat berkhidmat dengan baik buat komuniti. Pengundi mengambil berat tentang adanya wakil rakyat yang dapat

mereka hubungi untuk meminta bantuan. Di sini, faktor peranan media dalam mempengaruhi pengundi itu memainkan peranan. Selari dengan kajian Nadrawina (2018), kajian ini memilih 10 pengundi PRN disebabkan keberkesanan politik di kalangan pengundi di Sarawak yang kebanyakannya didorong oleh minat mereka dalam PRN dan perhatian mereka kepada berita pilihan raya atau perkara yang dibincangkan dalam media sosial. Tinjauan dan temu bual responden dijalankan untuk menangani soalan kajian dan dengan itu mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Jadual 3.2  
*Sampel Kajian bagi Responden Kualitatif*

Bil.	N	Dewan Undangan Negeri (DUN)	Keadaan Risiko Politik*	Pilihan Raya Negeri Ke-10	Pilihan Raya Negeri Ke-11	Lokasi	Catatan	n= sampel pengundi
1	N73	Piasau	Kelabu	DAP	BN	Bandar	BN merampas DAP	1
2	N40	Bukit Assek Batu	Hitam	DAP	DAP	Bandar	Kekal	1
3	N11	Lintang	Hitam	PKR	PKR	Bandar	Kekal	1
4	N8	Satok	Putih	BN	BN	Bandar	Kekal	2
5	N3	Tanjong Dato	Putih	BN	BN	Pedalaman	Kekal – mendapat sokongan tertinggi BN	1
6	N24	Sadong Jaya	Putih	BN	BN	Pedalaman	Kekal – bilangan pengundi terkecil	2
7	N19	Mambong	Kelabu	BN	BN	Pedalaman	Kekal – bilangan pengundi tertinggi	1
8	N22	Kedup	Putih	BN	BN	Pedalaman	Kekal – bilangan pengundi terkecil*	1
							Jumlah Bilangan Sampel (n)	10

Nota: \*Putih adalah untuk kerusi yang selamat, hitam untuk kawasan di mana gabungan itu menghadapi kemungkinan besar, kelabu untuk kerusi di mana ia menghadapi peluang 50-50.

### 3.4 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, instrumen kajian bagi kualitatif adalah instrumen temu bual, manakala instrumen kajian bagi kualitatif adalah dengan menggunakan instrumen soal selidik. Instrumen temu bual melibatkan dialog antara penyelidik dan responden. Penyelidik boleh mengajukan soalan secara langsung dan mendapatkan jawapan secara lisan. Instrumen temu bual boleh bersifat terstruktur, separa terstruktur, atau tidak terstruktur bergantung kepada penyusunan soalan (Salkind, 2012). Manakala menurut Salkind (2012). Instrumen soal selidik adalah satu set soalan yang disediakan untuk dijawab oleh responden. Responden kemudian memberikan jawapan mereka berdasarkan soalan-soalan yang diajukan. Instrumen soal selidik boleh disampaikan secara bertulis atau melalui kaedah elektronik.

Struktur ringkas instrumen temu bual adalah seperti dalam Jadual 3.3. Di mana, struktur ringkas bagi temu bual bagi kajian ini terdiri daripada empat bahagian iaitu Bahagian A bagi latar belakang, Bahagian B bagi penerimaan media, Bahagian C bagi kesan media dan Bahagian D bagi cadangan.

Jadual 3.3  
*Struktur Ringkas Temu Bual*

Bahagian	Konstruk
Bahagian A	Latar belakang
Bahagian B	Penerimaan media
Bahagian C	Kesan media
Bahagian D	Cadangan

Struktur ringkas bagi instrumen soal selidik adalah seperti dalam Jadual 3.4. Di mana, struktur ringkas bagi soal selidik bagi kajian ini terdiri daripada lima bahagian. Bahagian A merupakan profil responden yang diwujudkan untuk mendapatkan maklumat peribadi, latar belakang dan demografi responden yang terdiri daripada

jantina, umur, etnik, parlimen, pekerjaan dan pendapatan. Bahagian B adalah merupakan bahagian yang berkaitan dengan akses internet dan sumber maklumat. Di Bahagian C pula adalah maklumat kajian yang berkaitan dengan pembuatan keputusan mengundi. Bahagian terakhir iaitu Bahagian D bagi diwujudkan untuk mendapatkan maklumat mengenai pengaruh media ke atas keputusan pengundi dan Bahagian E bagi pengaruh pembangunan ekonomi ke atas keputusan pengundi.

Jadual 3.4  
*Struktur Ringkas Soal Selidik*

Bahagian	Konstruk
Bahagian A	Profil responden
Bahagian B	Akses internet dan sumber maklumat
Bahagian C	Pembuatan keputusan mengundi
Bahagian D	Pengaruh media ke atas keputusan pengundi
Bahagian E	Pengaruh pembangunan ekonomi ke atas keputusan pengundi

i. Pembolehubah bagi Akses Internet dan Sumber Maklumat

Pembolehubah bagi akses internet dan sumber maklumat diukur dengan menggunakan 9 item dengan menggunakan skala *Likert type* satu hingga lima iaitu skala 1 menggambarkan sangat tidak setuju dan skala 5 menggambarkan sangat setuju (Jadual 3.5). Hasil daripada tinjauan literatur menunjukkan kesemua sumber pengukuran telah mencapai koefisien alpha yang telah ditetapkan oleh (Chua, 2012).

Jadual 3.5  
*Pembolehubah bagi Akses Internet dan Sumber Maklumat*

i. Pembolehubah bagi Corak Keputusan Pengundi

Pembolehubah bagi corak keputusan pengundi diukur dengan menggunakan 11 item dengan menggunakan skala *Likert type* satu hingga lima iaitu skala 1 menggambarkan

sangat tidak setuju dan skala 5 menggambarkan sangat setuju (Jadual 3.6). Hasil daripada tinjauan literatur menunjukkan kesemua sumber pengukuran telah mencapai koefisien alpha yang telah ditetapkan oleh (Chua, 2012).

Jadual 3.6

*Definisi Pembolehubah bagi Corak Keputusan Pengundi*

Pembolehubah	Definisi
C1	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas berdasarkan keahlian saya dalam parti politik
C2	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh ketokohan dan personaliti calon yang bertanding
C3	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas adalah berdasarkan semakan maklumat ke atas calon yang bertanding terlebih dahulu untuk menentukan kesahihan maklumat
C4	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh integriti kepimpinan parti politik
C5	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh pandangan politik saya yang sealiran dengan fahaman calon yang bertanding
C6	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh maklumat politik yang bersifat viral (tular)
C7	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh pertalian etnik dengan calon yang bertanding
C8	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh pertalian agama yang sama dengan calon yang Bertanding
C9	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh desakan rakan sebaya
C10	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh keluarga
C11	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh fahaman politik yang saya inginkan perubahan nilai dan norma yang lebih baik daripada yang sebelumnya

ii. Pembolehubah bagi Pengaruh Media ke atas Keputusan Pengundi

Pembolehubah bagi pengaruh media ke atas keputusan pengundi diukur dengan menggunakan 14 item dengan menggunakan skala *Likert type* satu hingga lima iaitu skala 1 menggambarkan sangat tidak setuju dan skala 5 menggambarkan sangat setuju (Jadual 3.7). Hasil daripada tinjauan literatur menunjukkan kesemua sumber pengukuran telah mencapai koefisien alpha yang telah ditetapkan oleh (Chua, 2012).

Jadual 3.7

*Definisi Pembolehubah bagi Pengaruh Media ke atas Keputusan Pengundi*

Pembolehubah	Definisi
D1	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh maklumat politik yang diperolehi daripada Facebook
D2	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh maklumat politik yang diperolehi daripada YouTube
D3	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh maklumat politik yang diperolehi daripada Tweeter
D4	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh maklumat politik yang diperolehi daripada Instagram
D5	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh maklumat politik yang diperolehi daripada Blog Politik
D6	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh maklumat politik yang diperolehi daripada WhatsApp dan WeChat
D7	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh maklumat politik yang diperolehi daripada portal berita atas talian
D8	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh JANJI daripada Manifesto parti kerajaan
D9	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh JANJI daripada Manifesto parti pembangkang
D10	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh maklumat daripada akhbar yang dimiliki oleh parti kerajaan
D11	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh maklumat daripada akhbar yang dimiliki oleh parti pembangkang
D12	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh maklumat politik yang diperolehi daripada TV
D13	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh maklumat politik yang diperolehi daripada radio
D14	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh maklumat politik yang diperolehi daripada akhbar arus perdana

iii. Pembolehubah bagi Pengaruh Pembangunan Ekonomi ke atas Keputusan

Pembolehubah bagi pengaruh Pengaruh Pembangunan Ekonomi ke atas Keputusan diukur dengan menggunakan 12 item dengan menggunakan skala *Likert type* satu hingga lima iaitu skala 1 menggambarkan sangat tidak setuju dan skala 5

menggambarkan sangat setuju (Jadual 3.8). Hasil daripada tinjauan literatur menunjukkan kesemua sumber pengukuran telah mencapai koefisien alpha yang telah ditetapkan oleh (Chua, 2012).

Jadual 3.8

*Definisi Pembolehubah bagi Pengaruh Pembangunan Ekonomi ke atas Keputusan Pengundi*

Pembolehubah	Definisi
E1	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh adanya PELUANG PERNIAGAAN di kawasan saya
E2	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh BANTUAN KEWANGAN kepada golongan pendapatan rendah dan miskin untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat
E3	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh peluang pekerjaan yang ada di kawasan saya
E4	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh BANTUAN KEWANGAN PERUMAHAN kepada golongan pendapatan rendah dan miskin untuk memiliki rumah.
E5	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh adanya KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR AWAM di kawasan anda
E6	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh isu HAK TANAH ADAT yang akan diberi jaminan oleh parti politik jika ia memenangi pilihan raya
E7	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh isu TEMPATAN SARAWAK berbanding daripada semenanjung
E8	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh isu RASUAH yang dilaporkan oleh media massa
E9	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh isu KADAR JENAYAH yang semakin meningkat
E10	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh isu kewibawaan dan kepercayaan terhadap POLIS
E11	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh pendatang tanpa izin (pati) di kawasan anda
E12	Keputusan mengundi saya pada pilihan raya yang lepas dipengaruhi oleh isu PENCEMARAN ALAM SEKITAR di kawasan anda

### **3.5 Kajian Rintis**

Bagi pendekatan kuantitatif, sebelum kajian sebenar dijalankan, satu kajian rintis dilakukan terlebih dahulu untuk mendapatkan kesesuaian soalan-soalan dalam borang soal selidik yang dibentuk. Selain itu, ia juga dapat mengenalpasti sekiranya terdapat soalan-soalan yang kurang jelas dan sukar untuk difahami dan dijawab oleh responden.

Kajian rintis bagi kajian ini melibatkan seramai 30 orang pelajar ijazah sarjana muda di Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk menjawab soal selidik tersebut. Pemilihan 30 orang pelajar UUM ini untuk kajian rintis adalah berdasarkan dapatan kajian oleh Siti Nurshahidah dan Mohd Nor (2023) yang melaporkan media memainkan peranan penting dan berkuasa dalam membentuk pengetahuan politik di kalangan pengundi muda. Pendedahan kepada berita dan maklumat politik melalui saluran media, baik konvensional mahupun digital, merupakan sumber utama maklumat politik untuk ramai orang, termasuk pengundi muda. Platform seperti Twitter, Instagram, dan Facebook sangat mempengaruhi pengetahuan politik pengundi muda. Platform ini sering digunakan untuk berkongsi berita dan maklumat politik, dan pengundi muda lebih cenderung menggunakan media sosial berbanding media konvensional. Semakin banyak pendedahan pengundi muda kepada kandungan politik, semakin kukuh pengetahuan politik mereka, membawa kepada minat yang lebih tinggi untuk menyertai aktiviti politik.

Justeru itu, kajian rintis yang dilakukan ke atas 30 pelajar UUM ini bertujuan untuk menguji tahap pemahaman responden terhadap soalan-soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik dan sebagai penambahbaikan dalam pengumpulan data yang sebenar. Kajian rintis yang dijalankan adalah bagi mendapatkan nilai alpha untuk

setiap item di dalam soal selidik. Jika nilai alpha melebihi 0.8 atau 80 peratus, ini bermakna soal selidik tersebut mempunyai kebolehpercayaan ketekalan dalaman (*internal consistency reliability*) yang tinggi dan boleh digunakan dalam kajian sebenar (Jadual 3.9) (Chua, 2012).

Jadual 3.9

*Kategori Nilai Alpha (Kebolehpercayaan)*

Nilai Alpha	Kebolehpercayaan	
0.96 hingga 1.00	Kurang memuaskan	Terdapat pertindihan soalan di dalam soal selidik dan perlu diubahsuai.
0.80 hingga 0.95	Tinggi dan memuaskan	Soal selidik sesuai digunakan.
0.65 hingga 0.79	Memuaskan	Soal selidik boleh digunakan.
0.50 hingga 0.64	Rendah dan kurang memuaskan	Sebilangan soalan perlu diubahsuai dan ujian kebolehpercayaan perlu dilakukan semula.
Di bawah 0.50	Terlalu rendah dan tidak memuaskan	Soal selidik tidak sesuai untuk kajian dan semua soalan perlu diubahsuai serta ujian kebolehpercayaan perlu dilakukan semula.

Sumber: Chua (2012)

Kajian rintis pertama telah dijalankan pada Mei 2019 dan nilai kebolehpercayaan yang diperolehi adalah 0.690 (Jadual 3.10). Ini bermakna nilai kebolehpercayaan tersebut adalah memuaskan dan didapati bahawa tiada item yang dikecualikan dari pengukuran. Kesemua item sesuai digunakan di dalam kajian sebenar.

Jadual 3.10

*Nilai kebolehpercayaan bagi Kajian Rintis*

<i>Cronbach's Alpha</i>	Jumlah Item
0.690	58

Nilai kebolehpercayaan bagi pemboleh ubah yang digunakan adalah seperti di dalam Jadual 3.11. Didapati nilai kebolehpercayaan yang diperolehi bagi setiap item adalah melebihi 0.65 dan bermakna nilai kebolehpercayaan tersebut adalah memuaskan dan item-item sesuai digunakan di dalam kajian sebenar.

Jadual 3.11

*Nilai Kebolehpercayaan bagi Setiap Item*

Pemboleh Ubah	Bil. Item	Nilai Kebolehpercayaan
Profil responden	4	0.612
Akses internet dan sumber maklumat	9	0.646
Pembuatan keputusan mengundi	11	0.628
Pengaruh media ke atas keputusan pengundi	14	0.714
Pengaruh pembangunan ekonomi ke atas keputusan pengundi	12	0.678

### 3.6 Kaedah Analisis Data

Data dalam kajian ini, data daripada pendekatan kualitatif dikumpul melalui kaedah temu bual. Semasa proses temu bual, perakam suara digunakan bagi merekod maklumbalas responden. Analisis data diambil daripada temu bual dengan 10 orang pengundi seperti mana yang terdapat dalam Jadual 3.2. Transkrip rakaman akan diterjemahkan secara bertulis.

Data temu bual dianalisis mengikut prosedur yang disyorkan oleh Bryman (2012, 2008, 2001). Ia melibatkan proses merumus, mengundi, menyusun, dan mentafsir data. Temu bual secara mendalam dapat memberi gambaran yang realistik tentang pengalaman responden dalam mengumpul data sebenar dan tepat. Maklumat temu bual dikumpul sehingga tahap tepu. Ia adalah maklumat daripada responden baharu semasa temu bual memberikan lebih banyak maklumat baharu berkaitan persoalan kajian berbanding dengan responden terdahulu (Denzin & Lincoln, 2015).

Bagi data daripada pendekatan kuantitatif pula, kaedah analisis data tertumpu kepada analisis mean dan korelasi iaitu bagi melihat corak keputusan pengundi, pengaruh media ke atas keputusan pengundi dan pengaruh pembangunan ekonomi ke atas

keputusan pengundi. Rumus bagi mendapatkan Pekali Korelasi *r-Pearson* adalah seperti berikut:

$$r_{xy} = \frac{\sum(X-\bar{X})(Y-\bar{Y})}{(N-1)s_x s_y} \quad (3.1)$$

atau

$$r_{xy} = \frac{\sum XY}{\sqrt{(\sum X^2)(\sum Y^2)}} \quad (3.2)$$

di mana:


$r_{xy}$  = pekali korelasi antara pemboleh ubah X dengan Y

N = saiz sampel

X = nilai skor untuk pemboleh ubah X

Y = nilai skor untuk pemboleh ubah Y

$s_x, s_y$  = sisihan piawai untuk X dan Y



Pekali korelasi (*r*) adalah bagi menunjukkan darjah hubungan antara dua pembolehubah. Secara ringkas, nilai *r* dikategorikan seperti dalam Jadual 3.12. Rumus bagi mendapatkan Pekali Korelasi *r-Pearsona* adalah seperti berikut:

Jadual 3.12

*Kategori Pekali Korelasi (r)*

Nilai <i>r</i>	Hubungan
1.0	Sempurna
0.80 – 0.90	Sangat kuat
0.60 – 0.79	Kuat
0.40 – 0.59	Sederhana
0.20 – 0.39	Lemah
0.01 – 0.19	Sangat lemah
0.0	Tiada hubungan

### **3.7 Rumusan Bab**

Ringkasnya, kajian kualitatif bertujuan untuk memahami masalah atau topik kajian yang diberikan dari perspektif tempatan. Justeru, kajian ini diharapkan dapat dilihat dari segi positif dan negatif agar lebih berpengetahuan dan berpengalaman kepada semua pihak. Oleh itu, metodologi kajian adalah bagi menepati objektif-objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu mengenalpasti tahap penerimaan media dalam pilihan raya negeri Sarawak, meneliti kesan media kepada keputusan pilihan raya negeri Sarawak dan mencadangkan penambahbaikan peranan media dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya di Sarawak.

Kajian yang menggunakan kaedah gabungan ini memerlukan pertimbangan yang betul supaya hasil dapatan kajian akan memberikan keputusan yang jelas, menyeluruh dan praktikal supaya kita boleh berkongsi hasil kajian bersama penyelidik-penyelidik yang lain dan juga menjadi sumber idea baru kepada bakal-bakal penyelidik yang akan melakukan penyelidikan mereka. Bagi pelajar di peringkat sarjana atau kedoktoran yang membuat keputusan untuk menggunakan kaedah gabungan ini, mereka perlu berhati-hati apabila menggunakan pendekatan ini kerana bakal berhadapan cabaran besar khususnya dari segi integrasi data dan kekangan masa. Kajian yang menggunakan kaedah gabungan ini walaupun nampaknya memberikan keputusan yang lebih baik berbanding dengan satu-satu kajian, tetapi kita harus mengambil kira bahawa kaedah ini adalah kaedah pilihan yang boleh digunakan secara bersama dengan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Bagi kajian-kajian yang melibatkan proses atau jangka masa panjang, kaedah gabungan ini dirasakan sesuai untuk mereka lakukan dan akan memberikan keputusan yang lebih signifikan terhadap persoalan kajian yang ditimbulkan.

## **BAB EMPAT**

### **PERANAN MEDIA DALAM PILIHAN RAYA**

#### **4.1 Pengenalan**

Secara ringkasnya, sebelum analisis melalui temu bual dijalankan, analisis deskriptif akan dijalankan. Analisis deskriptif adalah tertumpu kepada profil informan bagi pendekatan kualitatif dan analisis deskriptif bagi pendekatan kuantitatif. Analisis seterusnya adalah dengan merungkai dengan lebih mendalam dapatan yang diperolehi daripada hasil temu bual berdasarkan objektif-objektif yang telah ditetapkan.

#### **4.2 Analisis Deskriptif (Profil Informan)**

Bahagian ini adalah tertumpu kepada profil informan iaitu latar belakang informan. Jadual 4.1 menunjukkan profil informan yang diperolehi daripada hasil temu bual yang dijalankan. Temu bual telah dijalankan selama dua bulan iaitu pada November 2020 hingga Januari 2021. Temu bual bagi kajian ini telah dijalankan secara bersemuka (*face to face*).

Daripada informan yang telah ditemubual, jelas menunjukkan bahawa kajian ini telah mengambil kira pendapat daripada akar umbi bagi memastikan kajian ini dapat menyediakan gambaran yang lebih menyeluruh dan komprehensif situasi sebenar peranan media terhadap pilihan raya yang telah dijalankan di Sarawak iaitu bagi Pilihan Raya Negeri (PRN) 2016 serta Pilihan Raya Umum (PRU) 2018.

Informan bagi kajian ini terdiri daripada 10 informan iaitu tujuh lelaki dan tiga perempuan. Minimum umur informan adalah 28 tahun dan maksimum umur informan

adalah 65 tahun. Tempoh temu bual adalah antara November 2020 hingga Januari 2021.

Jadual 4.1

*Profil Informan*

Bil	Nama Kod	Umur	Jantina	Tarikh Temu Bual
1	P1	58 tahun	Lelaki	18 November 2020
2	P2	28 tahun	Lelaki	2 Januari 2021
3	P3	46 tahun	Lelaki	16 Januari 2021
4	P4	65 tahun	Lelaki	26 Disember 2020
5	P5	58 tahun	Lelaki	14 Disember 2020
6	P6	28 tahun	Perempuan	2 Disember 2020
7	P7	40 tahun	Perempuan	7 Januari 2021
8	P8	55 tahun	Lelaki	24 Januari 2021
9	P9	39 tahun	Perempuan	31 Disember 2020
10	P10	30 tahun	Lelaki	13 Disember 2020

### 4.3 Analisis Deskriptif

Menurut Whintney (2016) analisis deskriptif adalah pencarian fakta dengan tafsiran yang tepat. Penyelidikan deskriptif dapat mengenalpasti masalah-masalah dalam masyarakat serta tatacara yang berlaku dalam masyarakat serta keadaan-keadaan tertentu, termasuk tentang hubungan, kegiatan-kegiatan, sikap-sikap, pandangan-pandangan, serta proses-proses yang sedang berlangsung dan pengaruh-pengaruh dari suatu fenomena. Menurut Sukmadinata (2016) ia adalah satu bentuk penelitian untuk mendeskripsi fenomena-fenomena yang ada iaitu karakteristik, perubahan, hubungan, kesamaan dan perbezaan antara fenomena.

Pengumpulan data soal selidik dijalankan dari Julai 2019 hingga Disember 2019 dengan menggunakan beberapa kaedah iaitu soal pengumpulan soal selidik melalui pos dan menggunakan perkhidmatan emel (internet). Bahagian ini dapat menerangkan maklumat deskriptif tentang pembolehubah yang digunakan daripada borang kaji selidik dan bermula dengan maklumat profil responden dan diikuti dengan maklumat bagi setiap

pembolehubah yang digunakan. Perbincangan analisis awal ini tertumpu kepada taburan kekerapan dan peratusan bagi setiap pembolehubah. Analisis demografi dilakukan bagi mengenalpasti latar belakang dan profil responden yang terlibat dalam kajian ini. Analisis ini memberi gambaran latar belakang dan bentuk jawapan yang dikemukakan oleh responden yang terlibat dalam kajian ini. Analisis deskriptif terdiri daripada jantina, umur, etnik, parlimen, pekerjaan dan pendapatan.

Rajah 4.2 menunjukkan dapatan bagi analisis deskriptif bagi jantina. Taburan responden adalah 41.4 peratus atau 368 responden lelaki dan 58.6 peratus atau 522 responden perempuan.

Jadual 4.2  
*Jantina Responden*

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	368	41.4
Perempuan	522	58.6
Jumlah	890	100.0

Jadual 4.3 menunjukkan taburan bagi umur responden. Majoriti responden berada dalam kategori umur 31 hingga 45 tahun iaitu sebanyak 68.7 peratus atau 611 responden. Diikuti responden yang berada dalam kategori umur 28 hingga 35 tahun iaitu sebanyak 16.8 peratus atau 150 orang. Bagi kategori umur 46 hingga 55 tahun, 56 hingga 55 tahun dan lebih 65 tahun, taburan kekerapan adalah hampir sama iaitu masing-masing sebanyak 8.4 peratus (75 responden), 2.9 peratus (26 responden) dan 3.2 peratus (28 responden).

Jadual 4.3  
*Umur Responden*

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
28 – 35 tahun	150	16.8
36 – 45 tahun	611	68.7
46 – 55 tahun	75	8.4
56 – 55 tahun	26	2.9
Lebih 65 tahun	28	3.2
Jumlah	890	100.0

Jadual 4.4 menunjukkan taburan bagi etnik responden. Majoriti responden adalah daripada etnik Bidayuh iaitu sebanyak 56.8 peratus atau 506 responden. Diikuti responden daripada etnik Cina iaitu sebanyak 21.2 peratus atau 189 responden. Responden daripada etnik Iban dan Melayu pula mencatatkan peratusan sebanyak 11.9 peratus (106 responden) dan 10.1 peratus (89 responden).

Jadual 4.4  
*Etnik Responden*

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Bidayuh	506	56.8
Cina	189	21.2
Iban	106	11.9
Melayu	89	10.1
Jumlah	890	100.0

Jadual 4.5 menunjukkan parlimen responden. Taburan bagi setiap parlimen adalah hampir sama iaitu di antara 2.3 peratus hingga 4.2 peratus atau 20 responden hingga 37 responden. Terdapat 31 parlimen di Sarawak iaitu Mas Gading, Santubong, Petra Jaya, Bandar Kuching, Stampin, Kota Samarahan, Puncak Borneo, Serian, Batang Sado, Batang Lupar, Sri Aman, Lubok Antu, Betong, Saratok, Tanjong Manis, Igan, Sarikei, Julau, Kanowit, Lanang, Sibul, Mukah, Selangau, Kapit, Hulu Rajang, Bintulu, Sibuti, Miri, Baram, Limbang dan Lawas.

Jadual 4.5

*Parlimen Responden*

Bil	Parlimen	Kekerapan	Peratus (%)	
1	P.192	Mas Gading	29	3.3
2	P.193	Santubong	24	2.7
3	P.194	Petra Jaya	28	3.2
4	P.195	Bandar Kuching	26	3.0
5	P.196	Stampin	33	3.7
6	P.197	Kota Samarahan	25	2.8
7	P.198	Puncak Borneo	25	2.8
8	P.199	Serian	32	3.6
9	P.200	Batang Sado	37	4.2
10	P.201	Batang Lupar	29	3.3
11	P.202	Sri Aman	20	2.3
12	P.203	Lubok Antu	27	3.0
13	P.204	Betong	29	3.3
14	P.205	Saratok	35	4.0
15	P.206	Tanjong Manis	37	4.2
16	P.207	Igan	27	3.0
17	P.208	Sarikei	32	3.6
18	P.209	Julau	28	3.2
19	P.210	Kanowit	27	3.0
20	P.211	Lanang	29	3.3
21	P.212	Sibu	33	3.7
22	P.213	Mukah	26	2.9
23	P.214	Selangau	29	3.3
24	P.215	Kapit	24	2.7
25	P.216	Hulu Rajang	29	3.3
26	P.217	Bintulu	30	3.4
27	P.218	Sibuti	29	3.3
28	P.219	Miri	25	2.8
29	P.220	Baram	31	3.5
30	P.221	Limbang	28	3.2
31	P.222	Lawas	27	3.0
JUMLAH		890	100.0	

Taburan bagi sektor pekerjaan responden pula adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.6. Majoriti responden adalah bekerja sendiri iaitu sebanyak 44.0 peratus atau 392 responden. Manakala responden yang bekerja di sektor kerajaan dan swasta adalah hampir sama iaitu masing-masing sebanyak 14.0 peratus (125 responden) dan 20.0 peratus (178 responden). Terdapat juga responden yang telah tamat perkhidmatan atau pencen dari sektor kerajaan dan swasta. Responden yang pencen dari sektor kerajaan

adalah sebanyak 4.0 peratus atau 36 orang dan responden dalam kategori pencen sektor swasta pula adalah sebanyak 8.0 peratus atau 70 responden. Baki 10.0 peratus atau 89 responden pula terdiri daripada pelajar universiti.

Jadual 4.6  
*Sektor Pekerjaan Responden*

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Bekerja sendiri	392	44.0
Bekerja di sektor kerajaan	125	14.0
Bekerja di sektor swasta	178	20.0
Pencen sektor kerajaan	36	4.0
Pencen sektor swasta	70	8.0
Pelajar Universiti	89	10.0
	890	100.0

Taburan bagi pendapatan responden pula adalah seperti yang terdapat di dalam Jadual 4.7. Terdapat lima kategori bagi pendapatan iaitu RM1,000 dan ke bawah (miskin dan miskin tegar), RM1,001 – RM2,500 (pendapatan rendah), RM2,501 – RM4,000 (pendapatan sederhana), RM4,001– RM8,300 (pendapatan tinggi) dan melebihi RM8,300 (pendapatan tinggi atas). Majoriti responden berada dalam kategori pendapatan rendah (RM1,001 – RM2,500) iaitu sebanyak 54.0 peratus atau 481 responden. Diikuti responden yang berpendapatan dalam kategori miskin dan miskin tegar ( $\leq$  RM1,000) iaitu sebanyak 24.0 peratus atau 214 responden. Responden dalam kategori pendapatan sederhana (RM2,501 – RM4,000) pula adalah sebanyak 10.0 peratus atau 89 responden. Responden dalam kategori pendapata tinggi (RM4,001– RM8,300) dan tinggi atas ( $>$  RM8,300) pula adalah hampir sama iaitu masing-masing mencatatkan peratusan sebanyak 4.0 peratus (36 responden) dan 8.0 peratus (70 responden).

Jadual 4.7  
Pendapatan Responden

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
≤ RM1,000	214	24.0
RM1,001 – RM2,500	481	54.0
RM2,501 – RM4,000	89	10.0
RM4,001– RM8,300	36	4.0
> RM8,300	70	8.0
	890	100.0

Taburan bagi pendidikan responden pula adalah seperti yang terdapat dalam Jadual 4.8. Rata-rata responden terdiri daripada mereka yang berpendidikan menengah iaitu sebanyak 48.0 peratus atau 427 responden. Diikuti responden yang mempunyai pendidikan diperingkat kolej (diploma) iaitu sebanyak 34.0 peratus atau 303 responden. 10.0 peratus (80 responden) terdiri daripada mereka yang mempunyai pendidikan tahap tertiar atau universiti. Responden yang memiliki pendidikan di peringkat rendah adalah sebanyak 6.0 peratus (52 responden). Baki 2.0 peratus atau 18 responden didapati tidak mempunyai sebarang pendidikan formal atau tidak bersekolah.

Jadual 4.8  
Pendidikan Responden

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Rendah (Darjah 1 - 6)	52	6.0
Menengah (T1 -T5)	427	48.0
Kolej (Diploma)	303	34.0
Universiti	80	10.0
Tidak bersekolah	18	2.0
Jumlah	890	100.0

#### 4.4 Ujian Normaliti

Jadual 4.9 menunjukkan dapatan untuk ujian normaliti bagi demografi. Didapati nilai normaliti yang dicatatkan adalah melebihi 0.05 (Shapiro-Wilk) dan menunjukkan

kesemua pembolehubah yang digunakan adalah bertaburan secara normal.

Jadual 4.9

*Ujian Normaliti bagi Demografi*

Demografi	Shapiro-Wilk
Jantina	0.626***
Umur	0.692***
Etnik	0.764***
Parlimen	0.743***
Pekerjaan	0.529***
Pendapatan	0.726***

Nota: \*\*\* signifikan pada aras keertian 1%

## 4.5 Ujian Crosstab

Ujian Crosstab atau tabulasi silang (*crosstabulation*) adalah satu jadual yang terdiri daripada beberapa kumpulan frekuensi bagi beberapa pembolehubah. Bagi Jadual 4.10 ujian crosstab bagi pengaruh media dengan demografi. Kesemua pembolehubah atau demografi iaitu jantina, umur, etnik, parlimen, pekerjaan dan pendapatan didapati signifikan pada aras keertian 1 peratus. Ini bermaksud terdapat hubungan antara dua pembolehubah tersebut iaitu media dengan demografi.

Jadual 4.10

*Ujian Crosstab bagi Pengaruh Media dengan Demografi*

Indikator	Chi-Square
Jantina	0.000***
Umur	0.000***
Etnik	0.000***
Parlimen	0.000***
Pekerjaan	0.000***
Pendapatan	0.000***

Nota: \*\*\* signifikan pada aras keertian 1%

## 4.6 Objektif I: Mengenalpasti Tahap Penggunaan Media dalam Pilihan Raya di Sarawak

Objektif pertama bagi kajian ini adalah bertujuan bagi mengenalpasti tahap

penggunaan media dalam pilihan raya di Sarawak. Hasil temu bual mendapati media memainkan peranan dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Ini jelas menunjukkan media diterima di Sarawak sewaktu pilihan raya dijalankan. Disebabkan oleh kekangan-kekangan tertentu, kepelbagaian media digunakan oleh masyarakat dalam memperoleh maklumat.

Jadual 4.11

*Hasil Temu bual Responden bagi Objektif Pertama*

<b>Responden</b>	<b>Hasil Temubual</b>
P1	<i>“Saya lebih suka menggunakan Facebook dan Whatsapp untuk mendapatkan maklumat. Kalau surat khabar saya lebih kepada akhbar atas talian dan sudah melanggan akhbar atas talian untuk tempoh setahun. Kalau blog dgn portal saya tidak menggunakannya. Sebab banyak sangat iklan yang muncul, ganggu bacaan”.</i>
P2	<i>“Ya, guna. Tapi hanya guna Facebook dan Whatsapp. Telegram kadang-kadang. Akhbar dan portal dengan blog saya tidak minat. Tapi baru-baru ni pilihan raya saya tengok ada TV besar tepi jalan, tengok tv itu saya dapat tahu siapa calon tempay saya”.</i>
P3	<i>“Banyak guna Whatsapp. Tapi Telegram juga menarik untuk digunakan”.</i>
P4	<i>“Saya lebih suka kepada media tradisional, Televisyen. Berita di televisyen lebih sahih berbanding media sosial dan Internet. Selain TV, saya lebih suka dengar radio”.</i>
P5	<i>“Tengok TV banyak. Umur pun tua sudah. Jadi lebih tengok TV saja. Nak guna telefon sudah tidak pandai. Surat khabar pun sudah tak boleh baca, sudah tidak nampak”.</i>
P6	<i>“Banyak guna TV. Internet kadang-kadang laju. Kadang-kadang slow. Kena keluar sikit dari rumah baru dapat line”.</i>
P7	<i>“Facebook, Whatsapp. Mungkin rumah dekat juga dengan kawasan pekan. Lebih guna Whatsapp”.</i>

Jadual 4.11 (Sambungan)

<b>Responden</b>	<b>Hasil Temubual</b>
P8	<i>“Ada guna. Di sini memang agak pedalaman. Jadi radio saja yang dapat dengar. Kalau TV memang tiada siaran”.</i>
P9	<i>“Banyak guna media sosial. Facebook. Isu-isu banyak dapat dari Facebook. Kekangan kerja jadi tak sempat nak tonton TV”.</i>
P10	<i>“Tengok TV saja. Kurang guna handphone”.</i>

Berdasarkan perbincangan yang dijalankan jelas membuktikan media diterima sebagai medium perantaraan bagi menyampaikan maklumat berkaitan pilihan raya kepada masyarakat atau pengundi di Sarawak. Seperti di Jadual 4.11, lima informan memilih internet sebagai medium penerimaan maklumat. Media internet yang dimaksudkan adalah media sosial kerana kebanyakan informan lebih memilih media internet iaitu media sosial yang terdiri daripada Facebook, Whatsapp dan Telegram.

Namun, pada masa yang sama lima informan lagi memilih media cetak dan media penyiaran sebagai wadah memperoleh maklumat berkaitan pilihan raya. Media cetak yang digunakan adalah terdiri daripada akhbar dan pamflet. Manakala media penyiaran yang digunakan adalah televisyen (TV) dan radio.

Bagi tempoh pilihan raya di Sarawak, teknologi baharu didapati telah digunakan oleh parti politik atau calon bagi mendekati pengundi. Bagi pengundi yang berada di kawasan bandar, didapati terdapat media *out of home* (OOH) digunakan iaitu paparan skrin LED yang terdapat di kawasan-kawasan tumpuan seperti persimpangan jalan. Dapatan kuantitatif juga menunjukkan nilai min dalam kategori tinggi bagi media internet iaitu 4.06. Diikuti media penyiaran dan media cetak. Di mana media penyiaran

dan media cetak menunjukkan nilai min dalam kategori sederhana iaitu 3.22 dan 2.51. Manakala media *out of home* (OOH) pula berada dalam kategori rendah iaitu 2.21. Kategori nilai min dapat dilihat dalam Jadual 4.12 dan nilai min bagi media internet, media penyiaran, media cetak dan OOH dapat dilihat dalam Jadual 4.13.

Jadual 4.12  
*Kategori Min*

Kategori	Nilai Min
Rendah	1.00 hingga 2.33
Sederhana	2.34 hingga 3.66
Tinggi	3.67 hingga 5.00

Jadual 4.13  
*Min bagi Media*

Media	Nilai Min
Media cetak	2.51
Media penyiaran	3.22
Media internet	4.06
<i>Out of home</i>	2.21

Tambahan itu, terdapat lima informan turut menyatakan bahawa antara media-media yang dikaji, media internet banyak mempengaruhi kehidupan seharian mereka. Media internet yang dimaksudkan adalah Facebook, Whatsapp dan Telegram. Hal ini kerana, media sosial ini mudah untuk digunakan (Jadual 4.14).

Jadual 4.14  
*Hasil Temu bual Responden Berkaitan Media Internet*

Responden	Hasil Temubual
P1	<i>“Tiada apa masalah. Senang dan mudah untuk guna tambah- tambah lagi sosial media. Internet pun tiada masalah”.</i>
P2	<i>“Kalau untuk kongsi maklumat banyak kami guna Whatsapp. Dua- dua ini mudah untuk digunakan”.</i>
P3	<i>“Mudah untuk guna. Tiada masalah apa-apa untuk dengar radio. Media sosial pun ada guna tapi sebab kerja jadi tidak boleh selalu guna”.</i>

(Jadual 4.14) Sambungan

Responden	Hasil Temubual
P4	<i>“Keinginan itu ada untuk guna telefon pintar, tapi macam susah saja. Tapi tengok Facebook dan Whatsapp macam mudah saja mahu guna. Pendapat saya, dengan adanya internet, media sosial, media lebih bebas untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat”.</i>
P5	<i>“Kalau yang guna macam Facebook, Whatsapp memang sangat berguna. Kita dapat tahu apa-apa kejadian dengan cepat. Tambah-tambah dekat masa untuk mengundi. Apa yang dilaporkan media lebih menarik perhatian. Masing-masing mahu tunjuk kelebihan sendiri dan mahu tunjuk kelemahan lawan”.</i>

Hasil korelasi juga jelas menunjukkan dan membuktikan bahawa media internet lebih menjadi pilihan pengundi. Jadual 4.15 menunjukkan analisis korelasi antara media dengan corak keputusan pengundi. Keempat-empat media secara statistiknya signifikan pada aras keertian 1 peratus. Dapatan analisis korelasi jelas menunjukkan corak keputusan pengundi mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan media internet iaitu sebanyak 81.0 peratus. Kategori hubungan dapat dilihat berdasarkan Jadual 4.15. Media cetak dan penyiaran pula mempunyai hubungan yang kuat, di mana nilai hubungan yang dicatatkan adalah sebanyak 67.0 peratus dan 65.0 peratus. Manakala OOH mencatatkan nilai hubungan yang sederhana iaitu sebanyak 43.0 peratus.

Jadual 4.15

*Analisis Hubungan antara Corak Keputusan Pengundi dengan Media*

Indikator	Statistik
Media cetak	0.679***
Media penyiaran	0.654***
Media internet	0.810***
<i>Out of home</i>	0.439***

Nota: \*\*\* signifikan pada aras keertian 1%

Jadual 4.16

*Kategori Pekali Korelasi (r)*

Nilai <i>r</i>	Hubungan
1.0	Sempurna
0.80 – 0.90	Sangat kuat
0.60 – 0.79	Kuat
0.40 – 0.59	Sederhana
0.20 – 0.39	Lemah
0.01 – 0.19	Sangat lemah
0.0	Tiada hubungan

Media yang menjadi tumpuan pengundi adalah media sosial. Di mana Jadual 4.17 menunjukkan analisis min bagi media internet. Nilai min mendapati Whatsapp merupakan platform utama yang digunakan oleh pengundi di Sarawak iaitu 4.86. Diikuti oleh Facebook (4.69) dan YouTube (4.30). Penggunaan Twitter berada dalam kategori sederhana apabila mencatatkan nilai min 3.06, begitu juga bagi Instagram yang mencatatkan nilai min 2.95. Blog politik dan portal berita pula berada dalam kategori rendah iaitu 2.06 dan 2.27.

Jadual 4.17

*Analisis Min bagi Media Internet*

Media Internet	Nilai Min
Facebook	4.69
YouTube	4.30
Twitter	3.06
Instagram	2.95
Blog politik	2.06
Whatsapp	4.86
Portal berita	2.27

## **4.7 Objektif II: Mengenalpasti Peranan Media dalam Memberi Kesan Kepada Keputusan Pilihan Raya di Sarawak**

Objektif kedua kajian ini pula adalah bagi mengenalpasti peranan media dalam memberi kesan kepada keputusan pilihan raya di Sarawak. Ringkasnya, empat

informan bersetuju bahawa media memberi kesan yang positif kepada mereka. Kesan positif yang dimaksudkan adalah merujuk kepada kemampuan dan keberkesanan media dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Antara kesan positif yang diperoleh hasil temu bual adalah media dapat menyalurkan maklumat kepada mereka seperti yang ditunjukkan pada Jadual 4.18

Jadual 4.18

*Hasil Temu bual Responden bagi Objektif Kedua*

<b>Responden</b>	<b>Hasil Temubual</b>
P1	<i>“Banyak membantu. Dengan adanya media kita dapat tahu apa yang setiap parti dan calon lakukan. Dengan adanya media juga kita dapat buat penilaian calon atau parti mana yang perlu dipilih”.</i>
P2	<i>“Banyak membantu, terutama untuk tahu apa yang calon atau parti politik itu lakukan. Jadi kita boleh nilai sebelum pergi undi. Tiada apa masalah. Senang dan mudah untuk guna tambah-tambah lagi sosial media. Internet pun tiada masalah”.</i>
P3	<i>“Ya banyak membantu. Banyak guna Facebook untuk tahu apa-apa perkembangan pasal calon dan parti. Tapi kalau untuk kongsi maklumat banyak kami guna Whatsapp. Dua-dua ini mudah untuk digunakan”.</i>
P4	<i>“Membantu untuk tahu keadaan sekeliling, calon dan parti. Isu yang dapat menguntungkan kedua-dua belah pihak. Yang tercalon dapat jadi Wakil Rakyat, dan rakyat terbela. Bagi saya, Isu yang penting berkaitan untuk tingkatkan pendapatan”.</i>

Hasil dapatan kuantitatif turut menyokong kenyataan keempat-empat informan yang menyatakan media memberi kesan yang positif kepada mereka. Di mana maklumat yang disampaikan secara tidak langsung mempengaruhi keputusan pengundi terutamanya bagi aspek berkaitan calon, parti dan pengundi itu sendiri. Berdasarkan kepada analisis deskriptif yang telah dijalankan sebagaimana dalam Jadual 4.19, di dapati bahawa nilai min bagi pembolehubah calon ialah 2.67, nilai min bagi pembolehubah parti ialah 3.01

dan nilai min bagi pembolehubah pengundi ialah 4.63. Oleh itu, apabila merujuk pada Jadual 4.12, dapat diinterpretasikan bahawa pembolehubah pengundi berada pada tahap tinggi, pembolehubah parti dan pembolehubah calon berada pada tahap sederhana. Nilai min menunjukkan kesan positif media dipengaruhi oleh tiga pembolehubah iaitu calon, parti dan pengundi. Ketiga-tiga pembolehubah didapati berada dalam kategori tinggi.

Jadual 4.19  
*Analisis Min bagi Peranan Media (Positif)*

Peranan Media	Nilai Min
Calon	2.67
Parti	3.01
Pengundi	4.63

Hanya terdapat tiga informan yang menyatakan media masih tidak dapat menyalurkan maklumat kepada mereka terutama apabila menjelang pilihan raya dan bagi mereka yang tinggal di kawasan pedalaman.

Jadual 4.20  
*Hasil Temu bual Responden Berkaitan Media*

Responden	Hasil Temubual
P1	<i>“Agak membantu. Tagi saya yang sudah berumur, hanya mahu tahu sikit-sikit sahaja”.</i>
P2	<i>“Isu tak dapat tahu sangat. Kalau keluar ke pekan dapat la tahu apa-apa isu. Atau kalau ada kawan keluar, nanti dia balik dia cerita sama kami”.</i>
P3	<i>“Agak terhad. Sebab mungkin faktor umur”.</i>

Bagi dapatan kuantitatif, analisis min menunjukkan pengaruh pembangunan ekonomi berada dalam kategori sederhana iaitu dengan nilai min 2.97. Ini menunjukkan pengaruh pembangunan ekonomi perlu diberi perhatian terutama bagi calon dan parti.

Dengan penerimaan media internet iaitu melalui sosial media, pelbagai pendekatan dapat dilakukan oleh calon dan parti dalam usaha mendekati pengundi terutama pengundi yang berada di kawasan pedalaman.

Dengan adanya dapatan daripada soal selidik, kajian ini mampu untuk melihat apakah isu sebenar yang wujud dan perlu diambil perhatian oleh wakil rakyat atau pihak kerajaan di setiap parlimen yang ada di Sarawak. Terdapat lapan isu utama yang dikaji iaitu peluang perniagaan, bantuan kewangan dan perumahan kepada golongan berpendapatan rendah dan miskin, peluang pekerjaan, kemudahan infrastruktur awam, hak tanah adat, rasuah, jenayah dan pendatang asing tanpa izin (PATI).



Jadual 4.21

*Analisis Min bagi Isu Berdasarkan Parlimen di Sarawak*

Bil	Parlimen / Isu	1	2	3	4	5	6	7	8
1	P.192 Mas Gading	3.20	3.28	1.85	3.12	3.25	1.63	3.52	3.57
2	P.193 Santubong	2.54	3.37	3.51	2.69	2.92	2.70	3.17	2.18
3	P.194 Petra Jaya	1.47	4.43	1.94	4.24	4.13	1.53	3.30	1.51
4	P.195 Bandar Kuching	3.58	3.40	2.07	3.43	3.33	1.27	4.15	1.30
5	P.196 Stampin	4.59	4.45	2.38	1.34	4.22	1.92	3.47	3.00
6	P.197 Kota Samarahan	1.19	1.07	1.74	1.81	3.88	3.88	2.24	1.06
7	P.198 Puncak Borneo	1.17	1.05	1.65	1.94	3.86	1.14	1.79	2.94
8	P.199 Serian	1.03	2.06	2.46	1.76	1.83	2.99	1.91	2.97
9	P.200 Batang Sado	1.45	1.36	1.41	2.18	2.16	1.23	1.75	3.16
10	P.201 Batang Lupar	1.17	2.11	2.76	1.88	1.91	2.38	2.12	2.67
11	P.202 Sri Aman	2.86	2.79	3.81	2.88	2.90	3.21	3.91	2.20
12	P.203 Lubok Antu	3.15	3.01	1.61	3.16	3.05	1.32	3.12	3.17
13	P.204 Betong	4.07	4.13	2.91	3.77	3.84	4.01	4.25	4.31
14	P.205 Saratok	3.30	3.15	1.65	3.20	3.09	1.44	3.75	1.84
15	P.206 Tanjung Manis	1.23	2.23	1.02	3.97	3.95	3.36	3.63	3.89
16	P.207 Igan	1.87	1.82	2.80	3.62	3.60	2.33	3.65	1.76
17	P.208 Sarikei	1.85	1.77	1.05	3.67	3.58	1.16	4.20	2.20
18	P.209 Julau	1.72	1.77	1.62	3.53	3.53	3.08	3.70	3.79
19	P.210 Kanowit	2.21	2.18	2.43	3.98	3.89	1.29	3.43	2.11
20	P.211 Lanang	1.81	1.85	4.43	3.69	3.72	2.29	3.87	1.37
21	P.212 Sibu	3.19	3.11	3.29	3.30	1.49	3.15	3.11	3.16
22	P.213 Mukah	3.61	3.52	3.57	3.48	3.56	3.52	3.42	3.42
23	P.214 Selangau	4.47	4.47	4.35	4.44	2.85	4.23	4.29	4.18
24	P.215 Kapit	3.39	3.44	3.66	3.68	4.14	3.25	3.36	3.56
25	P.216 Hulu Rajang	4.57	4.56	4.58	4.53	2.24	4.36	4.35	4.34
26	P.217 Bintulu	1.10	2.15	2.09	2.26	2.07	3.75	3.87	3.86

Jadual 4.17 (Sambungan)

27	P.218	Sibuti	1.02	2.14	2.19	2.18	1.31	3.77	3.93	4.05
28	P.219	Miri	1.96	2.01	1.08	2.09	2.97	3.76	3.79	3.80
29	P.220	Baram	1.41	1.47	1.36	1.44	3.82	4.22	4.20	4.16
30	P.221	Limbang	2.16	2.10	2.15	1.22	2.81	3.88	3.85	3.91
31	P.222	Lawas	2.05	2.11	2.15	1.04	1.76	3.83	3.88	3.81

Nota: 1 = peluang perniagaan

2 = bantuan kewangan dan perumahan kepada golongan berpendapatan rendah dan miskin

3 = peluang pekerjaan

4 = kemudahan infrastruktur awam

5 = hak tanah adat

6 = rasuah

7 = jenayah

8 = pendatang asing tanpa izin (PATI)



UUM  
Universiti Utara Malaysia

Peluang perniagaan merujuk kepada setiap perniagaan bermula daripada peluang yang dapat dikenalpasti dan diambil kesempatan untuk dimajukan. Kewujudan peluang perniagaan untuk menawarkan barangan dalam pasaran tertentu bergantung kepada perubahan dan arah aliran dalam faktor-faktor persekitaran yang meliputi suasana ekonomi, sosiobudaya, politik, undang-undang, teknologi dan tahap persaingan (Banks, Calvo, Karol, Telhami, 2021). Ini ialah kerana faktor-faktor persekitaran mempengaruhi perubahan dalam permintaan pelanggan terhadap jenis barangan tertentu (Bekkers, Edwards & de Kool, 2018).

Maka, proses memerhati dan meneliti perubahan dan arah aliran dalam faktor-faktor persekitaran sangat penting kepada seseorang usahawan untuk merebut peluang perniagaan dalam pasaran tertentu (Singer & Carlin, 2013). Yang dimaksudkan dengan peluang dalam pasaran ialah apabila masih terdapat ruang atau kesempatan untuk menawarkan barangan yang boleh memenuhi permintaan dan citarasa pelanggan (Gidron, Adams & Horne, 2019).

Jadual 4.21 menunjukkan isu peluang perniagaan wujud di Sarawak. Parlimen yang perlu diambil perhatian serius adalah Kota Samarahan, Puncak Borneo, Serian, Batang Sado, Batang Lupar, Tanjong Manis, Igan, Sarikei, Julau, Kanowit, Lanang, Bintulu, Sibuti, Miri, Baram, Limbang dan Lawas. Parlimen yang berada pada tahap sederhana terdiri daripada Mas Gading, Santubong, Bandar Kuching, Sri Aman, Lubuk Antu, Saratok, Sibul, Mukah dan Kapit. Lain-lain daerah pula berada dalam kategori rendah iaitu Petra Jaya, Stampin, Betong, Selangau dan Hulu Rajang.

Bantuan kewangan dan perumahan kepada golongan berpendapatan rendah dan miskin

merujuk kepada bantuan yang disediakan kepada kumpulan sasar yang memerlukan, supaya dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan sempurna (Conroy-Krutz & Moehler, 2015; Arceneaux, Johnson & Cryderman, 2013). Secara prinsipnya, di dalam melaksanakan pemberian bantuan kepada rakyat, kerajaan Malaysia tidak sesekali mengamalkan konsep Negara Kebajikan (*Welfare State*) (Hameleers & van der Meer, 2020; Hare & Poole, 2014). Skim bantuan yang diwujudkan adalah sebagai alat dalam proses menolong klien ke arah pemulihan, pencegahan, pembangunan dan pengintegrasian, yang merupakan satu kaedah dalam kerja sosial. Proses pemberian bantuan kebajikan juga mengambil kira potensi yang ada pada setiap penerima bantuan yang masih produktif ke arah hidup berdikari (Ahmed & Matthes, 2017; Bornmann & Mutz, 2015).

Bagi bantuan kewangan, Jadual 4.21 menunjukkan Kota Samarahan, Puncak Borneo, Serian, Batang Sado, Batang Lupar Tanjung Manis, Igan, Sarikei, Julau, Kanowit, Lanang, Bintulu, Sibuti, Miri, Baram, Limbang dan Lawas. Isu bantuan kewangan yang berada dalam kategori sederhana adalah Mas Gading, Santubong, Bandar Kuching, Sri Aman, Lubok Antu, Saratok, Sibu, Mukah dan Kapit. Manakala parlimen yang berada dalam kategori rendah adalah Petra Jaya, Stampin, Betong, Selangau dan Hulu Rajang.

Peluang pekerjaan merujuk kepada sesuatu yang dibuat untuk mendapatkan wang dengan jualan atau perkhidmatan. Banyak kilang didirikan dan peluang pekerjaan pun bertambah. Keadaan ini menggalakkan penduduk berhijrah ke sesuatu kawasan. Hasil perkembangan bandar-bandar utama di negara Malaysia seperti Bandar raya Kuala Lumpur, Georgetown, Johor Bahru, Ipoh, dan Kota Kinabalu turut mewujudkan

pelbagai peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang ekonomi. Keadaan ini berlaku khususnya di sektor perkhidmatan seperti pelancongan dan kewangan, perniagaan, perindustrian, pembinaan dan pentadbiran (Allcott & Gentzkow, 2017; Klinger & Svensson, 2015).

Keadaan ini menarik penduduk luar bandar untuk berhijrah ke bandar bagi mendapatkan pekerjaan dengan kadar upah yang tinggi. Manakala di kawasan luar bandar, kegiatan ekonomi yang dijalankan agak terhad (Graziano, Schuck & Martin, 2020). Peluang pekerjaan yang ada tertumpu pada sektor pertanian. Kadar upah yang diberikan adalah rendah dan tidak menentu atau tidak tetap (Lobo & Pannico, 2020). Kepesatan pembangunan sektor ekonomi moden seperti perindustrian dan perkhidmatan mewujudkan peluang-peluang kerja dan menggalakkan migrasi penduduk ke kawasan tersebut (Iyengar, S. & Simon, 2020).

Bagi peluang pekerjaan, Jadual 4.21 menunjukkan hanya empat parlimen sahaja yang berada dalam kategori tinggi iaitu Sri Aman, Lanang, Selangau dan Hulu Rajang. Parlimen yang berada dalam kategori sederhana adalah Santubong, Stampin, Serian, Batang Lupur, Betong, Igan, Kanowit, Mukah, Sibu dan Kapit. Lain-lain parlimen pula berada dalam kategori rendah iaitu Mas Gading, Petra Jaya, Bandar Kuching, Kota Samarahan, Puncak Borneo, Batang Sado, Lubok Antu, Saratok, Tanjong Manis, Sarikei, Julau, Bintulu, Sibuti, Miri, Baram, Limbang dan Lawas.

Kemudahan infrastruktur awam atau prasarana merujuk kepada kemudahan asas dan sistem yang digunakan bagi sesebuah negara, bandar, atau kawasan, termasuk perkhidmatan dan kemudahan yang diperlukan untuk ekonomi berfungsi (Powell &

Whitten, 2013). Ia biasanya bercirikan struktur teknikal seperti jalan, jambatan, terowong, pembentung, grid elektrik, telekomunikasi, dan sebagainya, dan boleh ditakrifkan sebagai "komponen fizikal sistem saling berkaitan yang menyediakan komoditi dan perkhidmatan yang diperlukan untuk membolehkan, mengekalkan, atau meningkatkan kualiti hidup masyarakat (Yanovitzky, 2022).

Terdapat juga pendapat yang menyatakan infrastruktur awam ialah satu set struktur yang bergabung antara satu sama lain lalu membentuk satu rangka yang menyokong keseluruhan struktur tertentu. Misalnya, infrastruktur pengangkutan merangkumi landasan kereta api, jalan raya, lapangan terbang, pelabuhan dan elemen-elemen lain yang bersangkutan dengan pengangkutan (Thesen, 2022; Sevenans, Walgrave & Epping, 2016; Baxter & Marcella, 2012; Arlt, Hoppe & Wolling, 2011).

Jadual 4.21 menunjukkan nilai min bagi infrastruktur awam. Hanya sembilan parlimen yang didapati berada dalam kategori rendah iaitu Petra Jaya, Betong, Tanjung Manis, Sarikei, Kanowit, Lanang, Selangau, Kapit dan Hulu Rajang. Parlimen yang berada dalam kategori sederhana pula terdiri daripada Mas Gading, Santubong, Bandar Kuching, Sri Aman, Lubok Antu, Saratok, Igan, Kanowit, Lanang. Parlimen yang berada dalam kategori rendah dan perlu diambil perhatian serius adalah Stampin, Kota Samarahan, Puncak Borneo, Serian, Batang Sado, Batang Lupar, Bintulu, Sibuti, Miri, Baram, Limbang dan Lawas.

Isu hak tanah adat di Sarawak merupakan satu isu yang kompleks dan penting, yang melibatkan hak tradisional masyarakat pribumi terhadap tanah mereka. Terdapat beberapa isu utama yang berkaitan dengan hak tanah adat di Sarawak seperti alih guna

tanah dan pembangunan, ketidakjelasan had tanah adat, hak pengurusan sumber alam, konflik dengan pihak berkepentingan ekonomi dan perlindungan hak masyarakat pribumi. Parlimen yang perlu diberi perhatian serius berkaitan isu hak tanah adat adalah Serian, Batang Sado, Batang Lupar, Sibul, Hulu Rajang, Bintulu, Sibuti dan Lawas. Parlimen yang berada dalam kategori sederhana adalah Mas Gading, Santubong, Sri Aman, Lubok Antu, Saratok, Igan, Sarikei, Julau, Mukah, Selangau, Miri dan Limbang. Manakala, lain-lain parlimen pula berada dalam kategori rendah iaitu Petra Jaya, Bandar Kuching, Stampin, Kota Samarahan, Puncak Borneo, Betong, Tanjong Manis, Kanowit, Lanang, Kapit dan Baram.

Rasuah merujuk kepada tindakan tidak jujur atau penipuan oleh mereka yang berkuasa. Rasuah menawarkan, memberi atau menerima apa-apa yang bernilai dengan tujuan untuk mendorong seseorang untuk bertindak atau memberi penghargaan kepada seseorang kerana telah bertindak. Rasuah dilihat serius berlaku di parlimen Mas Gading, Petra Jaya, Bandar Kuching, Stampin, Puncak Boeneo, Batang Sado, Lubok Antu, Saratok, Igan, Sarikei, Kanowit dan Lanang. Rasuah juga didapati berlaku secara sederhana di parlimen Santubong, Serian, Batang Lupar, Sri Aman, Tanjong Manis, Julau, Sibul, Mukah dan Kapit. Kategori rendah pula ditunjukkan oleh parlimen Kota Samarahan, Betong, Selangau, Hulu Rajang, Bintulu, Sibuti, Miri, Baram, Limbang dan Lawas.

Jenayah merujuk kepada idea asas apa yang dikatakan jenayah ialah apa-apa yang boleh memberikan masalah atau kesusahan kepada orang lain. Namun demikian, ada juga perkara-perkara yang dianggap jenayah di sesuatu negara mungkin tidak dianggap jenayah di negara yang lain (Livingston & Bennett, 2013). Selalunya, tugas mencegah

jenayah dan menangkap penjenayah adalah di bawah tanggungjawab pihak polis. Mereka berhak menahan sesiapa yang disyaki untuk dibicarakan oleh mahkamah atau hakim. Sekiranya sabit kesalahan, pesalah tersebut boleh didenda atau dipenjarakan. Sesetengah negara juga mempunyai hukuman mati untuk kesalahan tertentu seperti membunuh dan mengedar dadah (Dunaway & Lawrence, 2015). Bagi sesetengah kesalahan kecil seperti memandu melebihi had laju, pihak polis boleh mendenda pemandu tersebut dengan terus, tanpa perlu mendakwanya di mahkamah konstitusi (Neuner, Soroka & Wlezien, 2019).

Jadual 4.21 mendapati kadar jenayah adalah rendah di parlimen Bandar Kuching, Sri Aman, Betong, Sarikei, Julau, Lanang, Selangau, Hulu Rajang, Bintulu, Sibuti, Miri, Baram, Limbang dan Lawas. Jenayah pada kadar sederhana pula berlaku di parlimen Mas Gading, Santubong, Petra Jaya, Stampin, Lubok Antu, Tanjong Manis, Igan, Kanowit, Sibul, Mukah dan Kapit. Manakala lain-lain parlimen berada dalam kategori jenayah pada tahap tinggi iaitu Kota Samarahan, Puncak Borneo, Serian, Batang Sado dan Batang Lupar.

PATI merujuk kepada pendatang tanpa izin atau pendatang haram merupakan golongan orang yang masuk atau tinggal di sesebuah negara secara haram (Eisensee & Strömberg, 2017; Schneider & Ingram, 2013). Secara haram bermaksud tidak mengikut undang-undang imigrasi, contohnya memasuki negara, seperti Malaysia, tujuan tanpa permit, bukan dengan melalui pintu masuk utama (lorong tikus) dan diatur oleh sindiket pemerdagangan manusia. Malaysia kini maju dan menjadi salah satu negara termoden di Asia Tenggara (Chinn, Hart & Soroka, 2020; Shehata & Strömbäck, 2018). Atas sebab itulah ramai PATI berhijrah dari negara asal ke

Malaysia. Antara sebab-sebab faktor tarikan mereka datang ke negara ini adalah gaji yang lumayan, tawaran pekerjaan dan tempat tinggal yang sempurna (Motta, Stecula & Farhart, 2020; Gomez, R. & Ramiro, 2019).

PATI didapati berlaku pada kadar yang rendah di parlimen Betong, Tanjong Manis, Jualu, Selangau, Hulu Rajang, Bintulu, Sibuti, Miri, Baram, Limbang dan Lawas. Di parlimen Mas Gading, Stampin, Puncak Borneo, Serian, Batang Sado, Batang Lupar, Lubok Antu, Sibul, Mukah dan Kapit pula, PATI berlaku pada kadar sederhana. Namun, di parlimen Santubong, Petra Jaya, Bandar Kuching, Kota Samarahan, Sri Aman, Saratok, Igan, Sarikei, Kanowit dan Lanang situasi PATI adalah amat membinbangkan kerana berada dalam kategori tinggi.

Pengamal media bertanggungjawab mendukung prinsip pelaporan berita yang tepat dan beretika sepanjang masa sekali gus akan meningkatkan integriti pihak media itu sendiri, ini kerana Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) khususnya, menerima banyak aduan mengenai pengamal media melibatkan media konvensional, media dalam talian serta media sosial yang melanggar etika dan undang-undang negara. Kesan-kesan tersebut salah satunya berpunca daripada kebebasan media dalam menyampaikan maklumat. Terdapat beberapa pendapat berkaitan kebebasan media.

Jadual 4.22

*Hasil Temu bual Responden bagi Kesan Kebebasan Media*

<b>Responden</b>	<b>Hasil Temubual</b>
P1	<i>“Kalau lihat pada apa yang media laporkan itu, pada pendapat saya, media bebas sudah untuk keluar apa-apa berita. Cuma kalau nak yang betul. Perlu tengok berita. Tapi berita pun sudah ikut parti mana yang perintah”.</i>

(Jadual 4.22) Sambungan

Responden	Hasil Temubual
P2	<i>“Kalau lihat pada apa yang media laporkan itu, pada pendapat saya, media bebas sudah untuk keluar apa-apa berita. Cuma kalau nak yang betul. Perlu tengok berita. Tapi berita pun sudah ikut parti mana yang perintah”.</i>
P3	<i>“Pada pendapat saya media sekarang bukan hanya setakat bebas tetapi sudah lebih bebas”.</i>
P4	<i>“Media sudah bebas untuk menyalurkan maklumat. Tidak macam sebelum ini. Maklumat hanya dapat tahu dari TV, radio dan akhbar sahaja”.</i>
P5	<i>“Pendapat saya, dengan adanya internet, media sosial, media lebih bebas untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat”.</i>
P6	<i>“Sekarang tengok media sudah bebas untuk salur apa saja berita. Tambah-tambah di Facebook”.</i>
P7	<i>“Pada pendapat saya, kebebasan media tu dah ok. Tapi kadang-kadang macam melampau sangat pun ada”.</i>
P8	<i>“Tidak pasti juga saya tentang kebebasan media. hari-hari hanya dengar radio saja. Kalu pergi rumah saudara di dekat Bandar baru boleh tonton TV atau baru boleh tahu macam-macam”.</i>
P9	<i>“Ya. Dapat lihat media sekarang sudah bebas untuk bersuara. Tapi rasa ada had untuk salurkan maklumat atau berita”.</i>
P10	<i>“Kalau tengok TV memang media tiada bebas untuk salur maklumat. Tapi itu la, TV pun hanya salur maklumat dari pihak kerajaan sahaja, pihak pembangkang yang tidak baik saja dia tunjuk”.</i>

Dapatan soal selidik juga menunjukkan kebebasan media berada dalam kategori sederhana iaitu 3.26. Ini menunjukkan kebebasan media perlu dikaji semula terutama berkaitan akta dan undang-undang. Malaysia berada di tangga ke-73 Indeks Kebebasan Media Dunia 2023 berdasarkan laporan *Reporters without Borders* (RSF), berbanding tangga ke-133 tahun lepas. Dalam indeks berkenaan, kedudukan Malaysia meningkat 40 anak tangga dengan mencatat 62.83 mata berbanding tahun sebelumnya

pada kedudukan 113 dengan 51.55 mata.

Malaysia turut menduduki kedudukan tertinggi di ASEAN, diikuti Thailand di kedudukan ke-106, Indonesia (108), Singapura (129), Filipina (132), Brunei (142), Kemboja (147), Laos (160), Myanmar (173) dan Vietnam (178). Indeks berkenaan yang disiarkan di laman sesawang RSF, bertujuan membandingkan tahap kebebasan pengamal-pengamal media di 180 negara dan wilayah seluruh dunia.

Media sosial dan undi 18 mempunyai kaitan yang cukup kuat dalam menentukan kestabilan politik Malaysia. Malah ada pendapat yang menyatakan undi 18 adalah punca kepada ketidakstabilan politik di Malaysia pasca PRU 15 (Marllisa, 2022). Ini kerana pada usia 18 tahun pelajar baru menamatkan pendidikan di sekolah menengah dan kebanyakan mereka masih tidak mengenali dunia politik. Kesannya, kerajaan gagal dibentuk dalam tempoh yang singkat kerana tiada parti yang berjaya meraih majoriti mudah bagi membentuk kerajaan.

Daripada kira-kira 21.1 juta rakyat yang layak mengundi pada pilihan raya PRU 15, 1.3 juta orang adalah kelompok berusia bawah 21 tahun yang mengundi buat pertama kali, dan menurut seorang penganalisis, keketekan ilmu tentang penubuhan kerajaan serta perjalanan pilihan raya golongan itu jelas dilihat pada keputusan pilihan raya itu. Walaupun golongan itu dilihat tidak terikat dengan mana-mana ideologi politik, mereka dipercayai lebih mudah terpengaruh dengan isu politik semasa yang diuar-uar menerusi media sosial dan keadaan itu dicerminkan pola pengundian mereka.

PRU 15 disebut-sebut sebagai "PRU Tik Tok" apabila undi belia menepis ramalan

badan-badan pemikir seperti Perikatan Nasional (PN) hanya mampu meraih 25 kerusi dan Barisan Nasional (BN) 51 kerusi Parlimen. Jangkaan tersebut meleset apabila PN mendapat kerusi di kawasan majoriti pengundi Melayu dan kerusi yang dimenangi BN turun kepada 30 iaitu 51 peratus daripada bilangan pada PRU14 lalu. Pengerusi PN Muhyiddin Yassin antara yang bijak menguasai sosial media Tik Tok ketika berkempen di mana aplikasi itu menjadi tumpuan utama media sosial dalam negara.

Seorang pakar penganalisis data Mohd Hafeez Nazri menyatakan impak penggunaan sosial media sudah mula kelihatan sejak PRU 14 lalu. Ketika itu, saluran yang digunakan adalah berbeza dengan saluran yang digunakan pada PRU 15 kali ini. Jika lihat pada data tangga tiga terbaik penggunaan media sosial pun, pengguna TikTok di Malaysia dalam tempoh dua tahun ini meningkat kepada 14.4 juta orang. Tambahnya, jika dibandingkan dengan pengguna Twitter hanya mempunyai sekitar 4.4 juta dan Facebook masih mempunyai bilangan tertinggi sekitar 21 juta pengguna memandangkan aplikasi itu sudah bertapak melebihi satu dekad lalu. Sejak sekian lama, UMNO dan Barisan Nasional (BN) mendominasi corak kempen pilihan raya di negara ini. Berpuluh tahun lamanya pertempuran sengit gabungan politik bertarung melibatkan ceramah umum, perang poster dan manipulasi media-media massa.

Perkembangan teknologi dan digital pula membawa kepada kepesatan blog dibangunkan pada zaman pentadbiran perdana menteri ke-5, Abdullah Ahmad Badawi dan berlarutan sehingga peringkat awal pentadbiran Najib Razak. Di penghujung pentadbirannya, naratif pilihan raya tertumpu kepada media sosial Facebook dan Twitter sehingga berjaya menumbangkan kerajaan BN apabila kemarahan rakyat terhadap skandal 1MDB memenuhi platform-platform berkenaan.

Di sebalik rancaknya parti-parti politik menggunakan media sosial untuk berkempen, mereka juga perlu meletakkan perhatian kepada kelemahan dan kelompongan yang wujud pada kaedah tersebut. Ini terutamanya platform digital mempunyai kelemahan terutamanya limitasi akses internet, gender dan kelompok umur rakyat. Penggunaan media sosial boleh mencapai sasaran secara meluas tetapi kelompok yang ingin dipasarkan kemungkinan tercacir. Atas sebab itu, penggunaan kempen secara dalam talian lebih baik digunakan untuk membuat hebahan kepada skop makro atau menyeluruh seperti pengumuman manifesto.

Kempen pilihan raya menerusi internet mula signifikan pada 2008 melalui blog dan agensi berita persendirian, manakala PRU pada 2013 turut digelar sebagai pilihan raya media sosial kerana semua pelantar media sosial digunakan untuk penyaluran maklumat. Justeru, PRU 15 bagi sebahagian penganalisis dijangka menjadi pilihan raya TikTok apabila media sosial berkonsepkan video pendek dan penerangan ringkas digunakan secara meluas semua parti politik.

Gelombang TikTok tidak boleh dielakkan berikutan pelantar itu meraih populariti tertinggi pada PRU di Jerman, Colombia, Filipina dan Amerika Syarikat (AS). TikTok juga sedang membentuk 'inkubator' utama bagi maklumat tidak berasas dan mengelirukan seperti Facebook dan Twitter menjejaki maklumat palsu dalam talian. Kualiti sama membolehkan TikTok menyemarakkan aliran tular, jangkauan platform besar, panjang pendek videonya dan algoritma pengesyoran.

Secara umumnya, banyak kajian dijalankan untuk meneliti media baharu sebagai medium penyebaran maklumat politik, sekali gus mengesahkan ia terbukti penting

sebagai instrumen menyebar luas aktiviti politik dalam masyarakat. Bukan itu sahaja, malah hasil dapatan kajian ini juga memperlihatkan kebanyakan responden menunjukkan peratusan kepuasan tinggi dan persepsi positif terhadap penggunaan media baharu sebagai saluran penyebaran maklumat politik.

Justeru, PRU 15 hampir pasti menjadi 'pilihan raya TikTok' kerana media sosial berkonsepkan video pendek dengan penerangan ringkas digunakan meluas oleh semua parti politik. Kita akan melihat lebih banyak ahli politik memanfaatkan kandungan video singkat dengan durasi maksimum tiga minit yang dianggap sangat membantu dalam menyampaikan maklumat lebih mudah difahami.

Bagaimanapun, kewujudan media sosial ini turut mencetuskan pelbagai andaian terhadap rupa bentuk keputusan nanti dan apakah faktor menyumbang kemenangan atau kekalahan parti tertentu. Malah ada pihak bimbang kerana tidak pasti kecenderungan pengundi muda kali ini khususnya Melayu. Ada aktivis dan pemimpin politik mengandaikan golongan ini bakal menentukan keputusan PRU. Sejauh manakah andaian itu benar?

Hakikatnya, zaman pengundi muda mempercayai segala maklumat politik daripada media sosial dan internet hingga terus teruja dengan pelbagai slogan termasuk 'Ubah' dan 'Menyelamatkan Malaysia' sudah berlalu. Kajian mendapati pengundi muda semakin bijak membuat penilaian terhadap maklumat disebar luas atau tular dalam media sosial bermotif politik. Orang muda juga tertarik dengan faktor ini - lebih sejuta pekerjaan berpendapatan tinggi bakal diwujudkan dengan menggunakan aplikasi TikTok untuk mempengaruhi pemikiran golongan muda dan disediakan dan

pertingkatkan.

Malah, aplikasi ini menyediakan dan membentuk acuan, hasrat serta kehendak warga muda, maka andaian bahawa pengundi muda bakal memihak pembangkang tidak begitu tepat. Bagaimanapun di sebalik banyak manfaat kepada pengguna terutama generasi muda, pihak berwajib perlu peka dengan sebarang salah guna medium itu dalam kalangan orang politik.

#### **4.8 Objektif III: Mencadangkan Penambahbaikan Peranan Media dalam Mempengaruhi Keputusan Pilihan Raya di Sarawak**

Seterusnya, bagi objektif ketiga, kajian ini secara tidak langsung dapat mencadangkan penambahbaikan peranan media dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya di Sarawak. Hasil temu bual seperti di Jadual 4.23 mendapati pelbagai cadangan dan idea dikemukakan oleh kesemua informan.

Jadual 4.23

*Hasil Temu bual Responden bagi Objektif Ketiga*

<b>Responden</b>	<b>Hasil Temubual</b>
P1	<i>“Pendapat saya, ada dua. Satu berkaitan akta. Dan satu lagi berkaitan kemudahan internet. Bagi saya di Bandar tiada masalah internet, tapi bagi yang tinggal di pedalam memang kasihan, banyak yang terlepas maklumat-maklumat penting dari kerajaan. Seperti bantuan. Tambah anak-anak muda yang sekolah tidak dapat kuasai kemahiran ICT. Ini memberi kesan kepada masa depan mereka. Yang akta itu, bagi media. Kerajaan perlu ada tetapkan had-had tertentu untuk media sampaikan maklumat. Banyak maklumat yang tidak benar di internet sekarang, tambah-tambah dengan media sosial”.</i>

Jadual 4.23 (Sambungan)

Responden	Hasil Temubual
P2	<p><i>“Kerajaan perlu pantau apa yang media siarkan. Kadang-kadang ada media yang menyalahguna istilah kebebasan media. Ada yang boleh cetus perbalahan kaum. Undang-undang perlu diperketatkan dan tindakan yang tegas perlu diambil bagi yang salah”.</i></p>
P3	<p><i>“Mohon kerajaan dapat sedia kemudahan internet dan yang berkaitan kepada rakyat Sarawak. terutama yang tinggal di pedalaman. Susah untuk hubungi keluarga di kampung”.</i></p>
P4	<p><i>“Kalau boleh mohon pihak kerajaan sediakan peruntukan untuk membeli data terutama kepada golongan pendapatan rendah”.Bagi saya, walau saya tidak guna internet, tapi saya tahu internet sangat penting sekarang. Tambah-tambah untuk anak-anak muda yang sekolah. Memang sangat membantu”.</i></p>
P5	<p><i>“Kawasan kampung tambah-tambah pedalaman memang tiada internet. Jadi kalau boleh tolong bagi kami internet. Mudah untuk kami urusan. Macam-macam berita kami boleh tahu”.</i></p>
P6	<p><i>“Kerajaan perlu ambil tindakan untuk sedia internet. Memang kami sangat perlu internet.</i></p>
P7	<p><i>Banyak boleh guna dengan ada internet. Bukan untuk pilihan raya sahaja”.</i></p>
P8	<p><i>“Kemudahan internet yang paling kami sini perlu. Banyak boleh guna dengan internet. Tapi yang sebelum ini ada kajian buat, nyata pada kami, kalau syarikat internet datang sedia internet, ia satu kerugian bagi mereka. Sebab orang tidak ramai. Jadi tidak berbaloi atau mereka tidak untung. Ini yang kerajaan perlu tekankan bagi kami di pedalaman Sarawak”.</i></p>
P9	<p><i>“Untuk kami di kawasan pedalaman ini, bagi saya kalau boleh bagi internet laju. Kalau tidak boleh peruntuk peralatan cukup bag kamu kalau kerajaan boleh sedia kemudahn macam di semenanjung, macam pusat internet percuma terutama untuk anak-anak sekolah”.</i></p>
P10	<p><i>“Saya kalau boleh mahu kerajaan ambil perhatian berkaitan internet. Saya tidak guna. Tapi untuk kemudahan anak-anak. Bukan hanya untuk pilihan raya sahaja, tapi untuk keperluan harian”.</i></p>

Ringkasnya, cadangan bagi kajian ini dapat diringkaskan kepada tiga perspektif utama iaitu:

1. Masyarakat
2. Pengamal Media
3. Pihak Berkepentingan
  - a) Kerajaan
  - b) Swasta

#### **4.9 Rumusan Bab**

Pilihan raya merupakan satu komponen yang penting dalam demokrasi. Rakyat dapat memilih wakil rakyat yang mewakili mereka dalam sistem perundangan ataupun kerajaan yang mentadbir sesebuah negara melalui cara pengundian dalam pilihan raya. Media atau budaya popular digunakan untuk menjelaskan bagaimana politik dan media massa (media arus perdana iaitu media cetak dan media elektronik dan media alternatif) mewakili perkataan serta grafik dan audio yang menarik dalam menghasilkan kesan atau pengaruh terhadap pilihan politik yang konsisten dan teratur.

Elemen grafik, audio visual serta ayat dan kata-kata yang bersifat memujuk, memerli dan dapat menaikkan semangat seseorang individu telah berjaya menarik minat seterusnya mempengaruhi persepsi dan pilihan politik masyarakat massa. Apa yang membezakan tahap penerimaan medium geopolitik popular ini ialah sama ada mereka menerima bulat-bulat maklumat yang disampaikan ataupun memikirkan kesahihan maklumat tersebut secara rasional atau emosional. Justeru, semua pihak perlu matang dalam menyampaikan maklumat atau menerima maklumat bagi memastikan kestabilan politik dan sosioekonomi negara ini berterusan dan berkekalan selamanya

## BAB LIMA

### KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN

#### 5.1 Pengenalan

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan dengan lebih terperinci dapatan kajian bagi objektif-objektif yang telah ditetapkan iaitu mengenalpasti tahap penggunaan media dalam pilihan raya di Sarawak, mengenalpasti kesan media kepada keputusan pilihan raya di Sarawak dan mencadangkan penambahbaikan peranan media dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya di Sarawak.

#### 5.2 Perbincangan

Secara keseluruhannya, terdapat tiga objektif di dalam kajian ini yang mana ketiga-tiga objektif yang ditetapkan telah dapat dicapai. Yang mana, media secara keseluruhannya diterima oleh masyarakat sebagai medium pengantaraan dalam mendapatkan maklumat. Keempat-empat media yang digunakan di dalam kajian ini iaitu media cetak (majalah, akhbar), media penyiaran (TV, radio), internet dan *Out of Home* OOH (iklan) telah memberi kesan kepada masyarakat sewaktu Pilihan Raya Negeri (PRN) 2016 serta Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 di Sarawak. Perbincangan diteruskan dengan memperihalkan rumusan bagi setiap objektif dan diakhiri dengan cadangan kajian.

##### 5.2.1 Rumusan Objektif Pertama

Objektif pertama kajian ini adalah bagi mengenalpasti tahap penggunaan media dalam pilihan raya di Sarawak. Hasil analisis objektif kajian yang pertama ini menunjukkan pengundi menerima media sebagai medium pengantara bagi tujuan penerimann

maklumat sepanjang tempoh PRN 2016 serta PRU 2018 di Sarawak. Media yang dimaksudkan adalah media cetak, media penyiaran, media internet dan OOH. Keempat-empat media tersebut mempunyai keunikan tersendiri dalam menyantuni pengundi. Penemuan ini menunjukkan bahawa media memberi impak yang amat besar dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya di Sarawak. Yang mana ianya seiring dengan dapatan kajian sebelum ini yang mendapati bahawa media memainkan peranan penting dalam membentuk pengetahuan politik di kalangan masyarakat. Pendedahan kepada kandungan politik melalui saluran berita seperti TV, akhbar dan media sosial adalah sumber utama maklumat politik untuk masyarakat. Semakin mereka terdedah kepada berita politik, semakin tinggi kemungkinan masyarakat memahami isu politik, sekaligus mempengaruhi keputusan pilihan raya (Anuar, 2020; Nadrawina, 2018; Noor Farish, 2019; Norshahril, 2019; Obar & Wildman, 2015).

Nadrawina (2018) melaporkan bahawa media digunakan untuk mendapatkan maklumat politik meningkat semasa musim pilihan raya, kerana kempen politik membanjiri kebanyakan platform media, sama ada konvensional atau digital. Pada masa ini, kumpulan kurang berminat politik dilaporkan mempunyai minat yang meningkat dalam politik dan cenderung menggunakan media untuk mendapatkan berita kempen dan politik. Hal ini kerana media disifatkan sebagai satu alat yang paling berkuasa untuk menyebarkan maklumat. Berkenaan dengan politik dan pilihan raya, di Filipina dan Thailand, media turut memainkan peranan yang sangat kritikal dan memberi impak besar kepada pengguna. Seperti yang dilaporkan oleh Obar dan Wildman (2015), media sosial mempengaruhi orang ramai dengan isu yang disiarkan oleh pemula. Berdasarkan kajian lepas, ia menunjukkan pengaruh yang diperoleh daripada media sosial mempunyai peranan yang sangat signifikan dalam pilihan raya.

Dapatan kajian jelas menunjukkan dalam era dunia tanpa sempadan dan teknologi yang berkembang pesat, media internet lebih diterima oleh pengundi terutamanya media sosial. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Anuar (2020) yang melaporkan ahli politik di Malaysia telah pun menggunakan rangkaian media sosial untuk melibatkan dan menarik populasi digital muda yang telah membesar menggunakan Internet. Facebook, Twitter, YouTube, portal berita dan blog adalah contoh alat media sosial yang menarik yang sangat bergaya, murah dan mudah diakses yang boleh menarik minat pengundi muda masa kini. Dengan menggunakan kategori media ini, ahli politik boleh mencapai lebih ramai pengundi berpotensi berbanding sebelum ini.

Meskipun begitu, media cetak didapati masih diterima oleh pengundi di Sarawak. Media OOH juga didapati mulai diterima terutama di kawasan bandar. Pengiklanan OOH telah menunjukkan bahawa ianya merupakan salah satu faktor dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya. Choubey (2019) di dalam kajiannya juga berpendapat pengiklanan OOH ini telah semakin diiktiraf oleh parti politik dan ahli politik sebagai alat untuk kempen politik. Jadual 5.1 menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi pengundi dalam corak keputusan pengundian.

Jadual 5.1

*Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pengundi (Media)*

Media	Faktor –faktor Mempengaruhi
Media cetak	▪ Maklumat lebih sahih
Media penyiaran	▪ Maklumat lebih sahih
	▪ Umur
	▪ Pekerjaan
Media internet	▪ Mudah digunakan
	▪ Harga peralatan lebih murah
	▪ Jalur lebar atau internet meluas
	▪ Jimat masa
<i>Out of Home (OOH)</i>	▪ Lebih menarik

Faktor-faktor yang mempengaruhi pengundi melalui media cetak adalah disebabkan oleh kesahihan maklumat yang disampaikan. Di mana media cetak dilihat lebih berhati-hati dalam menyampaikan maklumat berbanding media lain. Bagi media penyiaran (TV dan radio), selain kesahihan maklumat yang disampaikan, faktor usia dan jenis pekerjaan juga didapati mempengaruhi pengundi. Faktor usia menunjukkan pengundi lebih memilih TV, di mana faktor penglihatan dan pengetahuan ICT menghalang mereka terutama warga emas untuk menggunakan media internet (Shim & Oh, 2017).

Bagi faktor pekerjaan, pekerjaan *e-hailing* dan penghantar barangan dan makanan (*rider*) dilihat semakin mendapat tempat dalam kalangan penduduk di Sarawak terutama bagi mereka yang melakukan pekerjaan sampingan atau *part-time*. Bagi mereka yang terlibat dalam pekerjaan ini, mereka lebih banyak tertumpu kepada media penyiaran iaitu radio.

Perkembangan pesat dunia teknologi, telah membawa media internet ke tahap yang lebih jitu. Setiap lapisan masyarakat dapat menerima teknologi ICT dengan baik dan dapat mengaplikasi ICT dalam aktiviti seharian. Selain mudah digunakan, peralatan atau kemudahn untuk menggunakan internet mudah untuk didapati pada masa kini. Malah harga mampu miik bagi peralatan internet seperti telefon pintar dan langganan data (internet) sudah banyak berada di pasaran (Norshahril, 2019). Meskipun begitu, kemudahan harga dan data hanyalah bagi pengundi yang berada di kawasan bandar. Situasi sebaliknya masih menghantui pengundi di kawasan luar bandar dan pedalaman Sarawak.

Situasi di kawasan luar bandar dan pedalaman Sarawak mungkin disebabkan oleh

faktor pendapatan dan pekerjaan. Majoriti pengundi terdiri daripada mereka yang bekerja sendiri dan mempunyai pendapatan yang tidak tetap. Disebabkan itu mereka mempunyai kesukaran untuk memiliki peranti dan berpeluang untuk menggunakan teknologi internet.

Walau bagaimanapun, masih terdapat kekangan atau halangan bagi pengundi dalam mendapatkan maklumat daripada pihak media terutama media internet. Kekangan utama yang dihadapi oleh pengundi adalah masalah jaringan internet terutama bagi mereka yang tinggal di luar bandar atau pedalaman. Bagi media penyiaran pula, kekangan yang dihadapi adalah siaran yang tidak jelas apabila menggunakan radio dan TV. Bagi media cetak, generasi kini dilihat tidak gemar membaca. Hanya pengundi berusia atau warga emas sahaja yang didapati menggunakan media cetak terutamanya akhbar.

### **5.2.2 Rumusan Objektif Kedua**

Objektif kedua kajian ini adalah bagi mengenalpasti kesan media kepada keputusan pilihan raya di Sarawak. Ringkasnya, media telah memberi kesan positif dan negatif kepada pengundi. Kesan positif adalah penyampaian maklumat berkaitan pilihan raya yang pantas dan efisien melalui media internet iaitu media sosial. Kesan positif ini dipengaruhi oleh tiga elemen utama iaitu calon, parti dan pengundi. Ketiga-tiga elemen ini secara tidak langsung memberi kesan kepada corak keputusan pengundi. Hasil kajian ini telah menyokong objektif dan persoalan kedua kajian ini, di mana ketiga-tiga elemen utama ini mempunyai hubungan positif secara langsung dengan keputusan pilihan raya di Sarawak. Di samping itu, hubungan tiga elemen ini berada pada tahap yang tinggi dan sederhana. Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian empirikal

dahulu yang telah dilakukan oleh Zheng (2015) dan Means (2016) yang telah mengesahkan parti politik berfungsi sebagai penghubung antara institusi yang melaluinya kepentingan rakyat disalurkan dan diwakili dalam struktur pemerintahan. Sebuah parti politik yang lebih matang akan berusaha untuk mewakili semua orang di dalam negara tanpa mengira kecenderungan politik mereka apabila mereka telah membentuk kerajaan. Pendekatan ini akan menjamin bahawa individu yang tergolong dalam kumpulan minoriti atau mereka yang tidak menyokong wakil rakyat diberi peluang untuk mewakili, supaya memastikan kepentingan mereka diambil kira secukupnya semasa proses membuat keputusan.

Hubungan positif di antara calon dan keputusan pilihan raya yang terdapat di dalam kajian ini adalah selaras dengan penemuan terdahulu (Yordanova dan Kabakchieva, 2017) yang mana telah melaporkan bahawa kemahiran politik seseorang calon politik mempunyai hubungan signifikan secara positif dengan keberkesanan kempen, dan niat, melalui keberkesanan kempen. Kajian ini juga mendapati kesan tidak langsung yang ketara untuk kemahiran politik terhadap prestasi pilihan raya (iaitu peratusan undi), melalui keberkesanan dan niat kempen.

Jadual 5.2

*Faktor Mempengaruhi Corak Keputusan Pengundi*

Corak Keputusan Pengundi	Faktor Mempengaruhi
Calon	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Ketokohan dan personaliti</li> <li>▪ Kesahihan maklumat</li> </ul>
Parti	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Integriti</li> </ul>
Pengundi	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Keahlian</li> <li>▪ Sealiran</li> <li>▪ Viral</li> <li>▪ Pertalian</li> <li>▪ Desakan</li> </ul>

Kajian ini menjelaskan corak keputusan pengundi dipengaruhi oleh tiga elemen utama iaitu calon, parti dan pengundi. Sebagai pengundi beberapa elemen perlu dipertimbangkan sebelum sebarang keputusan dibuat. Bagi pengundi, enam faktor dipertimbangkan iaitu keahlian dalam parti politik, pandangan pengundi yang sealiran dengan fahaman politik calon yang bertanding, maklumat politik yang bersifat tular atau *viral*, pertalian etnik dan agama dengan calon yang bertanding serta desakan rakan sebaya dan keluarga.

Parti politik dan calon bertanding adalah saling mempengaruhi dan mempunyai hubungan yang kuat dalam memastikan kemenangan dalam pilihan raya. Bagi pengundi, pemilihan parti politik adalah berdasarkan integriti sesebuah parti politik. Integriti parti politik ini semestinya dicerminkan melalui calon yang terpilih untuk bertanding. Bagi calon, pengundi akan melihat calon dari segi ketokohan dan personaliti dan kesahihan maklumat iaitu melalui manifesto yang ditawarkan kepada pengundi.

Bagi kesan negatif pula, corak keputusan pengundi didapati dipengaruhi oleh pembangunan ekonomi. Antara pembangunan ekonomi yang didapati memberi kesan kepada corak keputusan pengundi adalah peluang perniagaan, bantuan kewangan dan perumahan kepada golongan berpendapatan rendah dan miskin, peluang pekerjaan, kemudahan infrastruktur awam, hak tanah adat, rasuah, jenayah dan pendatang asing tanpa izin (PATI). Jika dilihat dari keutamaan calon atau parti, Jadual 5.3 menunjukkan isu yang menjadi keutamaan calon atau parti berdasarkan parlimen. Dapatan ini jelas menunjukkan keperluan yang perlu dipenuhi oleh calon dan parti bagi parlimen terlibat.

Jadual 5.3

*Isu yang Menjadi Keutamaan Calon atau Parti*

Isu	Parlimen
Peluang Perniagaan	Kota Samarahan Puncak Borneo Serian Batang Sado Batang Lupar Tanjong Manis Igan Sarikei Julau Kanowit Lanang Bintulu Sibuti Miri Baram Limbang Lawas
Bantuan Kewangan Dan Perumahan	Kota Samarahan Puncak Borneo Serian Batang Sado Batang Lupar Tanjong Manis Igan Sarikei Julau Kanowit Lanang Bintulu Sibuti Miri Baram Limbang Lawas



UUM  
Universiti Utara Malaysia

(Jadual 5.3) Sambungan

Isu	Parlimen
Peluang Pekerjaan	Mas Gading Petra Jaya Bandar Kuching Kota Samarahan Puncak Borneo Batang Sado Lubokantu Saratok Tanjong Manis Sarikei Julau Bintulu Sibuti Miri Baram Limbang Lawas
Kemudahan Infrastruktur Awam	Stampin Kota Samarahan Puncak Borneo Serian Batang Sado Batang Lupar Bintulu Sibuti Miri Baram Limbang Lawas
Hak Tanah Adat	Serian Batang Sado Batang Lupar Sibu Hulu Rajang Bintulu Sibuti Lawas
Rasuah	Mas Gading Petra Jaya Bandar Kuching Stampin Puncak Borneo Batang Sado Lubuk Antu



UUM  
Universiti Utara Malaysia

(Jadual 5.3) Sambungan

Isu	Parlimen
Rasuah	Saratok Igan Sarikei Kanowit Lanang
Jenayah	Kota Samarahan Puncak Borneo Serian Batang Sado Batang Lupar
Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)	Santubong Petra Jaya Bandar Kuching Kota Samarahan Sri Aman Saratok Igan Sarikei Kanowit Lanang

Selain itu, objektif kedua juga turut mendapati kepelbagaian pendapat bagi kebebasan media. Di sini pentingnya pengundi dalam menilai dan berfikiran ke hadapan dalam menilai kandungan yang terdapat dalam sesebuah media. Tujuan hanya satu, agar tidak salah memilih pemimpin iaitu wakil rakyat di peringkat parlimen dan DUN. Media hanyalah alat atau platform yang digunakan untuk menyebarkan manifesto, propaganda dan sebagainya.

Seterusnya, kajian ini juga turut mendapati media internet iaitu media sosial banyak mempengaruhi pengundi terutama sewaktu PRU 14 dan PRN 10. Dapatan ini

semestinya mempunyai hubungan dengan pelaksanaan undi 18 atau pengundi berumur minimum 18 tahun untuk mengundi. Hal ini kerana majoriti pengguna media sosial adalah daripada golongan muda terutama pengundi berumur 18 tahun. Kedua-dua faktor ini merupakan faktor utama yang menyebabkan berlakunya gelombang besar dalam ketidakstabilan politik Malaysia sewaktu PRU 14, tambah-tambah lagi dengan kehadiran media baharu iaitu TikTok.

Lebih empat juta rakyat negara ini menggunakan aplikasi TikTok turut menarik perhatian golongan ahli politik untuk beralih ke arah platform itu kerana bukan sahaja cara muat naiknya mudah, bahkan penyampaian mesej lebih senang difahami. Dalam tempoh dua tahun ini, golongan ahli politik mengubah cara membina pengaruh kepada lebih aktif tetapi kebanyakannya berkongsi secara ringkas. Justeru, TikTok dijangka menjadi pelantar pilihan kempen PRU 14 bersama aplikasi WhatsApp yang sudah digunakan meluas ketika kempen PRN 10. Penganalisis politik juga berpendapat kedua-dua aplikasi itu dilihat mempunyai capaian meluas tidak terbatas umur. Aplikasi seperti Twitter biasanya menjadi pilihan individu berusia bawah 30 tahun, manakala Facebook pula antara 30 hingga 60 tahun.

### **5.2.3 Rumusan Objektif Ketiga**

Objektif ketiga pula adalah bagi mencadangkan penambahbaikan peranan media dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya di Sarawak. Jelas dalam konteks Pilihan PRN 2016 serta PRU 2018 di Sarawak, media secara signifikannya berperanan dalam menyampaikan maklumat, meracuni pemikiran, mempengaruhi pengundi serta dijadikan saluran propaganda dan penyebaran fitnah, malah maklumat palsu juga tidak boleh disangkal lagi.

Daripada apa yang dapat diteliti sepanjang kempen PRN 2016 dan PRU 2018 bahkan beberapa tahun sebelumnya, media sosial telah menjadi saluran penting dan utama bagi semua parti politik untuk berkomunikasi dengan ahli dan pengikut. Sepanjang tempoh kempen selama lebih dua minggu, kedua-dua parti utama iaitu BN dan juga PH (PKR, BERSATU, DAP dan AMANAH), menggunakan pelbagai saluran bukan sahaja untuk menyampaikan informasi dan maklumat terkini, tetapi juga turut digunakan untuk berinteraksi dengan rakyat melaluinya (Gomez 2018). Kesemua medium ini dimanfaatkan oleh pengundi muda dan mewujudkan kebangkitan orang muda yang ‘membadai’ BN sehingga BN dan PAS tewas teruk bagi saluran orang muda terutamanya di kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia iaitu di Kuala Lumpur, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.


Kesimpulannya, pengaruh media berperanan penting terhadap sokongan kepada parti politik. Hal ini menunjukkan bahawa jika sesebuah parti politik yang ingin mendapatkan sokongan dari rakyat, mereka sewajarnya memainkan peranan untuk meraih sokongan. Hal ini kerana, rakyat kini semakin bijak dalam memilih media yang lebih pantas dalam memberi maklumat yang terkini dan mereka juga sudah makin berani mengkritik sesebuah parti politik yang tidak membela nasib rakyat dan sekali gus memberi kesan pengaruh kepada sesebuah parti politik itu.

Oleh itu, sewajarnya kedua-dua parti politik baik di pihak kerajaan mahupun pembangkang menguasai media alternatif yang lebih banyak menjadi pilihan netizen kini memandangkan media ini lebih pantas, mesra pengguna dan lebih efisien jika dibandingkan dengan media arus perdana yang masih bersifat tradisional dan tertumpu kepada golongan-golongan tertentu saja.

### 5.3 Cadangan

Seperti mana yang telah dibincangkan, Teori Kebergantungan Media, Model Penerimaann Teknologi, Teori Pilihan Rasional dan Teori Sosiologi adalah teori dan model yang digunakan sebagai panduan kepada kajian ini. Teori dan model ini juga digunakan untuk membentuk objektif bagi kajian ini. Berdasarkan dapatan, jelas menunjukkan bahawa bagi memastikan media memainkan peranan dengan lebih efisien sewaktu pilihan raya kesemua elemen perlu dipertimbangkan oleh pihak-pihak berkepentingan Elemen-elemen yang telah dikenalpasti adalah masyarakat, pengamal media dan pihak berkepentingan iaitu kerajaan dan swasta.

Bagi menghadapi cabaran ini, pihak media atau pengamal media tidak boleh melaksanakannya bersendirian. Kolaborasi dengan agensi lain adalah perlu dalam menyampaikan maklumat yang terbaik buat rakyat Malaysia.



Rajah 5.1: Ringkasan Cadangan Kajian

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan Sistem Pemerintahan Demokrasi Berparlimen yang berasaskan kepada Sistem Raja Berperlembagaan di

mana Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong merupakan Ketua Negara. Di bawah Sistem Demokrasi Berparlimen, Pentadbiran Negara Malaysia terbahagi kepada tiga (3) cabang utama iaitu Perundangan, Kehakiman dan Pentadbiran atau Eksekutif.

Manakala sistem pengundian yang diamalkan dalam pilihan raya di negara kita pula dari dahulu hingga sekarang, adalah sistem “undian pemenang undi terbanyak” (*first-past-the-post* (FPTP)). Sistem FPTP merupakan salah satu jenis sistem pengundian majoritarian, iaitu mana-mana calon yang mendapat undi terbanyak dalam sesuatu kawasan pilihan raya akan menjadi satu-satunya wakil rakyat untuk kawasan berkenaan (Siddiquee & Zafarullah, 2020).

Oleh kerana kajian ini memberi tumpuan kepada penglibatan media dalam pilihan raya, maka cadangan adalah lebih tertumpu kepada tiga elemen utama iaitu masyarakat, pengamal media dan pihak berkepentingan.

### **5.3.1 Masyarakat**

Dalam kehidupan masyarakat yang sentiasa mengejar arus pembangunan, media memainkan peranan yang cukup penting untuk merealisasikan impian masyarakat ke arah kehidupan yang lebih moden dan sejajar dengan wawasan negara. Media dikatakan mampu mendidik rakyat serta mampu menentukan arah kehidupan masyarakat. Elemen masyarakat telah dikenalpasti melalui pembolehubah tingkah laku dan teknologi.

Antara peranan dan tanggungjawab sebagai seorang pengguna media adalah

penyebarkan maklumat yang sahih dan benar, tidak membuat provokasi yang boleh mencetuskan perpecahan kaum, tidak melakukan aktiviti penipuan siber dan banyak lagi. Penyebaran maklumat yang tidak sahih bukan hanya dilakukan oleh pengamal media, malah masyarakat juga turut terlibat.

### **5.3.2 Pengamal Media**

Sepertimana elemen masyarakat, elemen pengamal media juga turut dikenalkan melalui pembolehubah tingkah laku dan teknologi. Di dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat awam seseorang pengamal media perlulah berlandaskan etika kerja yang telah ditetapkan. Maklumat yang disampaikan perlulah benar seperti disarankan, masyarakat akan lebih ramai mengikuti maklumat di media jika mereka yakin dan percaya dengan maklumat yang disalurkan. Ini kerana media berputar di sekitar individu dan masyarakat. Ia bertujuan untuk membina individu dan masyarakat. Komunikasi dan adalah amalan yang bertujuan untuk mencapai kepentingan semua (Zaki et al., 2020).

